



## Bab 1

Hasnah memberhentikan keretanya di tepi Lebuhraya LDP menghala ke arah Kelana Jaya. Dia memberhentikan keretanya secara mendadak sehingga menyebabkan kereta Proton Wira di belakang kami membunyikan hon lalu menunjukkan isyarat tangan 'fuck' ke arah Hasnah.

Hasnah tidak mengendahkan langsung maki hamun yang diterimanya dari kereta Proton Wira tadi. Matanya terus ke arah ku. Kata-kata ku tadi telah menyebabkannya marah. Bengang. Frustr! Matanya merah. Dia mula menangis. Aku mahu memujuknya tetapi hatiku terlalu keras untuk itu semua. Aku paling tak suka kalau aku terpaksa berhadapan dengan situasi seperti ini, apabila seorang gadis menangis di hadapanku.

Tapi aku mengaku, ini bukan kali pertama perkara ini berlaku kepada ku. Dah banyak kali. Tahun ini sahaja dah tiga kali. Tiga kali aku beritahu kepada awek-awek yang jadi girlfriend aku bahawa aku dah tak minat untuk meneruskan lagi hubungan kami. Aku tak minat sebab aku rasa dah sampai masanya untuk kita berpisah. Aku dah tak tahan lagi dengan perangai diorang. SAYA TAK SUKA AWAK MEMBEBEL. Itu yang aku kata. Lepas tu dengan selamba aku akan cakap: MACAM TU KITA BERPISAH AJALAH. SAYA DAH TAK MINAT LAGI NAK TERUSKAN HUBUNGAN INI.

Mereka akan merayu. Mereka akan menangis. Aku pulak aku buat muka seposen. Aku pekakkan telinga sampai diorang sedar kalau diorang menangis air mata darah pun aku tak akan ubah keputusan aku. Mereka aku tuduh aku dayus. Mereka akan tuduh aku degil. Ada kalanya mereka akan beritahu aku bagaimana mereka telah menyerahkan segala-galanya tetapi bila aku sudah dapatkan apa yang aku mahu, aku akan mereka tinggalkan begitu sahaja. DULU KAU JUGAK YANG NAK, AKU BAGILAH. BILA AKU TAK BAGI, KAU PULAK YANG AKAN MERENGEK! Kataku tanpa memandang ke arah mereka. Selalunya selepas itu aku kena sepak. Ada sekali awek ni kata dia nak suruh abang-abang dia pukul aku sampai aku mati. Tapi benda ni semua tak pernah jadi sebab aku rasa dia masih sayangkan aku. Dia masih fikir aku akan ambil dia kembali sebagai awek dia. Dia masih berharap.

Hasnah lain dari yang lain. Dia berhentikan kereta dia kemudian dia halau aku keluar dari keretanya.

Hasnah, stesen LRT kat depan tu, awak hantarlah saya ke sana. Kataku dengan cara baik. Dia diam saja. Aku rasa kalau aku bukap mulut aku lagi dia akan menjerit sekuat hati macam perempuan gila. Kalau benda ni berlaku, lain pula jadinya. Nanti orang ingat aku nak apa-apakan dia dalam kereta tepi lebuhraya LDP yang sibuk ni di tengah-tengah malam macam ni.

Kami sebenarnya baru sahaja balik dari One Utama, kami baru sahaja selesai tengok wayang. Cerita komedi lakonan Nicole Kidman yang ditulis oleh Nora Ephron. Cerita fasal nenek kebayan muda yang kahwin dengan manusia biasa. Dulu aku ada

tengok cerita asalnya di kaca TV, tapi aku tak minat sangat. Aku masih ingat lagi mak suka tengok cerita ni. Dia selalu ketawa seorang diri bila dia tengok cerita yang bertajuk Bewitched ni. Tapi bila aku tengok cerita ni tadi dengan Hasnah aku langsung tak ketawa. Kepala aku berserabut untuk memikirkan cara yang terbaik untuk beritahu kepadanya aku nak putus hubungan aku dengannya. Sebelum aku dan Hasnah pergi menonton filem Bewitched, kami telah ke Ikano Power Centre. Kami ke sana sebab Hasnah hendak ke Ikea untuk beli para kayu untuk dijadikan rak buku. Dia nak cantikkan lagi bilik sewanya. Dia baru sahaja berpindah ke sebuah rumah baru yang disewa bersama dengan rakan-rakannya yang lain untuk semester baru ini. Kemudian dia beli beberapa benda lain yang tidak diperlukannya seperti pinggan mangkuk dan cawan sebab dia kata benda-benda yang dia nampak di Ikea tu semua 'cute'. Masa dia masukkan cawan yang mahu dibelinya ke dalam beg kanvas Ikea warna kuning yang besar tu, dia kata alangkah bahagianya bila kami dah kahwin nanti jika kita berdua selalu bershopping macam ni untuk cantikkan rumah kami.

Aku nak ingatkan dia bahawa kami masih belajar lagi. Umur kami baru nak cecah 21 tahun. Takkanlah dah nak fikir fasal kahwin kot? Tapi macam biasa aku diam jer. Aku biarkan dia cakap sorang-sorang. Bila dia cerita fasal kahwin tubuh badan aku dah mula seram sejuk. Kenapa perempuan ni dah nak fikir fasal kahwin bila aku masih lagi fikir apa yang perlu aku lakukan untuk dapat duit lebih untuk tukar handfone aku yang dah dua tahun tak tukar. Aku nak jugak ada handphone yang ada kamera ada MMS tu macam orang lain. Apa dia ingat aku tak ada nafsu ke untuk tu semua? Aku tak nak fikir fasal kahwin lagi! Aku masih muda. Aku nak enjoy masa muda aku. Bila aku muda macam ni, aku nak fikir fasal fesyen, fasal study, fasal pasukan Liverpool, fasal awek cun macam Hillary Duff, fasal study. fasal study, fasal study!

Hasnah, saya mintak maaf kalau saya buat awak marah. Kataku sambil bersedia untuk keluar dari keretanya. Hasnah tidak menjawab. Mukanya masam macam cuka. Air matanya telah menyebabkan make-upnya cair. Tapi dia tetap nampak cantik. Memang Hasnah ni cantik orangnya, itu aku tak nafikan. Dia anak tauke balak dari Sarawak. Orangnya putih bersih. Ramai budak-budak lelaki dalam kampus aku yang tergilagilakan si Hasnah ni. Tapi akhirnya aku jugak yang dapat tawan hatinya. Itu pun, hubungan aku dengan Hasnah tak lama. Dua bulan setengah.

Aku rasa macam nak pulangkan semua jam Guess yang dia belikan untuk aku. Aku nak buka jam aku tu, tapi aku rasa nak simpan saja jam tu. Kalau aku fikirkan kembali, baju yang aku pakai ni pun dia yang belikan. Takklahlah aku nak bukak baju aku sekali, kan? Jadi aku tutup pintu keretanya. Sebaik sahaja pintu tertutup, Hasnah bawah keretanya laju-laju untuk tinggalkan aku.

Aku pandang jam aku. Dah nak dekat pukul 12 malam. Aku tak tahu kalau masih ada lagi kereta api untuk ke Stesen LRT Universiti. Aku rasa tak ada. Jadi aku cepat-cepat telefon Tamrin. Aku beritahu kepadanya supaya ambil aku di hadapan Stesen LRT Kelana Jaya. Dia suruh aku ambil teksi. Aku kata aku tak ada duit. Itu alasan aku sebenarnya. Aku ada duit, cuma aku malas nak perabih duit aku untuk naik teksi malam-malam buta macam ni.

Aku berjalan kaki ke arah Stesen LRT Kelaja Jaya. Alah, bukannya jauh pun. Sambil-sambil tu aku terfikir tentang Hasnah. Tentang Tamrin dan tentang diri ku. Aku rasa lepas ni mesti aku akan kena sound dengan si Tamrin sebab Hasnah ni kawan baik dia. Dia mesti akan maki hamun aku sebab aku tinggalkan Hasnah. Memang sejak dari mula lagi dia tak suka aku berkawan dengan Hasnah sebab dia kata aku akan memperdajalkan kawan baik dia tu macam apa yang telah aku lakukan kepada awek-awek aku yang lain.

Sebenarnya aku baru setahun sahaja kenal dengan si Tamrin ni. Dia ni budak baik. Dia bolehlah digolongkan sebagai pelajar contoh di fakulti kami. Aku dan dia sama-sama ikuti jurusan Kejuruteraan Elektronik. Aku selalu mintak tolong dia supaya bantu aku buat assignment yang aku tak tahu hujung pangkalnya. Dia memang pandai. Dia rajin belajar, tak macam aku. Tamrin ini asalnya orang susah. Mak bapak dia menetap di Pulau Pangkor. Dia pernah cerita kat aku mak bapak dia bekerja dalam sektor perikanan. Mereka kerja dengan seorang tauke Cina buat ikan kering. Walaupun anggota keluarganya ramai dan dia anak bongsu, dia satu-satunya yang berjaya masuk universiti. Yang lain hanya mampu belajar setakat sekolah menengah.

Satu hari Tamrin dapat tahu aku bergaduh besar dengan budak-budak yang duduk satu hostel dengan aku. Diorang tak ngam sangat dengan aku. Aku pun bukannya suka sangat dengan diorang. Banyak barang aku hilang. Aku rasa diorang jugak yang curi. Bila handphone aku hilang, aku mengamuk. Bila aku cakap diorang yang curi, diorang marah. Terus aku tak bertegur dengan diorang semua.

Bila Tamrin dapat tahu tentang ini semua dia tanya aku kalau aku nak tinggal dengannya. Dia kata dia ada bilik kosong. Bila aku tanya dia tinggal di mana dia kata dia tinggal di Pantai Hill Park, Phase 1. Dia beritahu aku dia duduk dengan abang angkatnya yang bernama Rastam. Katanya, buat masa ini dia terpaksa tinggal seorang diri kerana abang Rastam bekerja di Dubai selama setahun.

Kondominiumnya itu memang cantik – konsep rekaan hiasan dalaman ala Bali. Kondominium 4 bilik. Dia dan abang Rastam tinggal sebilik. Sebuah bilik dijadikan bilik belajar, sebuah bilik dijadikan ‘walk-in closet’ dan sebuah bilik lagi dijadikan bilik tamu. Bilik tamunya itulah yang telah disewakan untuk aku. Dia ada seekor kucing siam yang selama ini menemaninya. Dia telah namakan kucingnya itu Saadiah. Kucing betina. Kucing betina yang gatal yang selalu sahaja mahu dirinya diusap-usap lebih-lebih lagi apabila aku atau Tamrin mahu keluar rumah untuk ke kuliah. Saadiah si kucing gatal tu akan merebahkan dirinya di muka pintu lalu aku atau Tamrin akan diminta untuk merababab badannya. Kalau aku malas untuk melayannya, aku akan menggunakan kaki ku untuk mengusap-usap bulunya pada bahagian perutnya itu. Kemudian dia akan nampak khayal sampai matanya tertutup rapat kepuasan. Bila dia dah puas barulah dia bergerak dari menghalang daun pintu dari dibuka oleh kami.

Tamrin kata Saadiah jadi manja begini sebab abang Rastam yang manjakan dia sangat. Bila dia sebut nama abang Rastam mesti dia akan mengeluh seorang diri. Dia rindukan abang angkat dia tu agaknya.

Kereta Audi kepunyaan abang Rastam yang kini berada di bawah jagaan Tamrin berhenti di hadapan tempat menunggu bas di bawah Stesen LRT Kelana Jaya. Aku orang yang terakhir yang duduk menunggu di sini. Stesen LRT Kelana Jaya yang sibuk di waktu siang ini kini sunyi sepi. Yang hanya tinggal cuma dua orang pemandu teksi yang sedang syok berbual tentang pengalaman mereka membawa pelacur dan pelanggan mereka ke destinasi yang ingin mereka tuju. Kalau Tamrin lambat sedikit datang, mungkin aku akan tahu nama pelacur kelas atasan yang sedang hangat dibincangkan mereka...

Kau memang sial, Amat! Kata Tamrin kepada ku sebaik sahaja aku masuk ke dalam kereta. Aku tak tahu jika dia memang marah kepada ku atau dia saja-saja keluarkan ayat tu sekadar untuk melengkapkan syarat. Tamrin memang jarang aku lihat marah-marah.

Hanya Tamrin sahaja orang yang paling rapat dengan aku yang panggil aku Amat. Kawan-kawan aku yang lain panggil aku Emmet. Sampai hari ini aku tak tahu kenapa dia masih panggil aku Amat walaupun dah banyak kali aku mintak kepadanya supaya panggil aku Emmet. Dia kata dia orang kampung. Dia lebih suka kalau aku dipanggilnya dengan nama Amat. Dia kata nama aku tu nama kampung. Dia suka dengan nama Amat.

Aku bukan orang kampung. Aku telah dilahirkan di Johor Baru. Aku tak dibesarkan di kampung. Aku orang bandar.

Aku mula rasa Tamrin memang marahkan aku. Aku tahu dia marah walaupun dia diam sahaja ketika dia sedang memandu.

Kau ni apasal? Kata ku akhirnya. Mula-mula dia tak mahu menjawab, tetapi bila aku tanya soalan yang sama buat kali ketiga barulah dia jawab. Itu pun macam nak tak nak dia menjawab.

Dia kata Hasnah menangis teresak-esak bila dia menelefonnya tadi.

ALAH DUA TIGA HARI NANTI OKAY LAH TU! Kataku sambil memandang ke luar tingkap. Aku dapat lihat beberapa orang mat rempit sedang berlumba-lumba sesama mereka. Seorang dari mereka sedang membonceng aweknya. Aweknya itu sempat menoleh ke arah ku dan sempat dia mengenyit mata kepada ku.

Tamrin kata ini semua salahnya. Dia kata dia sepatutnya marahkan Hasnah cukup-cukup bila aku cuba mengusha dulu. Dari dulu dia dah beritahu kepada Hasnah yang aku ini kasanova. Siang-siang lagi Tamrin telah memberi amaran kepada Hasnah bahawa aku suka main-mainkan hati perempuan. Tetapi Hasnah berdegil. Hasnah fikir dia dapat lembutkan hati aku. Perempuan macam Hasnah ini fikir mereka ada kuasa luar

biasa untuk ubah hati lelaki. Mereka fikir mereka Wonder Woman. Perempuan seperti Hasnah fikir mereka mempunyai tali sakti seperti yang dipunyai Wonder Woman yang digunakan untuk menjerat penjahat-penjahat (yang selalunya mesti lelaki) yang akhirnya menjadi lemah lalu akan tunduk kepadanya.

Hasnah bukan Wonder Woman dan aku pula bukan Superman. Aku bukan budak baik. Aku macam Batman kot, tak pun macam Wolverine...

Kau rasa kalau Wolverine lawan dengan Batman siapa akan menang? Aku tanya kepada Tamrin. Dia tak mahu menjawab soalan aku. Dia hanya menggeleng-gelengkan kepalanya.

Sampai bila kau nak jadi macam ni, Amat? Dia bertanya macam orang tua bertanya. Bapak aku sendiri tak pernah tanya aku macam ni.

Aku kata ini semua bukan urusannya. Apa yang aku lakukan adalah masalah aku sendiri. Dia tidak perlu masuk campur. Lagipun aku tak mahu bertekak dengannya. Hari dah lewat. Aku kepenatan. Bila sampai rumah nanti aku nak terus masuk tidur.

Tamrin kata aku ini manusia yang degil. Aku keras kepala.

Aku kata aku setuju dengan pendapatnya. Aku setuju kerana aku tidak mahu dia membebel. Aku tidak suka dengar orang membebel, lebih-lebih lagi perempuan.

**AKU TAK SUKA DIA MEMBEBEL!** Kataku akhirnya berterus terang kepadanya. Aku kata, aku cukup pantang dengar suara perempuan membebel.

Cuma awek bisu sahaja yang tak akan membebel! Maka itulah yang terpacul dari mulut Tamrin.

Petang tadi bila aku lambat keluar untuk menemui Hasnah yang menunggu di hadapan pondok jaga, dia membebel. Dia kata aku selalu sahaja lambat. Dia membebel sehinggalah kami tiba di Ikano Power Centre. Dia hanya berhenti membebel bila dia nampak papan tanda Ikea.

Tamrin beritahu kepada ku bahawa Hasnah baik orangnya. Aku patut rasa beruntung kerana Hasnah suka dengan ku. Hasnah cukup-cukup kecewa bila aku beritahu kepadanya tadi bahawa aku mahu berpisah dengannya.

Kau ada perempuan lain ke? Tanya Tamrin. Aku kata tak ada. Dan itulah kebenarannya. Aku beritahu kepadanya aku bukan kaki perempuan. Dia ketawa sinis. Dia mahu buka mulut untuk perli aku, tapi aku suruh dia diam. Bila aku suruh dia diam, dia terus diam.

Aku rasa cukup bersalah menengking si Tamrin ni. Hatinya lembut. Orangnya sensitif. Bila dia meletakkan kereta di hadapan kondominium kami, aku terus meminta

maaf. Dia kata dia tak ambil hati. Tapi dia sempat beritahu aku bahawa dia tidak suka dengan perangai aku. Dia kata aku telah memberi alasan yang tidak munasabah kenapa aku mahu berpisah dengan Hasnah.

Setibanya di dalam rumah, dia terus duduk di atas kerusi sofa. Dia ingin menyambung kembali filem Finding Neverland yang telah ditontonnya tadi. Aku duduk di sebelahnya. Aku dapat lihat ada beberapa keping DVD baru di atas meja. Aku belek-belek DVD yang baru dibelinya itu. Ada cerita hantu dari Korea dan ada pula cerita anime dari Jepun. Tak satu pun aku minat. Bila aku tanya di mana dia beli DVD ini semua, dia kata dia beli di Plaza Bukit Bintang. Kalau aku tahu dia mahu ke sana, pasti aku akan mengikutnya sahaja. Tak payah aku keluar dengan Hasnah. Aku break dengan dia pakai SMS jer. Lagik senang. Tak payah nak pening-pening kepala.

Saadiah memandang tepat ke arah ku ketika dia sedang duduk di sebelah ku. Aku rasa jika dia boleh bersuara, mesti dia mahu membebel macam perempuan-perempuan lain.

Aku mengusap tubuh Saadiah sambil berkata: Kalau perempuan semua macam kau, kan bagus, Saadiah? Senyap jer. Kena sepak pun senyap, kena marah pun senyap, bila lapar jer baru pandai buat bising!

Manusia bukan macam kucing! kata Tamrin. Manusia ada akal, ada fikiran!

Mana kau tahu kucing tak ada akal?

Tamrin kemudian menjeling. Aku rasa dia tak dapat tumpukan perhatian dia kepada filem yang dia tonton, lalu dia tonton pula rancangan Astro. Aku tak tahu rancangan apa yang mahu ditontonnya kerana dia akan tukar saluran setiap tiga saat.

Aku rasa masalahnya adalah kau, bukan budak-budak perempuan yang kau tinggalkan. Kata Tamrin tiba-tiba. Eh, aku ingat dia dah lupa fasal ini semua, rupanya tidak. Dia masih nak ungit-ungkit cerita tadi. Poyo betullah mamat ni!

Kau ada masalah komitmen! Katanya seolah-olah aku ada masalah dengan penagihan dadah.

Takdelah. Pandai jer lah kau ni.

Selagi kau tak sedar kau ada masalah ini, selagi itulah kau akan kecewakan awek-awek yang sukakan kau tu.

Alah, rilek lah! Kau ni serius sangat lah!

Jadi kau yakin kau akan satu hari jumpa seorang gadis yang tidak akan membebel. Bila kau jumpa dengan gadis seperti ini kau tidak akan meninggalkannya sesuka hati kau?

Aku mengangguk cepat.

Apa kata, lepas ini kau cari awek bisu... Aku nak tengok berapa lama kau boleh bertahan dengannya.

Budak ni biar benar. Dah apa hal dengan si Tamrin ni?

Kalau kau anak jantan kau buktikan yang kau ni anak jantan. Kau buktikan kepada aku yang kau boleh bertahan dengan seorang budak perempuan bisu yang kau jadikan awek! Kata Tamrin macam nak makan aku. Aku rasa dia masih marah lagi aku tinggalkan Hasnah.

Eh kau dah gila ke?

Aku cabar kau! Alah kau hensem. Muka hensem macam kau kalau nak dapatkan awek main petik jadi saja—

Kalau aku dapat buktikan aku boleh bersamanya lebih dari satu semester macam mana? Apa yang aku dapat

Kau tak payah bayar sewa bilik kau sampai bila-bila... Tapi kalau kau kalah—

Kalau aku kalah apa pula?

Kau tentu kenal dengan kawan aku si Raslan budak UiTM yang nak jadi fashion designer terkenal tu?

Budak lembut tu? Jadi kenapa dengan dia?

Kalau kau kalah... Kau kena pakai baju rekaan dia ke mana sahaja kau pergi selama seminggu.

SET! Itulah jawapan yang diberikan walaupun seluruh tubuh ku seram sejuk. Aku pernah lihat baju-baju rekaan si Raslan kepala tiga suku tu. Macam pakaian badut sarkis. Macam baju alien pun ada.

Masalahnya sekarang mana aku nak cari awek bisu? Tanya ku sambil tersenyum.

Aku selalu nampak seorang budak bisu ni di kampus kita. Dia selalu lepak di perpustakaan dengan seorang kawan baiknya. Kau cuba usha dia. Cantik budaknya. Rambutnya pendek, tinggi lampai. Persis model. Aku rasa kalau Raslan nampak budak ni mesti dia nak jadikan budak ni model untuk pakaian rekaannya.



Lusa akan menandakan permulaan semester baru ku di Universiti Malaya dan aku sudah pun mempunyai tugas. Nampaknya aku terpaksa menghabiskan masaku bersamanya di perpustakaan, satu perkara yang jarang aku lakukan!

Okay. Fine. Nanti kau tunjukkan aku siapa budak bisu ni. Aku harap budak ni secantik yang kau cakapkan... Macam model. Kalau tak, aku tak nak! Kense!

Budak ni memang cun giler... Percayalah!

Tamrin kembali menekan butang play untuk menonton filem DVD yang terbantut tadi. Aku meninggalkannya di ruang tamu lalu masuk ke dalam bilik ku dalam keadaan kepenatan. Ketika aku melelapkan mata ku aku cuba memikirkan tentang habuan yang bakal aku terima jika aku menerima cabarannya ini dan membuktikan bahawa hipotesisnya tentang diri ku adalah salah sama sekali. Aku tidak perlu membayar sewa bilik ku lagi. Banyak yang boleh aku jimat nanti!

## Bab 2

Selama lebih seminggu aku terpaksa habiskan masa aku bersama Tamrin di perpustakaan menunggu gadis bisu yang dinyatakannya itu. Macam pungguk menyepi di dahan tinggi, menunggu bulan tak kunjung tiba lagaknya. Aku tak percaya aku sanggup melakukan ini semua semata-mata kerana aku ingin membuktikan sesuatu. Tapi aku memang pantang dicabar. Ketika aku berusia 12 tahun, kawan aku pernah cabar aku untuk panjat pokok kelapa di belakang sekolah aku. Aku panjat pokok kelapa itu untuk buktikan kepada semua aku anak jantan. Dan pada pandangan aku, anak jantan memang pantang dicabar. Pokok kelapa itu memang tinggi. Dalam sejarah sekolah aku hanya seorang budak sahaja yang pernah panjat pokok kelapa itu. Tapi menurut cerita, belum sempat budak tu dapat mencecah ke bahagian yang paling tinggi, dia terjatuh. Kami semua tak tahu apa yang terjadi kepadanya selepas itu. Ada cerita yang mengatakan budak tu mati, ada pula cerita yang mengatakan yang budak itu lumpuh. Aku pun tak tahu jika cerita ini cerita benar atau cerita yang dibuat-buat agar para pelajar takut untuk panjat pokok kelapa ini. Yang penting, selepas aku panjat pokok kelapa itu, budak-budak di sekolah aku mula pandang tinggi kepada aku. Mereka mula hormat aku. Mereka mula menganggap aku ini hero pejuantan tangguh yang berani melakukan apa sahaja yang mereka sendiri takut untuk lakukan.

Hari ini aku akhirnya bersemuka dengan gadis yang disebutkan Tamrin. Budak perempuan itu memang cantik orangnya. Betullah seperti apa yang dikatakannya, budak itu memang ada tokoh untuk jadi model. Rambutnya dipotong pendek, tapi tak nampak pula macam pengkit. Tubuhnya tinggi lampai tapi berisi pada bahagian-bahagian yang patut berisi. Pendek kata, body dia memang cun habis. Tamrin nampak aku tengah stim bila aku pandang dia lama-lama dan buat video blue aku sendiri di dalam kepala aku. Aku tutup bonjolan aku dengan buku nota aku. Aku tekan butang stop untuk berhenti memainkan video blue aku di dalam kepala aku lalu aku simpan untuk stok tontonan malam ini.

Tamrin kata budak tu macam Twiggy, model terkenal tahun 60-an tu. Memang Tamrin cukup arif dalam hal macam ini semua. Dia dah hafal nama pereka fesyen dan supermodel yang terkenal dari seluruh dunia. Semua ini berkat si Raslan kawannya yang sama-sama belajar dengannya di Sekolah Alam Shah tu.

Mula-mula aku tak kenal siapa Twiggy tu, jadi Tamrin suruh aku guna Internet untuk cari gambar Twiggy. Dia suruh aku Google nama Twiggy.

EH, MEMANG MACAM TWIGGY SIAL! Kata ku kepadanya kemudian bila akhirnya gambar Twiggy terpapar di monitor. Dia suruh aku diam, sebab dia kata bila aku bersuara, satu perpustakaan boleh dengar suara aku.

Seperti yang aku katakan tadi, gadis bisu ini tinggi lampai. Sebelum ini aku tak pernah ada awek yang tinggi lampai. Mereka semunya lebih rendah dari aku. Dia tak pakai tudung sedangkan kebayakan awek-awek aku dulu pakai tudung. Dia bisu

sedangkan semua awek-awek aku dulu SEMUANYA boleh bercakap (dan membebel). PERFECT!

Kau rasa macam mana aku nak usha dia? Aku tanya soalan ini kepada Tamrin. Dia kemudian pandang aku macam aku dah hilang akal. Bila aku fikir-fikirkan balik memang tak patut aku tanya soalan ini kepadanya. Dia bukannya ada pengalaman nak usha awek.

Tamrin kata aku pandai mengayat. Dia kata sesiapa pun boleh cair bila dengar aku mengayat. TAPI MASALAHNYA DIA PEKAK! Kata ku kepadanya. Dia termenung buat beberapa saat sebelum dia tersenyum puas.

Anggap itu sebagai cabaran! Katanya lalu menolak tubuh ku dari arah para buku tempat kami bersembunyi sejak tadi. Bila aku menoleh ke belakang aku dapat melihat dia mengambil sebuah buku tebal lalu cuba berpura-pura menelaah buku tersebut. Buku kamus Cina-Inggeris.

Hello. Kataku kepada gadis tersebut. Aku dapati dia tidak menjawab. Matanya masih kepada sebuah buku rujukan tentang geografi. Sekali lagi aku memanggilnya, tapi dia tak menjawab. Sah lah dia pekak.

Awak nak apa? Tanya kawannya yang sedang duduk di sebelahnya. Dia memegang tangan kawannya yang pekak dan bisu itu untuk menarik perhatiannya - bahawa aku telah datang dengan hasrat untuk berbual dengannya. Kawannya itu memandang aku dengan wajah yang garang. Mungkin dia marah kerana aku telah datang lalu mengganggu ketenteramannya belajar.

Saya nak berkenalan dengan awak berdua. Kataku dengan berbisik agar suara ku tidak dapat didengari oleh orang lain. Nampak gaya budak perempuan bertudung yang menjadi rakan kepada budak bisu memang tak suka aku datang mengganggu. Mukanya nampak masam.

Dia diam tak menjawab. Kalau lebih lama dia duduk diam membisu, mesti aku akan terlupa aku ada mendengar dia bercakap tadi lalu akan berfikir dia juga bisu. Ketika dia diam begitu aku cuba membayangkan keadaan dirinya jika dia tidak bertudung. Dari pengalaman aku selama ini, aku boleh teka jika seorang awek bertudung itu berambut pendek atau panjang hanya dengan memandang wajahnya. Awek garang di hadapan aku ini berambut panjang. Aku pasti rambutnya itu lurus. Dia memakai cermin mata retro dengan bingkai hitam yang diperbuat daripada plastik. Aku rasa mesti dia minat dengan lagu-lagu alternatif.

Nama saya Amat, panggil sahaja Emmet. Kataku. Bila selesai sahaja aku bercakap dia terus membuat isyarat tangan kepada kawannya. Kemudian di gadis bisu yang masih aku tidak kenali namanya ketika itu tersenyum ke arah ku.

Macam Emmet dari kumpulan Butterfingers tu ke?

Ya. Jawabku pantas. Bukan aku dah agak budak ni suka dengar lagu-lagu alternatif?

Nama kawan saya ini Melati, saya pula Hamiza.

Melati? Sedap namanya. Aku terus memandang ke arah Melati. Aku mula sedar dia sedang memakai baju serba hitam. Matanya nampak sedikit cengkung kerana dia memakai celak hitam yang menggelapkan lagi bahagian matanya. Sah lah budak Melati ni, Puteri Goth. Jika aku boleh buat dia suka aku, lepas ini aku rasa aku boleh buat buku rujukan dengan tajuk: “How to Seduce a Goth Princess”.

Ya, namanya Melati, tapi panggil saja dia Mel. Alah, kalau awak panggil dia Jantan ke Senah ke Joyah ke, bukannya dia tahu. Dia pekak. Kan Joyah, kan?

Melati hanya mengangguk sambil tersenyum. Aku tergamam, tak tahu nak cakap apa. Buat pertama kalinya aku mula sedar tentang rintangan komunikasi yang wujud di antara aku dengan dia. Tapi bayangkanlah; kalau aku jumpa awek cun depan aku dan puji-puji awek tu dia tak akan marah atau membebel. PERFECT!

Melati membuat isyarat tangan kepada Hamiza. Kemudian Hamiza bertanya kepada ku apa tujuan aku mahu berkenalan dengannya.

Kata kepadanya saya mahu belajar bahasa isyarat.

Untuk apa?

Supaya saya dapat berbual dengannya.

Gosh, that sounds so cheesy! Katanya dengan muka mencemik. Dia sengaja memanjangkan perkataan “cheesy” tu macam dia sengaja nak perli aku.

Aku menoleh ke belakang ke arah tempat Tamrin bersembunyi tadi. Aku dapati dia tak ada di situ atau di mana-mana. Tamrin pasti tak dapat bayangkan betapa sukarnya untuk aku tarik perhatian Melati.

Dia faham apa yang saya cakapkan kalau saya bercakap dengannya? Tanyaku lalu memastikan dia dapat melihat pergerakan bibirku.

Hamiza bertanyakan soalan yang aku tujukan itu kepada Melati, lalu Melati memberikan jawapannya melalui Hamiza.

Tidak. Tapi dia kata bibir awak cantik.

Ke situ pulak budak-budak ni. Kemudian aku melihat mereka berdua ketawa kecil sambil menutup mulut. Aku tak tahu apa yang membuat mereka ketawa. Aku rasa

mereka sengaja nak buat lawak. Aku cukup pantang tengok budak-budak perempuan yang berderai ketawa di depan aku macam ni. Macam perempuan gedik pulak!

Jadi macam mana—

Macam mana apa... Emmet, nama awak Emmet kan?

Ya, Emmet. Macam mana kalau saya nak berkenalan dengannya?

Kalau awak nak berkenalan dengan Mel apa salahnya. Saya boleh tolong.

Awak nak tolong ke?

Pada ketika itu juga aku mula sedar tanpa Hamiza, aku tidak mungkin dapat berkomunikasi dengan Melati. Nak tak nak, aku terpaksa melayan kerenah Hamiza yang banyak songeh ini!

Ya. Getusku sambil menggigit bibirku. Aku lihat sesekali mata Melati akan berpindah ke bibirku. Sampai sekarang aku tak tahu mengapa budak-budak perempuan yang aku temui suka sangat melihat bibir ku. Mungkin bibir ku merah. Tamrin kata bibir aku nampak seksi. Kalau boleh dia nak ada bibir macam bibir aku. Dan kalau boleh dia nak ada mata macam mata aku, rambut macam rambut aku, dan hidung macam hidung aku dan tubuh seperti tubuh aku sebab dia kata dia nak jadi lelaki hensem macam aku. Dia kata kalau muka hensem, “you can even get away with murder”.

Aku menarik nafas ku dalam-dalam. Kalau dia awek normal (maksud aku yang tak bisu lah!), aku dah bagi nombor telefon aku kepadanya. Aku hanya perlu tunggu paling lama empat jam sebelum mereka menelefon aku. Kawan-kawan aku selalunya akan menunjukkan rasa cemburu yang teramat sangat bila mereka mendapat tahu aku ada daya tarikan seperti ini – apabila mereka melihat sendiri bagaimana awek-awek yang cun akan menelefon aku setelah nombor aku diberi kepada mereka.

Kalau awak ada handphone, dia boleh SMS awak. Kata Hamiza akhirnya setelah dia lihat aku duduk terpinga-pinga seorang diri.

Ya, saya ada handphone. Kataku dengan pantas. Aku mengambil pen Hamiza yang diletakkan di atas meja lalu menulis nombor ku di atas buku nota kepunyaan Melati.

Mel ni bisu dan pekak, dia bukan terencat akal. So, awak boleh berkomunikasi dengannya dengan menggunakan SMS. Awak nak chat dengan dia pun boleh pakai Yahoo Messenger. Hamiza memberitahu.

Saya jarang chat. Tapi tak apa, ini ID saya. Kataku lalu menulis nama yang aku gunakan: “Emmet\_kl” di sebelah nombor handphone ku yang telah aku tulis tadi.

Aku menoleh ke tepi. Aku mendapati seorang budak perempuan Cina mula merenung ke arah aku kerana aku telah mengganggu konsentrasinya ketika sedang belajar. Aku menggaru-garu janggut ku. Aku memandang ke luar tingkap. Hari dah petang.

Beritahu kepada Mel jika dia sudi keluar makan malam dengan saya di Mid Valley? Pintaku kepada Hamiza.

Aku lihat Melati termenung sebentar untuk berfikir setelah Hamiza selesai memberitahunya tentang hasrat ku ini.

Mel kata boleh, tapi awak kena hantar dia pulang.

Ye ke?

Awak nak ke sana dengan apa?

Naik motor.

Mel rasa-rasanya tak pernah naik motor.

Saya tak bawak laju.

Sure?

Sumpah!

Hamiza berpaling ke arah Melati. Aku nampak dia buat isyarat yang menyerupai orang sedang menaiki motosikal kemudian jari telunjuknya diletakkan di tepi kepalanya lalu digerakkan dalam bentuk bulatan. Kemudian mereka ketawa berdekah-dekah.

Dia tak boleh pulang lewat. Tuan rumah kami tak suka jika kami pulang lewat ke bilik sewa kami.

Okay. Kamu berdua tinggal di mana?

Kami tinggal di kawasan perumahan berdekatan dengan Stesen LRT Asia Jaya. Seksyen 14.

Dekat dengan ColdStorage?

Ya.

Saya akan bawa dia pulang sebelum pukul 10. Okay tak? Lagipun esok hari Sabtu.

Boleh. Kami tidak boleh pulang selepas pukul 12 malam tanpa sebab-sebab yang munasabah. Satu lagi... Awak kena tanya dia lah fasal hal ini semua. Saya kawan baik dia bukan penjaga dia. Dia bukan budak kecil. Bukan terencat akal. Dia dah dewasa. Dia macam kita semua, cuma dia pekak dan bisu sahaja.

Saya faham. Sambut ku serba salah. Aku menarik nafas ku dalam-dalam. Aku tersenyum tawar. Buat kali ketujuh belas hari ini aku berfikir kembali mengapa aku sanggup melakukan kerja gila ini. Tapi bila aku pandang wajah Melati, entah mengapa aku rasa mungkin segala apa yang akan aku lakukan ini mungkin tak sia-sia. Aku tak tahu bagaimana untuk aku jelaskan dengan kata-kata. Tapi aku dapat melihat sesuatu di dalam matanya. Sesuatu yang kurang aku fahami yang perlu aku selami.

### Bab 3

Aku menghantar mesej pendek kepada Tamrin bahawa aku akan makan malam di Mid Valley. Jadi aku memintanya supaya pulang sendiri ke rumah. Dia hanya menjawab dengan menghantar emoticon tanda senyum “:)”. Selalunya, bila aku hantar mesej yang panjang-panjang dia akan membalas dengan mesej yang pendek-pendek. Dia hanya membalas mesej yang panjang-panjang bila Raslan menghantar SMS kepadanya. Setiap kali Raslan menghantar SMS, pasti dia akan ketawa terkekek-kekek. Bila aku mahu baca apa yang membuatnya ketawa, dia tidak akan membenarkan.

Aku membawa Hamiza dan Melati ke tempat aku meletak motor ku. Aku menyerahkan Melati topi keledar yang digunakan oleh Tamrin. Melati nampak seronok apabila mengenakan topi keledar yang ku serahkan kepadanya.

Aku merapatkan diri ku kepadanya lalu mengikat topi keledarnya itu dengan ikatan yang lebih kemas.

Beritahu kepada Mel dia perlu pegang pinggang saya bila saya bawak motor nanti. Kataku kepada Hamiza.

Setelah selesai Hamiza menyampaikan mesej ku, aku lihat Melati menganguk faham. Dia nampak kekok ketika aku menyuruhnya naik ke atas motor kapcaiku. Sah lah dia tak pernah naik motor sebelum ini. Wajahnya jelas nampak takut walaupun dia bersungguh-sungguh mahu menyembunyikannya dari ku.

Hamiza mengucapkan selamat tinggal kepada Melati dengan melambaikan tangannya. Melati tidak berani melambaikan tangannya ke arah Hamiza. Tangannya erat memegang bahagian tali pinggangku.

Hasnah pernah ku bawa bersiar-siar dengan motosikal ku. Tapi hanya sekali. Dia tidak suka cara aku bawa motosikal ku ini. Dia kata aku bawa laju walaupun aku cuba meyakinkannya bahawa aku jarang menunggang dengan laju. Sejak dari hari itu, dia lebih suka jika kami bersiar-siar dengan kereta yang dibawanya – sebuah kereta BMW kepunyaan bapanya.

Melati memegang bahagian tali pinggang ku itu dengan lebih erat lagi apabila aku membawa motor ku dengan lebih laju. Sebenarnya, memang betul kata Hasnah. Aku memang suka bawa motor aku dengan laju. Aku suka awak-awek yang naik motor aku peluk badan aku dari belakang dengan pelukan yang erat. Ada juga awak yang ambil kesempatan untuk pegang benda lain, aku tak kisah, aku biarkan sahaja. Aku sporting orangnya. Aku sebenarnya lebih suka jika mereka merapatkan tubuh mereka ke belakang ku. Stim giler beb!

Melati langsung tidak mengeluarkan suara untuk membantah. Aku hampir-hampir terlupa dia bisu. Aku memandang ke arahnya dari arah cermin. Apabila dia sedar aku sedang menjeling ke arahnya dia melemparkan senyuman ke arahku.



Dia nampak lega sebaik sahaja kami tiba di Mid Valley. Dia membetulkan rambutnya sebelum dia berdiri tegak di hadapan ku seolah-olah menunggu arahan selanjutnya dari ku.

Mel, kita makan dulu? Saran ku sambil membuat isyarat tangan makan dengan menggunakan tangan. Dia mengerti. Kami berjalan masuk ke dalam pusat membeli belah Mid Valley.

Aku perlu memberitahu diri ku berkali-kali bahawa Melati pekak dan bisu. Tiga kali aku membuat kesilapan untuk cuba berbual dengannya. Dia langsung tidak menjawab, malah dia langsung tak tahu bahawa aku sedang bercakap dengannya.

Aku mengidam makan pizza, jadi aku ajak dia makan pizza di Pizza Hut. Dia tidak keberatan. Apabila menu diberikan kepada kami, aku memintanya memilih dengan menunjukkan kepada ku pizza apa yang menjadi pilihannya. Dia membuat pilihan, lalu aku terus memesan pizza perisa yang dimahukannya.

Saya berasal dari Johor Baru. Kata ku kepadanya walaupun aku tahu dia tak tahu apa yang aku katakan kepadanya. Matanya ke tempat lain, merenung ke arah seorang anak kecil bermata bulat yang sedang duduk di sebelah kami. Aku cuba menarik perhatiannya dengan menyentuh lengannya seperti mana yang telah aku lihat dilakukan oleh Hamiza di perpustakaan tadi. Perbuatan ku telah membuatnya terkejut, seolah-olah dia baru sahaja terkena kejutan elektrik. Dia menarik lengannya. Wajahnya terus berubah. Dingin. Suasana menjadi tegang seketika. Kemudian dengan ikhlas aku meminta maaf. Aku rasa dia faham aku rasa bersalah.

**SAYA TAK MARAH.** Katanya satu-satu sambil melakukan isyarat tangan. Suaranya tersekat-sekat ketika dia seboleh-bolehnya menyebut kalimah ini satu persatu agar aku boleh memahaminya. Dia tidak sedar dia telah mengeluarkan suaranya dengan kuat. Beberapa orang pelanggan restoran berpaling ke arah kami.

Aku meletakkan jari telunjuk ku ke bibir ku untuk memintanya supaya jangan menambah lagi.

Bang, boleh pinjam pen dan kertas? Tanyaku kepada seorang pelayan bertubuh kurus dan berambut kerinting. Dia menghilang lalu kembali dengan sekeping kertas dan sebatang pen yang ku pinta darinya.

Aku tulis: Sekali lagi saya meminta maaf.

Dia tulis: Kita baru kenal.

Aku tulis: Saya tahu. Sebab itu saya minta maaf.

Dia tulis: Tak apa. Awak tak tahu.

Melati cuba mengukir senyuman, tetapi senyumannya tawar.

Aku sebenarnya tidak tahu apa silap ku. Aku keliru. Apabila pizza yang aku pesan diletakkan di atas meja, aku rasa macam tak ada mood nak makan. Mungkin Melati sedar keadaan aku yang sedikit terganggu pada waktu itu. Dia memujuk aku supaya makan. Dia meletakkan sekeping pizza di atas pinggan, lalu dia menjemput aku makan.

Jadi aku makan. Dia pun makan. Ketika makan aku langsung tidak bersuara. Aku rasa lain macam saja. Aku selalunya akan berbual dengan awek-awek aku ketika makan, tetapi bersama Melati aku hanya duduk diam saja sambil makan. Aku boleh bercerita tentang diri ku. Aku boleh bertanya kepada mereka tentang diri mereka.

Bila aku bercerita tentang diri ku akan memberitahu kepada mereka bahawa aku telah dilahirkan di JB. Aku anak sulung. Aku ada dua orang lagi adik. Kedua-duanya perempuan. Aku minat main bola. Aku ambil Kejuruteraan Elektrik kerana bapak aku yang suruh, bukan sebab minat aku. Sebenarnya sehingga ke hari ini, aku masih tak tahu apa sebenarnya yang aku minat nak belajar. Cita-cita aku semasa aku kecil adalah untuk menjadi seorang anggota tentera, tapi bapak aku tak benarkan. Dia kata kalau aku jadi askar aku tak akan ada masa depan yang cerah. Dia nak aku jadi jurutera, macam dia. Aku suka tengok wayang. Aku suka tonton filem aksi dan sains fiksi. Aku suka makan kat Burger King. Aku penyokong kuat pasukan bola Liverpool. Warna yang paling aku suka adalah warna merah. Semua ini aku beritahu kepada awek-awek yang pernah keluar berdating dengan aku, tapi aku tak beritahu kepada mereka yang aku dah lama tak bersemuka dengan bapa ku. Atau aku pernah nak tumbuk muka bapak aku sendiri ketika aku bergaduh dengannya lebih setahun yang lalu dan sudah lebih setahun aku tak bercakap dengannya.

Aku rasa Melati langsung tak tahu menahu tentang diri ku walaupun aku rasa aku mahu memberitahu segala-galanya tentang diri ku kepadanya. Aku juga mahu tahu tentang dirinya. Sikit pun jadilah.

Jadi selepas selesai makan, aku terus cuba menyambung “perbualan” aku dengannya yang tak ke mana itu:

Aku tulis: Awak berasal dari mana?

Dia tulis: Muar

Aku tulis: Saya berasal dari JB

Dia senyum selepas itu. Mungkin dia mula rasa selesa sedikit dengan ku. Aku mula suka melihat senyumannya. Memang senyumannya manis macam orangnya.

Aku tulis: Di UM awak belajar apa?

Dia tulis: Geografi

Aku tulis: Bagaimana awak habiskan masa hujung minggu awak?

Dia tulis: Jumpa kawan-kawan pekak.

Aku tulis: Awak ada ramai kawan-kawan yang macam awak?

Dia tulis: Ramai

Aku tulis: Dalam ramai-ramai tu ada yang istimewa?

Dia tulis: Istimewa?

Aku tulis: Boyfriend?

Dia ketawa kecil. Dia merenung ke wajah ku lama-lama. Aku tak tahu apa yang sedang difikirkannya.

Dia tulis: Dulu ada. Sekarang tak lagi

Aku melepaskan nafas lega. Jika dia ada boyfriend, satu hal pulak nanti. Aku kena buat dia sukakan aku sampai dia mahu tinggalkan boyfriend dia. Bukan aku tak pernah buat kerja macam ni.

Selepas makan malam, kami berjalan di Mid Valley sehinggalah kami tiba di toko Jusco. Aku mahu sembahyang maghrib. Aku membawanya ke surau lalu membuat isyarat bahawa aku mahu bersembahyang. Aku sempat buat lawak. Aku buat style bintang Akademi Fantasi Mawi lalu berkata: **WORLD PUN WORLD JUGAK AKHIRAT JANGAN LUPA!**

Dia tak ketawa. Dia tak faham apa yang aku cakapkan. Aku masih ingat lagi bila aku buat benda yang sama di tempat yang sama dua minggu lepas kepada Hasnah, dia ketawa.

Aku masuk ke dalam surau. Bila aku toleh, aku lihat dia sedang duduk di bangku berdekatan sambil mengeluarkan telefon bimbitnya. Dia sempat memandang ke arah ku. Dia tersenyum. Entah mengapa, pada saat itu aku dapat merasakan bila selesai aku bersembahyang, dia tak akan ada di situ. Inilah kali pertama aku alami perasaan aneh seperti ini. Aku rasa risau dia akan menghilang begitu sahaja kerana aku rasa aku tidak mampu menarik perhatiannya dengan kata-kata ku. Tidak ada apa yang dapat aku lakukan untuk membuatnya cair dengan ayat-ayat yang ku luahkan kepadanya kerana dia pekak. Jadi aku rasa macam tak cukup syarat. Aku rasa macam ada sesuatu yang tak selesai. Dengan Melati, aku tak boleh mengayatnya seperti mana yang aku lakukan dengan awak-awek lain. Dengan Melati, segala-gala strategi yang pernah aku lakukan dan praktikkan sebelum ini perlu aku tolak ke tepi.

Aku tak dapat sembahyang dengan khusyuk. Masa tengah sembahyang pun aku masih fikirkan tentang Melati. Ada sesuatu tentang dirinya yang mengganggu fikiran ku, tapi aku tak tahu apa.

Semasa aku memakai stoking, aku mula sedar bahawa sebelum ini aku tidak pernah mempunyai awek seperti Melati. Awek-awek aku dulu semuanya tak secantik Melati. Semuanya sederhana sahaja. Aku tak minat sangat dengan awek-awek popular yang selalunya tak berminat dengan orang macam aku yang hanya bermotor kapcai ke kampus. Mereka suka cari balak berkereta. Mereka tak kisah kalau balak tu muka menggerutu dan gemuk macam tong minyak asalkan berkereta. Itu sahaja yang mereka pentingkan dan aku tak dapat berikan itu semua kepada mereka. Aku hanya boleh harapkan duit biasiswa dan duit yang mak bagi. Bapak aku dah lepas tangan tak mahu bagi aku sesen pun sejak aku bergaduh besar dengannya.

Bila aku keluar dari surau aku dapati Melati masih ada di luar menunggu ku. Aku lega. Kemudian aku bawa dia ke bahagian alat tulis lalu menyuruhnya memilih buku nota bersaiz kecil yang paling dia suka. Dia pilih sebuah buku nota berwarna hitam. Dia tidak pilih buku nota merah jambu yang ada gambar Hello Kitty di hadapannya. Aku tahu jika aku suruh Hasnah buat pilihan yang sama, pasti dia memilih buku nota Hello Kitty tu.

Aku beli sebatang pen hitam. Aku ke kaunter lalu membayar harga pen dan buku nota yang mahu aku beli itu. Sejurus aku selesai membayar, aku terus menulis sesuatu ke dalam buku nota itu:

Aku tulis: Jom ke tingkat atas, saya nak beli kasut baru.

Dia mengangguk setuju. Aku baru sahaja tunaikan wang biasiswa ku untuk semester ini, jadi aku kaya sikit. Aku cuba untuk tidak seboros semester lepas – semester belum habis duit dalam bank aku dah habis licin.

Aku tulis: Saya nak beli kasut baru yang saya boleh gunakan ketika main futsal.

Beritahuku sebaik sahaja kami melangkah masuk ke dalam sebuah toko barangan sukan. Aku mahu memberitahunya bahawa Tamrin mahu aku bermain futsal dengannya dan beberapa orang rakannya yang lain mulai minggu depan. Semuanya gara-gara filem Gol & Gincu yang ditontonnya bersama Raslan. Tapi aku diam. Aku rasa aku perlu mencari jalan untuk berkomunikasi dengan lebih efektif dengannya.

Aku tulis: Saya mahu belajar bahasa isyarat.

Dia tulis: Serius?

Aku tulis: Ya. Awak boleh ajar saya tak?

Melati menganggukkan kepalanya dengan pantas. Dia menudingkan jarinya ke arah kasut-kasut yang dipamerkan. Dia membuat isyarat tangan untuk kasut. Aku cuba mengingatnya.

Melati bersungguh-sungguh membuat isyarat tangan dari satu barang ke satu barang. Dia membuat aku tersenyum melihat gelagatnya. Dia tahu aku tidak mungkin dapat mengingati segala-gala yang mahu diajarnya malam ini, tetapi diteruskannya juga. Ketika dia membuat isyarat tangan untuk seluar renang, handphone ku berdering. Aku dapati Hasnah sedang menelefon ku. Inilah kali pertama dia menelefon ku sejak kami berpisah. Aku tak tahu jika aku perlu menjawab panggilan ini ataupun buat tak tahu sahaja.

Aku mengambil keputusan untuk tidak menjawab panggilannya. Aku menyimpan kembali handphone ku ke dalam kocek seluar ku.

## Bab 4

Petang itu aku dan Tamrin ke pusat membeli belah The Summit yang terletak di Subang Jaya. Kami telah ke sana dengan tujuan untuk bermain futsal dengan beberapa orang rakan-rakannya yang lain yang kebanyakannya dah bekerja. Tamrin mengenali mereka kerana mereka adalah kawan-kawan abang Rastam. Mereka saling mengenali sebelum abang Rastam ke Dubai. Hanya aku, Tamrin dan Raslan sahaja bergelar pelajar di antara mereka. Mungkin sebab itu jugalah agaknya aku lebih rapat dengan Raslan dan Tamrin dari yang lain.

Si Raslan suka panggil aku dengan panggilan mat rempit. Ketika sedang bermain futsal dia akan terjerit-jerit panggil aku dengan panggilan itu. Aku tak kisah dia nak panggil aku apa – mat rempit ke mat kampung ke mat punk ke, ikut suka hati dia lah. Aku rasa dia marahkan aku sebab tinggalkan Hasnah. Dia, Tamrin dan Hasnah berkawan baik.

Sebenarnya, Tamrin mengenali Hasnah melalui Raslan. Menurut cerita, Raslan telah mula mengenali Hasnah sejak sesi orientasi lagi. Ketika itu mereka sedang menghadiri jamuan makan malam yang diadakan untuk menandakan tamatnya orientasi. Raslan mendapati di antara ramai-ramai pelajar, Hasnah lah yang paling ranggi. Perkataan pertama yang terpacul dari mulut Raslan ketika dia mula-mula menegur Hasnah:

Kasut yang awak pakai tu cantik... Macam kasut Manolo Blahnik.

Memang kasut Manolo Blahnik pun. Jawab Hasnah masa tu. Dan terus mereka berkawan baik walaupun Raslan ambil jurusan fesyen dan Hasnah pula ambil jurusan Perundangan. Hasnah suka berkawan dengan Raslan kerana suka sangat memberi konsultasi fesyen percuma kepada Hasnah. Tamrin mengenali Hasnah melalui Raslan dan Hasnah pula mengenali aku melalui Tamrin. Kalau tak salah aku, dia mula nak berkenalan dengan aku bila Tamrin jemput dia datang ke kondominiumnya. Hasnah ternampak gambar aku yang diambil bersama Abang Rastam dan Tamrin ketika kami bertiga bercuti ke Port Dickson, sekeping gambar yang telah diletakkan di ruang tamu. Kata Hasnah, dia mula jatuh hati dengan aku sejak kali pertama dia melihat gambar ku itu...

Ketika sedang bermain, Raslan sengaja buat aku jatuh. Kemudian dia bercekek pinggang di hadapan ku. Aku tak mahu cari gaduh dengannya. Aku tahu dia kawan baik Tamrin, jadi untuk hormati Tamrin, aku langsung tak buat apa-apa. Lagipun dia budak lembut. Dia bukan lawan aku.

Dah lah tu! Getus Tamrin sambil menolak Raslan ke tepi. Tamrin menjeling ke arah ku. Aku tahu maksudnya. Aku terus keluar dari padang futsal. Aku duduk di atas bangku. Aku lap peluh ku yang membasahi wajah ku. Aku lihat ketika sedang bermain, sesekali Tamrin aku membisikkan sesuatu kepada Raslan. Kemudian Raslan aku menoleh ke arah ku.

Tamrin mengambil keputusan untuk berhenti bermain. Dia keluar dari padang futsal lalu dia duduk di sebelah ku.

Jom lah main. Kata Tamrin sambil meneguk air botol air berwarna biru yang telah dibawanya dari rumah.

Tak nak lah.

Apa, kau merajuk?

Tak lah sampai merajuk.

Dia minta maaf.

Siapa?

Raslan.

Kenapa dia tak minta maaf kepada aku sahaja. Kenapa kau pula jadi barua dia?

Bagi dia cool down dulu... Dia masih marah lagi dengan kau. Ye lah, dengan apa yang kau dah buat dengan Hasnah. Dia tak suka. Kau kan tahu dia dengan Hasnah tu sisters!

Yarabbi! Bukan benda ni cerita lama ke?

Tamrin tidak menjawab soalan ku tadi. Dia diam sahaja. Tadi aku lihat keceriaan terlukis di wajahnya ketika dia sedang bermain futsal. Dalam sekejap masa sahaja wajahnya berubah serius. Sejahat-jahat aku, aku memang tak suka susahkan kawan aku sendiri. Tamrin adalah di antara orang yang paling rapat dengan ku. Dia kawan baik aku. Dia banyak membantu aku selama ini.

Amat... Berapa banyak kau pinjam dari Hasnah? Tanya Tamrin tanpa menoleh ke arah ku.

Eh, apahal pulak ni?

Dia ada beritahu aku, kau ada pinjam duit dia semester lepas.

Apa kau dah jadi along ke?

Tamrin mendengus. Dia mahu mengorak langkah untuk masuk kembali ke dalam padang futsal.

Seribu enam ratus ringgit. Kataku akhirnya. Dia berhenti di hadapan ku.

Apa?

Kau dengar apa yang aku cakap tadi... Seribu enam ratus ringgit. Mungkin lebih. Entahlah. Aku tak tahu pulak si Hasnah tu berkira sangat!

Kau buat apa dengan duit tu?

Bayar duit sewa bilik yang kau minta lah. Beli buku. Belanja makan—

Kenapa kau tak mintak aku tolong kau sahaja?

Memang aku nak mintak tolong kau... Tapi si Hasnah awal-awal lagi dapat tahu aku tak ada duit. Dia kata dia ikhlas nak tolong aku.

Memang betul tanpa segan silu aku terima duit pemberian Hasnah. Masa tu Hasnah beritahu aku dia memang nak bantu aku. Hasnah banyak duit. Dia tidak pernah perlu bimbang tentang hal yang bersangkutan paut dengan duit. Apa sahaja yang dimahukannya pasti akan diberikan kepadanya. Dia duduk di sebuah banglo besar di Kelana Jaya. Dia pernah bawa aku berjumpa dengan orang tuanya di sana. Aku rasa orang tuanya suka dengan ku. Macam-macam yang mereka tanya tentang diri ku dan tentang latar belakang keluarga ku. Macam-macam yang aku kelentong. Macam-macam yang aku bohong.

Kadangkala aku rasa aku banyak berbohong sehinggakan aku sendiri percaya kepada pembohongan aku.

Apa, dia ungkit balik ke fasal duit ni kat kau? Tanyaku.

Tak lah sampai begitu sekali. Tapi dia ada cakap fasal benda ni kat Raslan.

Dah tu apa Raslan kata? Tanya ku. Tamrin berpaling ke arah lain. Serba salah.  
**APA YANG DIA KATA?**

Dia kata kau kaki kikis.

**BUTOHLAH!** Aku ambil beg aku. Aku ambil helmet aku. Aku nak balik.

Wei, sabarlah! Tamrin memegang bahu ku.

Kalau kau nak ikut aku balik, kau ikut aku balik. Kalau tak kau balik sendiri!

Amat... Sampai bila kau nak lari?

Kata-kata Tamrin terngiang-ngiang di dalam kepala ku. Aku terus berjalan keluar dari pusat futsal itu lalu bergegas turun ke tingkat bawah. Aku cari kedai jual majalah. Aku beli sekotak rokok kretek. Aku dah lama tak hisap rokok. Aku dah janji kepada mak



aku tak akan hisap rokok lagi. Tapi aku dah tension sangat masa tu. Aku pergi berjalan keluar lalu duduk di Starbucks tanpa memesan apa-apa. Aku hidupkan puntung rokok aku lalu aku hisap rokok aku untuk hilangkan tension.

Aku keluarkan handphone aku. Aku call mak aku. Aku buat miss call. Tak sampai beberapa saat kemudian mak menelefon ku.

- Assalamualaikum mak.
- Waalaikum salam. Amat di mana ni?
- Summit... Subang Jaya.
- Buat apa di situ? Tengok wayang?
- Tak, tadi orang main futsal dengan kawan-kawan.
- Dengan Tamrin sekali?
- Ya. Dengan Tamrin... Mak di mana?
- Di rumah.
- Hani dan Nani sihat?
- Adik-adik kau sihat... Mereka selalu tanyakan mak tentang kau. Mereka selalu tanya bila lagi kau akan datang untuk lawat mereka di sini.
- Alah, mak dengan adik-adik datang lawat orang ke KL kan lagi bagus?
- Kalau ada rezeki mak akan ke KL.

Ketika dia cakap macam tu hati aku dah mula sebak. Aku rasa macam nak nangis. Aku rindukan mak. Aku rindukan Hani dan Nani. Tapi aku tahu mak tak suka ke KL. Kalau boleh dia tak mahu ke sini.

- Lama Amat tak telefon mak—
- Orang tahu.
- Amat dah terima duit yang mak bank-in minggu lepas
- Dah. Tapi kan orang dah cakap mak tak perlu hantar duit.
- Mak ada duit lebih... Amat tak perlu risau tentang itu semua.

Kalau mak kata dia ada duit lebih ini bermakna mak dapat kumpulkan sedikit wang hasil dari kerja sampingan yang dilakukannya. Selain dari menolong datuk di gerai nasi ayamnya, Mak ambil tempahan menjahit.

- Sepupu kau si Saiful akan bertunang bulan depan.
- Orang tahu... Dia ada e-mail orang hari tu.
- Dia ada beritahu kepada mak... Kalau boleh dia mahu kau ke sini ke majlis pertunangannya.
- Kalau orang free, orang pergi. Tapi rasa-rasanya tak free kot.
- Pentingkan pelajaran kau tu dulu.
- Tahu, mak...

Aku menghentikan perbualan aku dengan mak selang seminit kemudian. Kemudian aku duduk termenung lama-lama. Aku fikirkan tentang mak dan kedua adik-adik ku. Dua tiga kali aku mengeluh.

Emmet, aku mintak maaf. Ujar Raslan kepada ku sambil menjeling ke arah Tamrin. Aku tahu dia lakukan ini semua sebab dia kena paksa dengan Tamrin. Aku hanya mengangguk sambil menyambut salamnya. Aku tak ada mood nak marah-marah. Setelah mendengar suara mak, aku tak jadi nak marahkan sesiapa, lebih-lebih lagi Raslan.

Tamrin duduk di hadapan ku. Raslan bertanya kepadanya dan kepada ku apa yang ingin kami minum. Aku menggelengkan kepala ku. Tamrin mengeluarkan dompetnya lalu mengeluarkan wang sebanyak RM50 lantas menyuruh Raslan memesan minuman Capuccino untuk dirinya dan Ice Blended Mocha untuk aku. Dia tahu itu minuman kegemaran ku.

Aku dah agak mesti kau melepak di sini. Katanya.

Kau ni kan psikik. Sambut ku memerli.

Tamrin bukan psikik, tapi dia memang kenal siapa aku. Dia tahu isi hati aku. Aku rasa, hanya dia dan abang Rastam sahaja yang kenal siapa aku sebenarnya. Aku tak pernah rahsiakan apa-apa tentang diri aku dari mereka. Tamrin juga tidak pernah rahsiakan apa-apa tentang dirinya dari aku. Aku kenal tentang dirinya dari A ke Z. Keluarganya juga aku kenal. Cuti semester yang baru lepas aku banyak habiskan masa aku dengan keluarganya di Pangkor. Keluarganya susah. Tapi aku tak kisahkan sangat tentang itu semua. Mereka buat aku macam anak mereka sendiri.

Kau hisap rokok? Tanya Tamrin apabila matanya singgah ke kotak rokok yang aku letak di atas meja.

Jadi kenapa?

Tak ada apa-apa. Itu pilihan kau.

Kan lebih baik kalau kau marahkan aku ke. Buat muka masam ke...

Kau tak suka dengar orang membebel... Ingat?

Kau lelaki, lain lah!

Tamrin tersenyum. Kemudian dia termenung memandang ke tempat lain. Ada sesuatu yang terlintas di dalam kepalanya yang mengganggu fikirannya pada masa itu.

Kau tengah fikir fasal apa? Tanyaku pendek.

Semalam Hasnah beritahu kepada aku dia masih sayangkan kau. Dia masih tak beritahu kepada keluarganya kau dah berpisah dengannya. Dia kata banyak kali dia cuba telefon kau, tapi kau tak pernah jawab.

Aku tahu.

Apa yang kau tahu?

Aku tahu dia masih sayangkan aku.

Kau pula macam mana?

Aku menaikkan kedua belah bahu ku. Dia tak perlu tahu bahawa aku rindukan Hasnah. Dia tidak perlu tahu bahawa memang aku sayangkan Hasnah. Biar dia ingat hati aku ini diperbuat daripada batu. Biar dia ingat aku tak ada perasaan.

Dia tahu tentang aku dan Mel? Tanyaku ingin tahu.

Tak. Tapi lambat laun dia mesti tahu.

Okay...

Kau nak aku beritahu kepadanya tentang kau dan Mel ke?

Tak payah! Buat susah-susah jer!

Jadi bagaimana dengan hubungan kau dengan Mel?

Aku suka dengannya. Dia lain dari yang lain.

Ye lah, dia bisu—

Bukan fasal itu! Dia lain dari awek-awek yang lain. Bila aku keluar dengan dia, aku boleh beritahu kepadanya siapa aku ini sebenarnya. Aku tak payah berbohong. Aku tak perlu reka cerita.

Tapi dia tak tahu apa yang kau katakan...

Ya, mungkin sebab itu. Semalam aku ceritakan dia fasal Nani adik aku tu dan bagaimana dia suka main sorang-sorang dengan anak patungnya dari pagi sampai ke petang. Aku beritahu kepadanya aku suka tengok Nani bermain dengan anak patungnya. Aku ceritakan semua ini kepadanya. Bila aku bercerita, dia hanya pandang ke muka aku, macam dia faham.

Dah tu, kau pulak dah pandai guna bahasa isyarat?

Sikit-sikit jer.

Jadi macam mana kau berhubungannya.

Dengan menulis apa yang ingin aku cakapkan dalam buku nota yang aku belikan untuknya. Dia suka SMS aku. Bila di rumah, aku selalu chat dengan dia.

Kau sayangkan Mel?

Aku tidak dapat menjawab soalnya itu. Raslan datang dengan minuman yang dipesan Tamrin tadi. Perbualan kami tentang Melati terus terhenti di situ sahaja, lalu terus dikuasai oleh Raslan yang tidak sudah-sudah memberitahu kami bahawa dia ternampak Ziana Zain penyanyi idolanya berjalan melintasinya ketika dia memesan minuman tadi...

## Bab 5

Ada kalanya aku rasa manusia yang paling berhati busuk di dalam dunia ini adalah manusia yang berlagak baik dan alim. Dah banyak kalu aku jumpa manusia-manusia macam ni, tetapi aku rasa dengan terciptanya Internet, manusia macam ini semakin bermaharajalela. Mereka tidak perlu lagi berselindung di sebalik topeng kealiman tetapi kini mereka hanya perlu berselindung di sebalik skrin komputer. Kini, setiap kali ada gambar artis yang kononnya kontroversi, bila gambar ini diletakkan di dalam forum-forum tertentu, mesti ada barua-barua ini yang akan bagi komen-komen pedas seolah-olah mereka ini dah bagus sangat.

Hari ini bila aku layari Internet, aku dapat melihat satu forum yang memperkatakan sesuatu yang tidak melibatkan mana-mana artis tapi ada melibatkan diri aku. Aku jadi marah. Benda ni macam tak pernah selesai. Ada sahaja orang yang akan memperkatakannya.

Aku mengaru-garu kepala ku. Aku dapati tubuh ku berlengas. Aku tak mandi lagi walaupun hari dah lewat malam. Aku fikirkan kembali apa yang aku buat sepanjang hari tadi. Aku rasa tak banyak. Aku pergi ke kuliah. Aku makan tengah hari dengan Melati. Setelah selesai menghadiri kuliah ku yang terakhir, aku pergi ke Mid Valley. Aku ke sana dengan niat untuk mencari kerja kosong. Tempat pertama yang aku tuju adalah ke kedai barangan sukan yang terletak di tingkat yang paling atas. Aku tahu di situ ada kerja kosong setelah melihat poster mencari kerja yang telah ditampal di luar kedai tersebut ketika aku ke sana untuk membeli kasut futsal ku bersama Melati.

### RETAIL STAFF WANTED PLEASE APPLY WITHIN

Jadi aku pergi mintak kerja di situ. Aku isi borang. Pengurus kedai itu aku rasa usianya sama macam abang Rostam - lewat 20-an. Namanya Andrew Loh. Dia nampak peramah. Dia tanya aku kalau aku minat bersukan. Aku beritahu kepadanya, dulu masa sekolah aku aktif dalam sukan olahraga. Sekarang pula aku gila main futsal. Lepas tu dia tanya aku bila aku boleh mula kerja. Aku kata esok pun boleh, tapi aku kena rujuk balik jadual aku. Dia tanya aku kalau aku boleh kerja hujung minggu. Tapi aku kata kalau boleh aku lebih suka bekerja pada hujung minggu - mulai hari Jumaat sampailah ke hari Ahad. Dia kata itulah yang terbaik sebab dia selalu kekurangan staf semasa hari hujung minggu sedangkan ramai pelanggan yang datang membeli-belah di hari hujung minggu.

Andrew ada juga tanya aku kalau aku pernah bekerja sebelum ini. Aku kata tak pernah. Jadi dia tanya aku kenapa aku tiba-tiba sahaja hendak cari kerja. Aku kata aku nak cari duit lebih. Aku tak pula cakap kepadanya aku dah gunakan duit biasiswa aku untuk bayar balik duit yang pernah aku ambil dari Hasnah. Aku tahu, kalau aku tak kerja aku tak boleh hidup kat KL ni.

Pagi tadi aku ambil kotak kasut aku lalu dalam kotak itu aku masukkan wang sebanyak RM1600, jam, dompet wang, rantai lengan dan beberapa keping CD yang telah

dihadiahkan Hasnah. Aku tutup kotak itu, ikat dengan tali rafia lalu aku serahkan kepada Tamrin. Aku minta Tamrin serahkan kotak ini kepada Hasnah.

Tamrin ambil kotak itu dari aku tanpa banyak soal. Aku rasa dia tak mahu masuk campur hal aku dengan Hasnah.

Aku sempat beritahu kepadanya bahawa aku akan pulang sedikit lewat kerana aku mahu pergi cari kerja di Mid Valley. Dia terkejut bila dia dapat tahu tentang hal ini dari aku. Dia ingatkan aku bahawa keputusan peperiksaan aku selalunya cukup makan sahaja. Dia takut nanti pelajaran aku akan terjejas. Aku ingatkan dia yang aku tidak seuntung dirinya. Tiap-tiap bulan Abang Rostam akan hantarkan wang perbelanjaan kepadanya. Bukan sedikit pulak tu!

Dia terdiam buat seketika. Kemudian dia kata dia akan cuba sedaya upayanya untuk memastikan agar pelajaran ku nanti tak akan terjejas dek kemahuan aku hendak bekerja. Dia kata dia akan bantu aku buat assignment. Aku cakap, bukan selama ini dia dah bantu aku untuk buat itu semua? Dia tersengih sendiri.

Sebenarnya aku dah lama fikirkan tentang idea untuk bekerja sambilan ini, cuma mak aku pernah menegah aku dari mencari kerja ketika sedang belajar. Dia mahu aku tumpukan segala perhatian aku kepada pelajaran. Mungkin dia tahu aku ni bukannya cerdik sangat. Mungkin dia juga tahu aku ni malas sikit nak belajar. Sampai sekarang aku tak tahu macam mana aku boleh dapat gred 1 untuk peperiksaan SMP dan seterusnya dapat buat matrikulasi di UM.

Mak ada cakap aku patut jadi contoh kepada Hani dan Nani adik-adik kembar aku yang berusia lapan tahun itu. Dia kata, kalau mereka berdua dapat melihat aku rajin belajar, pasti mereka juga akan rajin belajar seperti aku. Mak pernah kata aku sepatutnya mencontohi jejak bapak aku. Bapak aku dulu berasal dari keluarga yang daif. Dia berasal dari Keluang. Bapak aku telah bekerja keras sehingga dia berjaya mendapatkan biasiswa untuk belajar ke Amerika Syarikat dalam bidang kejuruteraan. Di sana, kalau tak salah aku, bapak aku bekerja sebagai tukang cuci pinggan mangkuk semata-mata untuk tampung perbelanjaan dia tu. Dia pernah ceritakan semua ini kepada aku semasa aku berada di dalam darjah empat. Ketika itu dia marahkan aku kerana dia rasa aku boros. Suka berbelanja. Dia marahkan mak aku kerana ikutkan sangat kehendak aku.

Aku rasa memang betul cakap bapak aku. Memang aku boros. Aku tak tahu bagaimana untuk berjimat. Selagi ada duit di dalam poket, selagi itulah aku mahu berbelanja. Macam-macam yang ingin aku beli. Baju baru, kasut baru, beg baru, pendek kata, macam-macam lah! Sekarang, bila bapak aku dah tak bagi sesen pun kepada aku, aku rasa terdesak untuk cari wang sendiri. Aku rasa aku perlu berdikari sendiri. Jika tidak, sampai bila aku nak jadi begini?

Tamrin ketuk pintu aku dari luar. Aku menyuruh dia masuk. Dia bawak kotak yang aku berikannya pagi tadi. Dia serahkan kotak itu kembali kepada ku. EH, APA HAL NI? Tanya ku kepadanya.

Petang tadi aku berjumpa dengan Hasnah. Katanya. Dia menggaru-garu belakang tengkuknya.

Jadi kenapa?

Kau ni tak baiklah!

Tak baik apa ni? Tanya ku kembali. Ada saja silap aku. Ada sahaja kesalahan yang aku lakukan. Aku ambil kotak rokok dari atas meja belajar ku. Aku mahu isap rokok tetapi Tamrin ambil batang rokok ku dari mulut ku lalu di letakkannya di atas meja. Dia tak suka lihat aku merokok di dalam bilik ku. Dia ingatkan aku bahawa kami berdua hidup menumpang di rumah abang Rastam. Dia tak mahu bilik yang aku sewa itu nanti berbau macam bau bilik budak-bujang-mat-rempit-yang-tak-tahu-jaga-kebersihan.

Dia kemudian beritahu kepada ku Hasnah menangis di hadapannya tadi.

Kepala ku berserabut bila aku fikirkan tentang hal ini. Mengapa Hasnah perlu menangis lagi? Bukan kah aku dah lepaskan dia pergi?

Barang-barang yang kau pulangkan kembali tu mengingatkan dia kembali kepada masa-masa kau bersamanya. Beritahu Tamrin.

SEBAB TU DIA MENANGIS?

Ya.

Tamrin menggeleng sambil memandang ke arah ku. Aku pasti dia fikir aku ni manusia paling jahat yang pernah ditemuinya. Apa tidaknya, aku dah buat kawan baiknya menangis di hadapannya. Aku pasti Hasnah ada kutuk-kutuk aku di hadapannya. Bila perempuan dah marah, inilah jadinya. Bukannya aku tak biasa. Ada awek-awek yang aku tinggalkan berdendam dengan aku sehingga ke hari ini.

Tamrin beritahu kepada ku yang si Hasnah ni masih sayangkan aku. Tamrin sekali lagi ingatkan aku bahawa aku orang pertama yang Hasnah cintai.

Kau tahu apa itu cinta, Amat? Tanya Tamrin tiba-tiba. Aku terkejut mendengar soalnya itu.

Aku tak mahu jawab soalnya itu. Sebenarnya aku rasa aku memang tak kenal apa itu erti cinta yang sebenar. Jika aku pernah bercinta dan kenal apa itu erti cinta yang sebenar pun, aku yakin aku ni macam kebanyakan orang Malaysia yang sering ditanya erti kemerdekaan setiap bulan merdeka tapi masih tak tahu bagaimana untuk memberikan jawapan di dalam ayat yang teratur dan indah. Aku bukan pujangga. Walaupun aku pandai mengayat dan pandai buat awek-awek cair dengan kata-kata aku, aku tak pandai guna ayat-ayat yang indah untuk menjawab soalan Tamrin tentang cinta.

Aku ambil kotak yang Tamrin letak di atas meja. Aku dapati wang yang aku pulangkan kepada Hasnah langsung tak tersentuh. Aku mengeluh. Aku beritahu Tamrin jika Hasnah tak mahu ambil kotak ini kembali aku sendiri akan pergi ke rumahnya untuk jumpa mak bapak dia lalu serahkan kotak ini kepada mereka. JANGAN CABAR AKU, TAMRIN! KALAU AKU NAK BUAT AKU BUAT!

Tamrin tahu Hasnah masih belum beritahu kepada keluarganya bahawa kami telah pun berpisah. Di dalam kepalanya, dia masih fikir kami dapat bersama. Entah mengapa, dia mahu buktikan kepada ibu dan bapanya dia boleh mengadakan satu hubungan yang “perfect” dan berkekalan. Segala-galanya tentang dirinya perlu “perfect”. Kalau kau melihat keretanya – bersih, langsung tak kotor di luar dan di dalam. Kalau kau masuk ke dalam bilik tidurnya, segala-galanya teratur. Pakaian yang dipakainya perlu ada koordinasi warna. Dia telah aturkan hidupnya agar dia boleh jadi seperti ibunya, seorang majistret. Dia mahu pastikan tidak ada kecacatan langsung di dalam kehidupannya yang sempurna itu, sehinggakan dia pernah serahkan borang Putera UMNO kepada ku. Dia meminta aku supaya menjadi ahli Putera UMNO agar aku dapat merapati bapanya. Aku berkeras tak mahu. Dia tak memaksa, tapi caranya itu membuat aku rasa seperti dipaksa. Mungkin sebab itulah aku tinggalkan dia, walaupun aku sayangkan dia. Dia mahu mencari sesuatu yang “perfect”. Dia fikir aku ini “perfect” tapi dia silap. Dia tak kenal siapa aku sebenarnya...

Aku tak mahu masuk campur. Kata Tamrin pendek. Dia mahu lepas tangan. Dia kata ini masalah aku.

Jadi kau nak aku buat apa?

Kau perlu jumpa dia sendiri. Bagi sendiri kotak ini kepadanya. Beritahu kepadanya supaya lupakan kau sahaja. Jangan berikan dia sebarang harapan bahawa kau dan dia akan bersama satu hari nanti.

Kenapa?

Dia fikir kau marahkan dia... Dia fikir bila hati kau sejuk nanti kau akan kembali kepadanya.

Memang aku pernah fikir perkara yang sama. Tapi entahlah, hati aku keras.

Tamrin, aku dah dapat kerja part-time yang aku cari tu. Aku apply jer terus dapat. Aku memberitahunya dengan harapan dia akan melupakan tentang hal aku dengan Hasnah.

Muka hensem macam kau ni kalau nak mintak kerja senang jer dapat. Kalau takde kerja pun orang buatkan kerja untuk kau. Kata Tamrin melulu. Aku cukup-cukup malas untuk berbual dengannya bila dia perli aku macam ni.



## Bab 6

Aku terserempak dengan Hamiza ketika aku ke perpustakaan untuk pulangkan buku kepunyaan Tamrin. Pada mulanya aku langsung tak berniat untuk menegurnya, tapi nanti apa pula dikatanya. Lagipun dia kawan baik Melati. Tak kan lah aku nak buat tak nampak pula bila dia lalu depan aku tadi.

Jadi aku berjalan mendapatkannya apabila dia pergi ke meja di mana dia selalu duduk sambil menelaah pelajarannya. Aku nampak dia sedang duduk di situ keseorangan. Dia mengeluarkan peralatan tulisnya lalu membetulkan tudungnya.

Aku menegurnya dengan mengucapkan salam. Dia menjawab salam ku dengan lembut. Aku tanya dia di mana Melati. Dia kata Melati ada tutorial. Dia sempat memerli aku kerana aku tak mahu ambil tahu tentang ini semua, maksud aku jadual belajar Melati. Aku hanya mampu tersenyum tawar. Jadual kelas aku pun aku tak terjaga, inikan pula jadual kelas orang lain, ye tak? Kalau Tamrin tak ada untuk selalu SMS aku untuk mengingatkan aku supaya hadir ke kuliah atau ke tutorial, alamatnya dah lama aku kena jumpa dekan dan berikan surat tunjuk sebab mengapa aku selalu sahaja ponteng. Sebab itulah aku pastikan setiap semester, aku dan Tamrin menghadiri kuliah dan tutorial yang sama. Kalau macam ni lagi senang. Aku hanya perlu ikut ke mana sahaja Tamrin pergi di dalam kampus. Lagipun sekarang ini dia dah jadi macam pembantu peribadi aku. Jadual pembelajaran aku semuanya dia yang jaga.

Hamiza sempat tanya aku sejauh mana hubungan aku dengan Melati. Susah untuk aku jawab soalnya ini. Aku rasa macam nak ambil buku dari rak yang terdekat lalu buat-buat baca buku tanpa perlu menjawab soalnya itu. Apabila dia tanya sekali lagi aku kata Melati tu kawan rapat aku. Dia kata, TU JER KE? Aku jawab, YE LAH. DAH TU?

Aku pantang kalau orang tanya aku fasal benda ni. Kenyataannya, aku masih menganggap Melati sebagai kawan aku yang rapat. Mungkin lebih istimewa dari kawan-kawan aku yang lain. Pendek kata, aku masih keliru dengan kedudukannya dalam hidup aku. Aku sendiri tak tahu kalau aku ada simpan apa-apa perasaan ke atas dirinya. Mungkin kerana kami baru sahaja saling mengenali. Aku tak pernah nak “declare” apa-apa kat dia. Dia pun tak pernah nak beri tekanan apa-apa kat aku. Tak macam Hasnah. Dua minggu setelah aku berkenalan dengan dia apabila hubungan kami menjadi semakin rapat, dia minta aku anggap dia sebagai girlfriend dia. Aku mengiakan sahaja. Masa tu lah dia hadiahkan aku dengan jam tangan sebagai tanda aku ni boyfriend dia. Aku tak hadiahkan dia apa-apa. Terus terang aku cakap kat dia masa tu, aku tak ada duit untuk beri dia hadiah. Dia kata dia tak kisah. Yang penting katanya, aku sayangkan dia.

Aku tak faham kenapa awek cun macam Hasnah tak ada boyfriend sebelum ini. Bila aku tanya kenapa, dia kata dia ni cerewet dan memilih orangnya. Dan fasal itulah aku tak faham kenapa dia pilih aku. Tamrin kata dia suka aku sebab aku ni ada imej ‘bad boy’. Dia kata ramai budak perempuan suka aku sebab tu. Sebab aku nakal. Mereka suka dengan budak-budak lelaki yang nakal.

Mel suka saya tak? Tanya aku kepada Hamiza. Hamiza menjeling ke arah ku. Agaknya dia meluat mendengar soalan ku ini. Dia kata Melati tak habis-habis bercakap tentang aku setiap kali mereka bertemu, sampai naik muak dia jadinya. Melati letakkan gambar aku yang diambilnya sendiri dengan kamera digitalnya lalu diletakkan di tepi katilnya. Hamiza kata sebelum ini Melati tak pernah suka kepada sesiapaupun sebagaimana dia sukakan aku.

Apa awak dah buat kat dia ah? Tanya Hamiza dengan suara serius.

Aku kata aku tak buat apa-apa pun. Tapi itulah kebenarannya. Kalau dengan awek lain, dah macam-macam aku buat. Tapi dengan Melati, lain pula jadinya. Nak sentuh dia pun aku takut, inikan pula nak ajak ringan-ringan - walaupun memang aku syok giler dengan dia. Aku takut nak sentuh dia macam dia ni ada satu magic yang buat aku tak boleh nak sentuh dia.

Aku tak nak hipokrit, memang aku stim giler dengan dia. Bila aku terbayangkan wajah dia jer aku dah boleh stim sorang-sorang. Tiap-tiap malam ketika aku sedang terbaring sendiri di atas katil aku akan fikirkan fasal dia. Tiap-tiap malam sebelum masuk tidur aku kena mandi wajib...

Dari mana awak belajar bahasa isyarat? Tanya ku kepada Hamiza setelah aku lihat dia mula membuka buku notanya dan dah mula nampak macam tak nak layan aku.

Sejak kecil. Jawabnya. Kemudian dia ceritakan aku bahawa ibunya seorang guru yang mengajar di sebuah sekolah khas untuk kanak-kanak pekak dan bisu di Kelana Jaya. Jadi sejak kecil dia telah diajar untuk menggunakan bahasa isyarat. Malah itu yang dipelajarinya sebelum dia belajar untuk bertutur, kerana ibunya berfikir bahawa bahasa isyarat merupakan satu bahasa yang mempunyai proses imej visual mental yang berlainan dengan bahasa biasa. Dia mengingatkan aku bahawa bahasa isyarat yang digunakannya - Bahasa Isyarat Malaysia tidak sama dengan Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Jadi apabila Melati menggunakan bahasa isyarat, dia akan menterjemahkannya ke dalam Bahasa Melayu.

Patutlah apa yang ditulis Melati kadangkala sukar untuk aku fahami. Tulisannya tak mengikut struktur. Tunggang-langgang. Dia menulis mengikut cara percakapannya ketika menggunakan bahasa isyarat.

Bila kita bercakap, setiap perkataan yang kita sebut akan mengeluarkan bunyi dan intonasi yang berbeza. Bahasa isyarat pula menggunakan gambaran visual yang dituturkan dengan menggunakan pergerakan tangan, wajah dan tubuh. Begitulah kata Hamiza dengan panjang lebar seperti seorang guru. Tetapi memang itulah jurusannya. Hamiza menuntut di UM dalam Fakulti Pendidikan.

Hamiza beritahu kepada ku bahawa Melati telah dilahirkan pekak dan bisu. Kata Hamiza lagi, mereka yang telah dilahirkan pekak dan bisu seperti Melati lebih teruk

keadaannya dari mereka yang telah dilahirkan buta, kerana Melati terpaksa membesar di dalam situasi dia langsung tidak dapat menguasai bahasa untuk meluahkan perasaannya atau berkomunikasi dengan orang lain.

Mel pernah beritahu saya, dia tak mempunyai “perasaan” sebelum dia mengenali mak saya yang telah mengajarnya menggunakan bahasa isyarat.

Apa maksud awak? Tanya ku kembali dengan penuh minat.

Bahasa adalah cara untuk kita membentuk satu-satu konsep yang abstrak di dalam kepala kita, seperti perasaan sedih, gembira, penat, marah... Tanpa bahasa, perasaan-perasaan ini tidak wujud. Sebelum dia belajar menggunakan bahasa isyarat, konsep-konsep abstrak seperti ini langsung tidak dapat difahaminya.

Jadi sebelum Mel bertemu dengan mak awak, dia langsung tidak tahu menggunakan bahasa isyarat?

Tidak... Dunianya kosong. Dia langsung tak faham apa yang dilihat di sekelilingna. Dia tidak dapat berbual dengan sesiapaupun kecuali dengan ibunya dengan menggunakan bahasa isyarat ringkas yang mereka cipta sendiri. Sebab itulah dia tidak faham bahawa—

Hamiza tiba-tiba berhenti dari terus berkata-kata. Dia mengeluh. Dia terdiam buat seketika. Aku tidak tahu apa yang sedang difikirkannya ketika itu. Tapi aku tahu dia mahu menyembunyikan sesuatu tentang Melati dari diri ku.

Bahawa apa?

Tak ada apa-apa! Jawab Hamiza yang telah bertekat untuk tidak memberitahu aku tentang perkara yang mahu dirahsiakan ini dariku.

Bila mak awak mula-mula mengenali Mel?

Ketika Mel berusia tujuh tahun. Ketika itu, ibunya telah bersusah payah mencari sekolah yang sesuai untuk Mel. Mak saya dapat tahu tentang keadaan Mel... Yang agak... Yang agak sukar pada ketika itu. Dia terus ambil Mel sebagai anak angkatnya. Sejak hari itu saya dan Mel berkawan baik.

Perkara ini baru bagi ku. Aku langsung tidak tahu tentang hal ini sebelum ini. Rupa-rupanya hubungan Hamiza dan Melati lebih rapat dari yang ku sangka.

Banyak yang awak tak tahu tentangnya, Emmet. Kata Hamiza perlahan.

Tapi saya nak tahu lagi tentangnya. Saya serius nak tahu. Tapi susah... Saya langsung tak tahu apa yang ingin diberitahunya kepada saya. Kadangkala dia akan

bercakap kepada saya dengan menggunakan bahasa isyarat. Tapi saya tak faham apa yang ingin disampaikan.

Fahami raut wajahnya.

Apa?

Cuba fahami perasaannya melalui raut wajahnya.

Kata-kata Hamiza terus terngiang-ngiang di dalam kepala ku. Aku termenung ke hadapan. Aku terus memberitahu diri ku bahawa aku akan melakukan apa sahaja untuk cuba mengenali diri Melati dengan lebih mendalam lagi. Tapi aku masih tidak faham mengapa aku sanggup melakukan ini semua demi Melati. Apa yang ada di dalam diri Melati sehingga membuat ku begini?

Semalam, aku telah membawa Melati ke Tasik Taman Jaya di sebelah Amcorp Mall. Kami duduk lepak-lepak di situ sambil makan ais krim. Dia suka makan ais krim strawberi dan aku suka ais krim coklat. Lama kami duduk di situ. Satu patah perkataan pun tak terkeluar dari mulut aku. Aku terus duduk bersamanya sambil merenung ke arah tasik. Kemudian Melati memegang tangan ku. Aku membiarkan Melati terus memegang tangan ku. Dia merenung ke dalam garis-garis halus di telapak tangan aku dengan penuh minat. Kemudian dia memandang ke arah awan yang sedang berarak. Dia terus memandang ke situ lama-lama. Aku pula terus memegang tangannya.

Aku rasa inilah kali pertama aku keluar dengan mana-mana awek tanpa sepele perkataan yang terkeluar dari mulut ku. Tapi yang peliknya, aku rasa macam banyak yang telah aku bualkan dengannya semalam. Mungkin betul kata Hamiza. Aku hanya perlu memandang ke raut wajahnya untuk mendalami perasaannya. Dan semalam, itulah yang telah aku lakukan. Aku pandang ke arah wajahnya lama-lama ketika dia sedang memandang ke arah awan - untuk mengetahui apa yang tersirat di dalam perasaannya pada ketika itu.

Ketika itu aku dapati fikirannya telah melayang entah ke mana. Dia tidak lagi berada bersama ku tetapi di tempat yang lain. Wajahnya nampak tenang. Tiga puluh minit kemudian setelah termenung begitu, dia mengeluarkan kamera digitalnya dari beg galasnya lalu mengambil gambar sekumpulan awan di langit. Kemudian, dia mengeluarkan sekeping album gambar-gambar awan yang ingin ditunjukkan kepada ku. Macam-macam bentuk awan yang dapat ku lihat telah diambilnya selama ini.

Aku memberitahu tentang hal ini kepada Hamiza. Dia tersenyum. Dia memberitahu ku bahawa Melati suka memandang ke arah awan kerana satu ketika dahulu Melati dan maknya banyak menghabiskan masa mereka memandang ke arah awan. Itulah di antara perkara yang sering mereka lakukan bersama.

Mel sedang memburu awan yang paling “perfect”. Kata Hamiza.

Apa?

Mak Mel pernah beritahu kepadanya tentang awan yang paling indah yang akan hanya muncul sekali sahaja di dalam hidupnya dan untuk beberapa saat sahaja. Mel mahu mencari awan ini sampai dapat.

Bagaimana bentuk awan ini? Tanya ku ingin tahu.

Mel kata susah untuk dia jelaskan... Tapi bila awan ini muncul dia akan tahu.

Kata-kata Hamiza membuat aku termenung. Aku memikirkan tentang awan istimewa yang dicari-cari oleh Melati selama ini. Aku memikirkan tentang ibunya. Dia tidak pernah menceritakan kepada ku tentang ibunya atau keluarganya, sedangkan aku mahu tahu tentang ini semua. Sampai bila agaknya aku akan berada di dalam gelap begini?

Sebenarnya ketika hari pertama kita berjumpa dulu... Mel tak mahu keluar dengan awak, tapi saya yang galakkan. Kata Hamiza akhirnya memberitahu kepada ku sesuatu yang telah dipendamkannya selama ini.

Tapi kenapa?

Maksud awak?

Kenapa awak galakkan dia keluar dengan saya?

Sebab Mel tidak pernah keluar dengan sesiapaupun. Sebab dia bisu, tak ada sesiapaupun di dalam kampus yang berani mendekatinya atau cuba berbual dengannya. Mereka semua takut untuk berkawan dengannya. Saya kesian dia tak banyak kawan. Bila awak datang dengan tujuan untuk berkawan dengan dia... Saya rasa lega sangat. Sebab itulah bila awak pelawa dia keluar makan malam hari tu, saya suruh dia jangan malu-malu untuk terima pelawaan awak tu. Sebab saya rasa awak jujur orangnya.

Kata-kata Hamiza membuatkan aku serba salah. Aku sendiri tidak tahu sejauh mana tahap kejujuran ku ketika aku mula-mula mahu berkenalan dengan Melati. Mahu sahaja aku menjelaskan kepadanya keadaan yang sebenar yang telah menyebabkan mengapa aku mahu berkenalan dengan kawan baiknya itu.

Sekarang dia cuba bersungguh-sungguh untuk memahami awak dengan membaca pergerakan bibir awak ketika awak bercakap kepadanya. Dia nak tahu apa yang awak cuba beritahu kepadanya. Kerana dia beritahu kepada saya awak selalu berbual dengannya—

Aku menganggukkan kepala ku. Memang itu yang sering aku lakukan kepada Melati tanpa memikirkan jika dia tahu apa yang aku ceritakan atau tidak.

Jadi terima kasih...

Terima kasih untuk apa? Tanya ku kembali dengan dahi ku terkerut.

Saya tak pernah melihat wajah Melati begitu ceria sekali sebelum ini... Saya tak tahu apa yang telah awak lakukan kepadanya, tetapi awak telah membuat dia gembira. Mungkin dia merasa begini sebab dia tidak ramai kawan, lebih-lebih lagi kawan lelaki... Entahlah.

Aku sendiri tak pasti apa yang telah aku lakukan kepada Melati. Tapi penjelasan Hamiza telah membuatkan diri ku semakin keliru. Kemudian dengan tergesa-gesa aku memberitahu kepada Hamiza aku terpaksa pergi kerana aku ada hal. Dengan pantas aku berjalan keluar dari perpustakaan.

Sebaik sahaja aku keluar dari bangunan perpustakaan, aku terus menarik nafas ku dalam-dalam. Aku memandang ke arah langit. Aku ternampak awan berkepul-kepul gelap menandakan hari mahu hujan. Entah mengapa, tiba-tiba sahaja aku dapat merasakan perasaan rindu yang teramat sangat kepada Melati – satu perasaan yang tidak pernah ku undang sama sekali!

## Bab 7

Aku mula sedar kerja sambilan yang aku lakukan di toko sukan tempat aku bekerja itu bukanlah susah sangat. Aku kini menjadi jurujual kasut sukan sambilan.

Sejak awal lagi aku tidak mahu menjadi jurujual yang suka mengganggu ketenteraman pelanggan dengan mendekati mereka lalu mengekori mereka ke mana sahaja mereka pergi seolah-olah mereka mempunyai potensi untuk mencuri. Aku hanya akan berdiri di satu tempat dan akan senyum kepada pengunjung yang datang. Selalunya aku tahu siapa yang memerlukan bantuan ku dan siapa pula yang datang hanya untuk melihat-lihat tanpa tujuan membeli. Mereka yang datang dengan tujuan membeli-belah selalunya akan memandang ke kiri dan ke kanan untuk mencari jurujual yang bertugas. Apabila perkara ini berlaku, aku akan cepat-cepat berjalan ke arah mereka untuk membantu. Aku akan cuba beramah mesra dengan mereka terlebih dahulu dengan bertanya khabar dan sebagainya. Aku juga akan cuba menjawab soalan yang ditujukan mereka sebaik yang aku mampu. Aku seorang yang suka bermacam-macam jenis sukan, jadi aku tak ada masalah untuk membezakan kasut-kasut yang ada dijual. Dengan pantas aku tahu keistimewaan setiap kasut yang berharga beratus-ratus ringgit ini. Selalunya aku akan meletakkan diri aku sebagai pembeli. Aku akan menggalakkan pelanggan-pelanggan aku supaya mencuba kasut yang ingin mereka beli tanpa memaksa mereka untuk membeli. Aku tak suka memaksa. Ada kalanya aku akan ditanya kasut model mana atau jenama mana yang perlu di pilih oleh bakal si pelanggan. Jika perkara ini berlaku dan jika aku tak pasti dengan jawapan yang perlu aku berikan, aku akan melihat model kasut yang aku sendiri berkenan. Si pelanggan yang bertanya itu selalunya akan memilih kasut yang aku pilih. Tetapi sebelum aku memberikan sebarang pendapat, aku akan terlebih dahulu bertanya, berapa kerap mereka akan memakai kasut tersebut dan mereka mahu memakainya untuk apa. Ada kalanya aku akan menasihatkan pelanggan aku supaya membeli model kasut yang lebih murah jika aku rasa model kasut yang lebih murah itu lebih sesuai untuk mereka.

Lebih banyak kasut yang dapat aku jual, lebih banyak komisen yang aku dapat. Tapi aku tak pernah fikir tentang itu semua. Menurut Andrew jumlah kasut yang telah dijual oleh ku melebihi jualan jurujual-jurujual lain sebelum aku. Dia ada beritahu ku, yang aku boleh buat orang yang tak mahu beli kasut nak beli kasut sebab keramahan ku.

Tetapi aku tidak dapat menafikan bahawa kadangkala aku terpaksa berhadapan dengan pelanggan-pelanggan yang banyak songeh. Yang paling aku tak tahan adalah pelanggan-pelanggan Arab. Tadi ada seorang lelaki Arab yang memanggil aku supaya melayannya ketika aku sedang sibuk melayan seorang pelanggan tempatan berbangsa Cina. Dia cukup angkuh ketika memanggil aku seolah-olah aku ni khadamnya.

Aku memang tak nak melayaninya. Nak aja aku buat-buat pekak. Tapi kebetulan masa tu, Laksmi, seorang jurujual yang dah lama bekerja di situ datang membantu. Dia beritahu aku supaya pergi melayan pelanggan Arab itu, biar dia sahaja yang melayan pelanggan Cina di bawah jagaan ku itu. Nak tak nak aku mengangguk bersetuju.

Laksmi dah masak sangat dengan pelanggan-pelanggan Arab macam ni. Dia tak nak melayan Pak Arab tu sebab aku dapat tahu darinya sendiri dia pernah kena maki hamun dengan seorang Pak Arab yang mengamuk dengannya kerana dia lambat untuk mengeluarkan kasut yang mahu dicuba oleh Pak Arab itu dari bilik stor. Sejak dari hari tu, dia terus trauma. Dia pernah tanya aku kenapa ada orang Melayu yang nak jadi lebih Arab dari orang Arab sendiri sebab perangai mereka buruk sekali dalam pandangannya. Aku jawab dengan ikhlas aku tak tahu.

Si Pak Arab ini datang bersama isterinya yang memakai purdah serba hitam yang meliputi setiap inci di tubuhnya. Si Pak Arab ini pula memakai seluar pendek yang menampakkan bahagian pahanya yang berbulu lebat. Dia pakai baju tanpa lengan yang terlalu ketat untuk tubuhnya yang gemuk gedempol itu. Aku pandang dia, kemudian aku pandang isterinya. Mulutnya sok sek bertanya kepadaku soalan bertubi-tubi tentang kasut-kasut yang berkenan di hatinya. Isterinya pula diam sahaja. Aku rasa isterinya itu sedang memerhatikan setiap gerak-geri ku. Tapi aku tidak boleh pastikan sama ada perkara ini betul atau tidak kerana wajahnya dilitupi kain hitam.

Pak Arab ni memang menguji tahap kesabaran ku. Bermacam-macam jenis kasut yang ingin dicubanya. Sebelum dia mencuba, dia akan membelek-belek kasut yang ingin dicubanya lalu membuat ujian fleksibiliti terhadap kasut tersebut dengan tangannya. Aku rasa lebih setengah jam aku melayannya, tetapi akhirnya dia langsung tak beli sebarang kasut dari ku. Aku mengeluh seorang diri. Laksmi tersenyum ke arah ku kerana dia dah jangka perkara ini akan berlaku.

Aku memandang ke arah jam tangan ku. Aku dapati sudah sampai masanya untuk aku berehat. Aku nak sembahyang Maghrib kemudian aku nak makan malam. Azri budak yang jaga bahagian raket berjalan ke arah ku lalu mengajak aku keluar makan dengannya. Aku mengangguk bersetuju.

Kami ke tingkat paling bawah untuk ke surau yang terletak di situ. Setelah mengerjakan solat Maghrib, kami terus ke pusat penjaja makanan yang sering dikunjungi oleh pekerja-pekerja seperti aku yang letaknya tidak jauh dari surau. Untuk mengisi perut, Azri dan aku makan nasi ayam. Nasi ayam yang kami pesan tak lah sedap mana, tapi memadai untuk menghilangkan rasa lapar.

Azri berumur 23 tahun. Orangya kurus rendah. Rambutnya diwarnakan. Dia berasal dari Tampin, Negeri Sembilan. Aku beritahunya aku pernah belajar di Negeri Sembilan - di Sekolah Menengah Sains Tuanku Jaafar di Kuala Pilah, jadi dia cukup suka bila aku GUNO LOGHAT NEGORI untuk bercakap dengannya.

Azri berkelulusan setakat SPM. Bila aku mula-mula mengenalinya dia ada tanya aku jika muka dia macam Rosham Noor. Aku tak tahu bagaimana nak jawab soalnya itu. Aku tak tahu jika dia serius atau main-main dengan aku sebab muka dia langsung tak ada iras-iras Rosham Noor. Dia kata dia suka dengan penampilan Rosham Noor dalam filem bertajuk "Castello". Dalam filem itu rambutnya dibotakkan. Jadi dia tanya aku kalau dia patut membotakkan rambutnya. Aku kata ya, sebab dalam diam-diam aku benci



tengok rambutnya yang diwarnakan tu. Memang tak kena dengan dirinya sebab kulitnya gelap. Aku menambah lagi dengan mengatakan sekarang ramai orang yang membotakkan rambut mereka sejak Mawi jadi juara Akademi Fantasia 3. Ramai yang terikut-ikut dengan style Mawi. Semua nak jadi macam Mawi.

Hari ini Azri baru dapat tahu aku masih belajar lagi. Selama ini dia fikir aku dah berhenti sekolah. Dia kata aku sepatutnya berasa beruntung kerana selepas aku mendapatkan ijazah aku nanti, aku boleh cari kerja yang lebih baik. Aku tak payah jadi jurujual seumur hidup ku sepertinya. Betul juga katanya, sebab sejak aku mula bekerja, aku dapat rasakan betapa pentingnya untuk mendapatkan kelulusan universiti untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih selesa dengan gaji yang lebih baik.

Ketika kami sedang berborak, Azri menerima panggilan telefon diikuti pula dengan pesanan SMS. Dia beritahu aku awek-aweknya yang menghubunginya tadi. Dia kata dia ada simpan dua orang awek dalam satu masa. Kedua-duanya tak tahu tentang situasi sebenar yang mereka hadapi. Azni ni takdelah hensem mana, tapi hebat juga orangnya. Aku tabik spring kat dia!

Dia tanya aku kalau aku ada awek. Aku kata tak ada. Dia terdiam seketika sambil tersenyum. Dia kata ada seorang budak perempuan yang dikenalnya yang bekerja di Jusco mahu berkenalan dengan ku. Aku tanya siapa. Dia tak nak jawab.

Ramai budak-budak perempuan yang tanya aku fasal kau! Katanya dengan selamba. Dia ajak aku isap rokok. Aku ambil sebatang rokok kepunyaannya lalu kami sama-sama isap rokok. Masa tu ramai juga yang datang makan di hadapan gerai nasi ayam ini - tapi aku buat selamba dok isap rokok kat tempat yang dilarang merokok.

Tak apalah... Sebenarnya buat masa sekarang aku nak tumpukan perhatian aku kepada study. Kata ku memberi alasan.

TAHU TAK PER! Jawabnya pantas.

Kemudian dia tanya aku jika malam ni lepas kerja aku nak join kawan-kawan mat rempit dia melepak di Dataran Merdeka. Dia kata dia boleh carikan bohsia untuk aku. Muka macam aku, berderet bosia nak offer diri, katanya.

Aku temberang kat dengan memberitahunya aku masih duduk dengan keluarga ku di KL. Jadi aku tak boleh nak keluar malam sembarangan. Mak aku kononnya ustazah, bapak aku pulak imam masjid. Aku buat muka sedih bila aku cakap mak bapak aku suka mengongkong hidup ku. Aku kononnya tak puas hati dengan kehidupan ku yang serba tak adil ini.

Dia percaya kepada cerita ku tanpa banyak soal – terus dia berhenti dari bertanyakan kepada ku jika aku mahu berangkut dengan mana-mana bohsia yang dikenalnya pada malam ini.

Seorang awek jurujual Metro Jaya berjalan melintasi kami lalu menjeling manja ke arah ku. Aku sempat berkenyit mata ke arahnya. Azri pulak terus buat komen-komen tak senonoh fasal bentuk tubuh awek tu yang pada pandangannya seksi giler, walaupun bagi aku, aku rasa awek tu nampak chubby (jadi barulah sekarang aku tahu bahawa Azri yang kurus kering ini suka dengan awek-awek berisi). Perkataan “henjut”, “nyonyot”, “gentel” dan “jilat” keluar dari mulutnya macam air bila dia tak habis-habis cerita apa yang dia akan lakukan kepada awek tadi kalau awek tu jadi girlfriend dia. Bila aku dapati penceritaan dia menjadi semakin grafik, aku suruh dia berhenti sebab aku baru jer lepas makan.

Azri nampaknya masih belum selesai untuk berbual fasal awek. Dia memulakan ceritanya dengan mengatakan ramai awek yang minat dia sebab muka dia iras-iras Rosham Noor. Masa tu sumpah aku nak tergelak, tapi aku tahan jer. Aku buat-buat muka serius. Aku rasa dia mesti rasa diri dia hensem giler. Dia kata ramai awek-awek kat Tampin yang minat kat dia. Dia fikir-fikir setahun lagi dia nak cari bakal isteri dia kat Tampin. Dia nak cari calon isteri yang bertudung labuh. Nak aja aku tanya apa dia nak buat dengan awek-awek dia yang dua orang tu, tapi aku rasa aku dah tahu jawapannya.

Azri kata kalau bukan sebab along, dia dah lama kahwin. Dia kata dia terpaksa pinjam duit along sebab dia kalah dalam pertarungan lumba haram yang disertainya. Sekarang, duit yang dia dapat tiap-tiap bulan digunakannya untuk bayar hutang along. Aku tak nak tanya berapa yang dia hutang along dan sebagainya. Ini bukan masalah aku.

Tiba-tiba sekumpulan mat rempit datang ke arah meja kami. Mereka bertepuk tampar dengan Azri. Aku memandang ke arah jam tangan ku. Aku ada 10 minit lagi sebelum aku perlu kembali kerja. Aku meminta diri dari Azri. Dia menganggukkan kepalanya.

Entah mengapa, aku tergerak untuk berhenti di hadapan kedai haiwan peliharaan yang setingkat dengan toko peralatan sukan tempat aku bekerja. Aku memandang ke arah akuarium ikan laut yang dipamerkan buat seketika sebelum pandangan ku beralih kepada akuarium yang menempatkan iguana dan seterusnya hamster.

Aku mengeluh lesu memikirkan tentang hamster-hamster comel yang sedang menunggu diri mereka dibeli. Dulu ketika aku kecil dulu aku suka dengan hamster. Semasa aku berumur lapan tahun, aku pernah suruh bapak aku belikan aku hamster walaupun dia kata hamster ni kotor dan berbau hancing. Dia kata aku tak pandai jaga binatang macam hamster ni. Dia takut aku akan cepat bosan lalu akan biarkan hamster aku ni kelaparan. Tapi aku pandai pujuk bapak aku tu. Aku buat muka sedih. Agaknya sebab dia kasihankan aku, dia beli jugak hamster yang aku nak sangat tu. Dia belikan aku hamster warna kelabu. Aku namakan hamster tu Jean Grey sebab hamster tu hamster betina.

Aku memang sayang dengan Jean Grey. Aku letak Jean Grey dalam bilik ku. Kadang kala bapak aku akan masuk ke dalam bilik ku untuk melihat Jean Grey berlari-lari tanpa henti di atas threadmillnya. Dia suka letak kuaci di atas tangannya lalu

membiarkan Jean Grey masukkan kuaci-kuaci tu ke dalam mulutnya sampai penuh. Kemudian dia akan ketawa berdekah-dekah.

Aku ada seorang bapak yang sporting. Sejak aku belajar di tadika, dia galakkan aku bermain bola. Jika dia ada masa, selepas kerja dia akan bawa aku ke padang permainan lalu dia akan bermain bola dengan ku. Sejak dulu lagi aku tahu tidak ramai kawan-kawan ku yang ada bapak macam aku. Jadi pada masa tu aku rasa beruntung sangat. Aku anggap diri aku ini sebagai budak yang paling beruntung di dalam dunia kerana mempunyai bapak sepertinya. Dia jadi kawan baik ku. Masa tu aku sayang sangat dengannya.

Tetapi sekarang aku membencinya setengah mati. Aku membencinya ke atas segala apa yang telah dilakukannya terhadap diri aku, mak, Hani dan Nani. Apa yang telah dilakukannya tidak mungkin dapat dimaafkan.

Aku terus termenung melihat hamster di hadapan ku sehinggalah Azri menyergah ku dari belakang. Dia kata seorang kawannya baru sahaja menghantarnya video bogel seorang artis tempatan melalui pesanan MMS. Dia tanya aku jika aku mahu melihat rakaman video tersebut yang disimpan di dalam handphonenya. Aku memberitahu kepadanya bahawa aku tak mahu dengan menggelengkan kepala ku -sebab aku tak ada mood.

Sah lah kau ni anak ustazah! Katanya sambil menepuk-nepuk belakang ku. Buat beberapa saat aku hampir-hampir terlupa bahawa aku telah membohonginya tentang pekerjaan mak dan bapak ku.

Aku biarkan dia sahaja dia nak panggil aku apa. Ketika aku masuk ke kedai, aku terserempak lagi dengan Pak Arab yang aku layan tadi. Dia masih tak beli apa-apa. Isterinya berjalan di belakangnya. Dia menoleh ke arah ku. Aku tak tahu apa yang sedang difikirkannya pada masa itu, kerana aku langsung tidak dapat melihat raut wajahnya.

## Bab 8

Aku pernah ketagih main permainan komputer bertajuk The SIMS. Aku telah habiskan masa aku berjam-jam di hadapan komputer bermain dengan The SIMS. Dalam permainan ini, kita akan mencipta satu watak animasi dan watak ini akan berinteraksi dengan watak-watak yang lain di dalam permainan ini. Watak ini perlu diberi makan, minum, berhibur, mandi, tidur dan sebagainya. Jika keperluan asasnya tidak dijaga, dia akan jatuh sakit atau mati. Apa yang menarik tentang permainan ini adalah kita dapat membina sebuah dunia untuk watak kita ini. Kita juga dapat membuatkan watak kita ini berinteraksi dengan watak-watak yang muncul di dalam permainan ini lalu membuatnya berkawan atau jatuh cinta dengan watak-watak tersebut. Untuk membuat watak SIMS kita ini jatuh cinta dengan watak pilihan kita, kita harus membuatkan mereka berpasangan lalu berkomunikasi di antara satu sama lain. Kadang kala perkara ini akan mengambil masa yang lama sebelum pasangan ini jatuh cinta.

Satu perkara yang dapat aku pelajari melalui permainan The SIMS ini adalah pentingnya komunikasi. Komunikasi antara pasangan akan menentukan sama ada pasangan itu akan kekal atau sebaliknya.

Hari ini aku terima surprise dari Melati. Dia datang ke tempat kerja ku untuk menjenguk ku. Dia ada membawa Hamiza bersamanya. Hamiza aku berjalan seorang diri melihat baju-baju sukan yang ada di jual di tempat ku bekerja. Melati pula berjalan dekat kepada ku sebelum dia menoleh memandang ke arah kasut-kasut yang ada dipamerkan.

Aku tersenyum melihat gelagat Melati berlakon sebagai seorang yang ingin membeli kasut. Aku mendekatinya kemudian aku tanya kepadanya kasut apa yang mahu dibelinya. Dia menuding ke arah sepasang kasut jogging untuk wanita. Aku memintanya duduk lalu aku masuk ke dalam stor untuk mencari kasut yang dipilihnya itu mengikut saiz kakinya. Apabila aku berjaya mendapatkan saiz yang sesuai, aku suruh dia memakainya. Dia menggayakan kasut itu dengan berjalan seperti seorang model di hadapan ku. Dia memang nampak seksi giler pada waktu itu.

Azri memerhatikan gelagat Melati dari jauh, lalu dia terus mendekati ku dan seperti biasa membisikkan segala fantasi lucahnya ke dalam telinga ku. Aku buat-buat tak dengar.

Apabila aku melihat wajah Azri dah stim semacam dengan matanya yang kuyu itu, aku mendekati Melati lalu memberitahu Melati dengan menggunakan bahasa isyarat bahawa lima minit lagi syif kerja aku selesai. Aku suruh dia tunggu aku di luar.

Siapa awek tu? Kau kenal dia ke? Tanya Azri ingin tahu.

Kawan aku. Jawab ku ringkas.

Kawan je ke?

Ya, kawan.

Kalau kawan jer, boleh aku kenal dengan dia tak?

Dia bisu.

Alah, bisu-bisu pun, body dia—

Dia kawan aku lah wei! Kataku. Aku menjeling marah. Dia harap dia faham aku marah.

Aku tahu dia bukan kawan kau... Cara kau tengok dia tadi saja aku dah boleh agak.

Ikut suka hati kau lah nak cakap apa!

Kau pernah beritahu dia kau sayang dia?

Aku hairan bagaimana soalan ini terkeluar dari mulutnya. Aku tak tahu mengapa dia tiba-tiba sahaja bertanyakan soalan ini kepada ku.

Sebenarnya aku tidak pernah meluahkan rasa sayang ku kepada mana-mana awek, termasuk Hasnah walaupun aku rasa aku sayang kepadanya. Memang tidak dapat aku nafikan aku pandai bermain dengan kata-kata tetapi tidak sekali-kali aku akan mengucapkan kata sayang kepada awek-awek ku. Hasnah banyak kali bertanya kepada ku jika aku sayang kepadanya - aku hanya akan mengangguk tanpa meluahkan sebarang kata-kata. Bila dia tanya aku kenapa aku tak meluahkan kata sayang dalam bentuk kata-kata, aku cakap **TAK MACHO LAH MACAM TU!**

Aku tak percayakan kepada Cinta. Ada yang berpendapat bahawa cinta sejati akan berkekalan sampai bila-bila tetapi tak ada yang kekal di dalam dunia ini. Ketika aku kecil dulu, bapak aku selalu tanya aku jika aku sayang kepadanya. Apabila aku kata **AMAT SAYANG PAPA!** Dia terus akan mencium pipi ku. Dia berhenti bertanya soalan ini sebaik sahaja aku masuk ke sekolah rendah. Dia juga tidak lagi cium pipi ku sambil memberitahu bahawa **PAPA JUGA SAYANGKAN AMAT**, setiap kali aku memberitahunya bahawa aku menyayanginya. Tapi apa yang pasti, pada masa itu, aku fikir dia tetap sayangkan aku walaupun kata-kata ini tidak diluahnannya lagi.

Seperti yang aku katakan tadi, tak ada yang kekal di dalam dunia ini termasuklah rasa cinta dan kasih sayang. Aku berhenti mempercayai ketulusan kasih apabila aku mula mengetahui siapa bapak aku itu sebenarnya. Jika dia benar-benar sayangkan aku dan keluarga aku, dia tak mungkin akan melakukan apa yang telah dilakukannya. Kerananya, aku mula berpendapat bahawa ucapan-ucapan sayang yang pernah diluahkan kepada ku selama ini hanya kata-kata kosong semata-mata yang langsung tidak memberikan sebarang makna kepada dirinya. Dan kepada diri ku.

Kerananya, aku takut untuk meluahkan rasa kasih dan sayang kepada sesiapaupun. Aku tak mahu mungkir janji. Kerana bagi ku, bapak aku telah memungkir janjinya. Dia tidak jujur menyayangi ku. Mungkin dia tidak pernah jujur menyayangi sesiapaupun termasuk dirinya sendiri.

Aku tak percaya dengan kata-kata lafaz cinta yang tak membawa sebarang makna ni! Kata ku perlahan kepada Azri.

TAHU TAKPER! Kata Azri sambil tersenyum kambing, lalu dia menambah lagi: Aku tahu kau tu playboy, Emmet! Bukannya aku tak tahu!

It takes one to know one. Ujar ku di dalam hati. Azri berjalan meninggalkan ku sendirian. Aku memandang ke arah luar. Aku dapati Melati sedang duduk di atas sebuah bangku bersama Hamiza. Dia kemudian mendongak lalu mendapati aku sedang memandang dirinya dari jauh. Dia melambaikan tangannya ke arah ku. Aku tersenyum lalu membalas lambaiannya.

Sebaik sahaja syif ku pada hari itu selesai, aku terus berjalan mendapatkan Melati dan Hamiza. Mereka bertanya kepada ku jika aku sudah makan malam. Aku memandang ke arah jam tangan. Baru pukul 6. Aku kata aku tak lapar lagi. Mereka pulak baru sahaja makan sebelum mereka bertolak ke sini. Aku bertanya ke Hamiza apa yang ingin mereka lakukan seterusnya. Hamiza kata mereka sebenarnya ingin ke Petaling Street.

Buat apa? Tanya ku kepada Hamiza.

Mel mahu pulang ke kampungnya pada hujung minggu ini, jadi dia ingin beli beg tangan untuk ibunya. Hamiza berkata sambil membuat isyarat tangan supaya Melati akan mengerti jawapan yang diberikan kepada ku.

Awak nak balik kampung? Tanya ku kepada Melati dengan mengharapkan dia faham apa yang aku tanyakan kepadanya.

Melati masih mengalami kesukaran untuk memahami ku. Dia masih mengalami kesukaran untuk membaca pergerakan bibir ku. Dia telah dilahirkan pekak. Dia tidak pernah mendengar sebarang bunyi seumur hidupnya. Sebab itulah dia sukar untuk membaca pergerakan bibir ku lalu memberikan sebarang makna kepada kata-kata ku kepadanya. Aku cuba bayangkan situasinya – dia tidak pernah mendengar muzik, suara, bunyi binatang dan kenderaan. Dia tidak dapat memahami terdapat pelbagai jenis bunyi yang wujud di sekelilingnya dan bagaimana pentingnya bunyi dalam kehidupan manusia. Tanpa suara tak akan ada bahasa. Tanpa muzik tak akan ada budaya. Tanpa bunyi dunia ini sunyi sepi.

Melati mengangguk cepat setelah soalan ku tadi diterjemahkan Hamiza. Aku memandang ke arah Hamiza. Tanpa berkata-kata, aku faham bahawa dia bersetuju untuk menterjemahkan segala apa yang ingin ku katakan kepada Melati.

Awak dah lama tak balik kampung ke? Tanyaku.

[Lama juga... Dah dua bulan saya tak bertemu dengan ibu saya.]

Sama lah kita... Awak rindu tak dengan mak awak?

[Rindu!]

Okay... Macam tu jom kita ke Petaling Street!

Melati tersenyum sambil mengangguk.

Kami tak mengganggu ke? Tanya Hamiza.

Tidak. Jawabku pendek lalu mendekatkan diri ku kepada Melati. Suasana di dalam Mid Valley agak sibuk pada hari itu. Terlalu ramai manusia yang datang untuk membeli belah. Awal bulan, apa tidaknya. Aku sendiri baru sahaja dapat gaji ku yang pertama. Tak lah banyak mana tapi memadai.

Kami telah ke Petaling Street dengan menaiki bas. Ramai yang bersesak-sesak-sesak di dalam bas sehingga lemas aku jadinya. Nasib baiklah perjalanan tak begitu jauh. Setibanya kami di Stesen Bas Klang, kami bertiga terus berjalan ke arah Petaling Street. Hari semakin gelap. Suasana di Petaling Street seperti biasa agak meriah. Ramai para pelancong dan orang tempatan yang datang berkunjung. Aku mahu berhenti melihat koleksi DVD cetak rompak yang terbaru, tapi aku dapati beberapa orang penjual DVD sedang sibuk mengemaskan koleksi DVD yang ingin mereka jual. Aku dengar seorang pengunjung yang mengatakan serbuan akan diadakan sebentar lagi.

Aku dapati rupa Petaling Street tidak lagi seperti Petaling Street yang pernah aku kenali dahulu. Aku rasa aku suka versi Petaling Street yang lama walaupun masa tu pasar malam ini kelihatan kacau bilau, sempit, kotor dan panas. Bagi ku, faktor-faktor inilah yang menyebabkan Petaling Street ini istimewa. Sekarang Petaling Street ini rupanya seperti ia telah diklonkan kepada sesuatu yang nampak terlalu teratur, kaku dan plastik – seperti kebanyakan tempat-tempat di KL. Aku dengar kawasan Chow Kit pun akan dicantikkan tak lama lagi. Aku harap perkara ini tak akan berlaku. Aku tak mahu KL jadi macam Singapura apabila segala-galanya kelihatan palsu.

Apabila aku dapati terlalu ramai manusia yang bersesak-sesak-sesak di sini, aku terus memegang tangan Melati. Dia membiarkan aku memegang tangannya. Aku lihat Hamiza tersenyum kelat. Mungkin dia tak suka agaknya, tapi apa aku peduli.

Melati dan Hamiza rambang mata melihat barang-barang yang ada di jual di sini. Mereka akan berhenti di hampir setiap gerai yang ada di sini tanpa membeli apa-apa. Aku tak tahu apa sebenarnya yang mereka cari, tapi aku rasa perempuan memang begini ketika keluar membeli belah. Segala-galanya ingin mereka lihat dan belek.

Melati kemudian menguis bahu ku. Ada sesuatu yang menarik perhatiannya. Dia tertarik dengan sebuah tas wanita Louis Vuitton tiruan berwarna putih yang dicorakkan dengan lambang LV berwarna warni. Tas wanita tersebut tergantung bersama beberapa buah tas wanita dan beg wanita yang lain. Dia meminta aku mencapainya mungkin kerana tubuh ku tinggi. Aku mengambil tas wanita tersebut menyerahkan kepadanya. Si nyonya penjual beg tu nampaknya tersenyum melihat gelagat kami.

Awak suka tak? Tanya ku kepada Melati dengan menggunakan isyarat tangan ditambah dengan mimik muka ku.

Melati mengangguk cepat. Dia berkenan dengan apa yang dilihatnya. Dia menyerahkan beg tersebut kepada Hamiza agar Hamiza dapat melihatnya. Hamiza membuat beberapa isyarat tangan dengan mengatakan dia juga suka dengan rekaan tas wanita ini.

Berapa ni harganya? Tanyaku kepada nyonya di hadapan ku.

Tak mahal, 80 Ringgit sahaja. Jawabnya dengan bersahaja. Nyonya ini aku rasa sudah mencecah umur 50-an, tapi masih nampak bergaya.

Eh, kenapa mahal sangat?

Apa pulak mahal... Murah harganya ni!

Beg ni kan tiruan, nak letak harga mahal-mahal buat apa?

Okay lah, gua kasi kurang sikit... 70 ringgit.

Mahal lah! Kata ku macam nak bertekak dengannya. Aku menoleh ke arah Melati. Dia sedang bertanyakan kepada Hamiza apa yang sedang berlaku di antara aku dengan nyonya di hadapan ku ini.

Dah murah lah ni!

Nyonya tekan saya dengan harga mat saleh, mana aci!

Kalau mat saleh gua bagi dia harga 150 ringgit. Dia beli tau!

Tapi saya bukan mat saleh, saya belajar lagi. Mana ada duit.

Okay, bagi tahu gua berapa harga lu nak.

40 Ringgit.

Haiyah! Macam ni gua tak untung tau!



Alah, kos nak buat beg ni pun bukannya tinggi mana pun.

Nyonya ini termenung memandang ku seolah-olah mahu menunggu ku untuk mengalah. Kemudian dia memandang ke arah Melati. Dia dapat baca dari wajah Melati bahawa Melati sudah bertekat untuk mendapatkan tas wanita yang dijualnya.

Lu punya girlfriend dah suka, lu beli saja lah! Muka hensem macam lu pun nak lokek kah?

Dia nak belikan untuk mak dia kat kampung. Kataku perlahan.

Ye ke?

Wah, pandai dia pilih pattern untuk mak dia.

40 Ringgit lah nyonya!

Tak boleh lah.

Nya... Kesian kan dia. Dia dah lama tak jumpa mak dia. Dia nak hadiahkan mak dia dengan beg ni. Kata ku dengan suara perlahan. Aku buat muka kesian. Dia pandang muka aku.

Haiyah! Dia mengeluh sambil menggeleng. Kemudian dia menggunakan tangan untuk memberitahu ku dia akan menjual beg pilihan Melati dengan harga 50 Ringgit.

Melati dan Hamiza sibuk berbincang tentang harga. Aku rasa mereka sudah bersetuju dengan harga yang ditawarkan.

Lu punya girlfriend ni bisu kah?

Ya.

Oh. Wajahnya berubah. Dia sedang memikirkan sesuatu. Aku tak tahu apa. Apa yang pasti dia nampak simpati. Dia berjalan ke arah Melati. Dia beritahu Melati bahawa dia mempunyai wajah yang cantik. Katanya, sebelum ini dia ingatkan Melati adalah seorang pelakon remaja filem Melayu, setidak-tidaknya seorang model iklan. Melati hanya tersenyum walaupun dia tak tahu sepatah haram yang dikatakan kepadanya.

Nyonya itu kemudian mengambil tas wanita yang sedang di belek Melati. Dia mengambil sekeping beg plastik lalu memasukkan tas wanita itu ke dalam beg plastik tersebut.

Cincailah. 40 Ringgit. Katanya kepada ku dengan wajah berkerut. Dia menyerahkan plastik yang terkandung tas wanita yang mahu dihadihkan Melati kepada ibunya itu kepada ku.

Tanpa berfikir panjang aku terus mengeluarkan dompet wang ku. Aku menyerahkan wang RM50 kepada Nyonya yang asyik bertekak dengan ku tadi. Dia cepat-cepat mengeluarkan wang RM10 yang dikeluarkannya dari beg kecil di pinggangnya.

Mel mahu mengeluarkan wang dari dalam dompetnya. Aku menahannya.

Beritahu kepadanya saya ikhlas mahu belikan beg ini untuk ibunya. Kata ku kepada Hamiza.

Melati nampak serba salah. Hamiza cuba memberitahunya sesuatu. Akhirnya Melati membalas lalu memandang ke arah ku.

Dia nak belanja awak makan malam. Kata Hamiza.

Eh, tak payahlah!

[Apa pulak! Bagi saya peluang untuk belanja awak, ya?]

Aku mengangguk.

[Awak nak makan kat mana?]

Mana-mana pun boleh... Apa kata kita makan kat McD Central Market? Tapi sebelum tu saya nak solat Maghrib dahulu. Boleh kan?

Melati menganggukkan kepalanya. Aku menyerahkan plastik yang terkandung tas wanita untuk ibu Melati ke tangan Hamiza.

Ingat orang ni amah Indon dia ke? Tempelak Hamiza sambil menjeling. Aku ketawa kecil. Aku terus memegang tangan Melati. Kami terus bergerak ke arah Central Market tanpa berhenti di mana-mana gerai lagi di situ.

Kehidupan ini memang macam permainan The SIMS. Sesuatu yang dilakukan pasti ada tindak balasnya sama ada positif atau negatif. Dan aku pula telah melakukan sesuatu untuk menarik perhatian Melati agar dia merasakan dirinya semakin dekat kepada ku. Satu tindak balas positif.

Apa yang aku lakukan tadi tidak pernah aku lakukan kepada awek-awek lain. Buat pertama kali sejak aku mengenali Melati, aku benar-benar mahu dia menyayangi ku. Tapi aku keliru. Dalam masa yang sama aku rindukan Hasnah. Lebih sebulan kami tak bersemuka. Kalau perkara ini berlaku dalam permainan The SIMS, pasti pasangan itu akan berpisah dan membuat hal masing-masing.

Tetapi kehidupan ini bukan satu permainan...

## Bab 9

Pada malam itu aku telah menunaikan solat Maghrib ku di surau yang terletak pada bahagian bumbung Central Market. Ramai yang tidak tahu tentang kewujudan surau ini walaupun telah banyak kali mereka datang ke Central Market. Apa yang menariknya tentang surau ini adalah pemandangan Kuala Lumpur yang dapat dilihat dari sini. Cantik, terutamanya pada malam hari.

Ketika aku keluar untuk memakai kasut aku dapati Hamiza dan Melati sedang menunggu di luar sambil berbual-bual. Mereka nampaknya baru sahaja menyelesaikan solat mereka seperti ku. Melati tersenyum sebaik sahaja dia nampak kelibat ku berjalan ke arahnya. Aku lihat dia masih lagi memakai kasutnya.

Eh, saya nak tanya awaklah, Hamiza bersuara, sebaik sahaja kami sudah sedia beredar dari kawasan surau, macam mana awak boleh buat rambut style awak tu?

Aku menggaru kepala ku. Aku tak faham dengan soalan yang ditujukannya itu.

Alah, macam rambut baru bangun tidur.

Oh, itu.

Nampak cool.

Sebelum masuk tidur saya akan letak wax kat rambut. So, bila bangun tidur rambut dah set macam ni.

Hamiza mengetapkan bibirnya. Dia ingat aku bohong. Memang aku bohong bahagian aku letakkan wax kat rambut aku sebelum masuk tidur. Sebenarnya rambut aku jadi macam ni sebab aku suka pegang kepala aku. Bila tengah hari jer, rambut aku dah nampak berserabut. Tapi memang betul kata Hamiza, memang nampak cool.

Kami berjalan di dalam Central Market. Sempat juga kami melihat benda-benda yang terjual di sana. Tak ada yang menarik. Benda-benda yang dijual macam dulu jugak - barang-barang kraf tangan yang kebanyakannya dibuat di Thailand, Indonesia atau India (yang pelancong luar negeri akan beli dan fikirkan mereka beli hasil kraf tangan Malaysia), barang-barang antik dan buku-buku second hand.

Bila perut aku dah mula berkeroncong, aku terus ajak Hamiza dan Melati makan malam. Seperti yang telah dipersetujui sebelum ini, pada malam itu kami makan di McDonald's. Kalau ada Burger King di situ, aku lebih suka makan Burger King. Tapi tak kisah lah. Mana-mana pun boleh. KFC pun boleh jugak sebenarnya, tapi malam ni aku takde mood langsung untuk makan ayam goreng.

Melati tanya, awak nak makan apa. Hamiza mengingatkan apabila aku terlupa untuk memandang ke arah Melati apabila dia sedang bercakap dengan ku tadi. Aku asyik memandang ke arah menu, aku tak tahu apa nak makan malam ni.

Hidangan nombor tiga. Jawab ku secara automatik walaupun dengan pantas aku terlupa apa sebenarnya yang aku pesan tadi.

Seorang gadis Cina berjalan ke hadapan kaunter. Dia bekerja di sini. Dia cuba menarik perhatian Melati.

Melati berasa gembira apabila dia dapat bertemu dengan kawannya itu. Kawannya itu juga pekak, dan dia ada menggunakan alat bantuan pendengaran di telinganya, jadi aku rasa dia masih boleh mendengar walaupun tidak sebaik orang lain yang mampu mendengar.

Melati memperkenalkan aku dan Hamiza kepada kawannya yang bernama Siew Ling itu. Kini aku terdiam apabila aku mendapati Hamiza, Melati dan Siew Ling galak berbual tanpa sepele perkataan pun keluar dari mulut mereka.

Makanan yang kami bertiga pesan diletakkan di atas kaunter. Melati mengeluarkan dompetnya untuk membayar diikuti oleh Hamiza. Aku membawa dulang plastik penuh dengan makanan yang kami pesan ke tingkat atas.

Seperti biasa, Melati suka tengok cara aku makan, aku tak tahu kenapa. Mak selalu kata aku ni pelahap, kalau aku ada girlfriend nanti, mesti diorang tak suka. Nampaknya mak salah.

[Awak kuat makan!]

Lapar lah. Kata ku membuat isyarat lapar, antara isyarat tangan paling awal yang aku pelajari.

[Awak boleh ambil french fries saya kalau awak nak... Saya tak boleh habiskan.]

Aku tersenyum. Aku menerima pelawaannya.

Melati menyentuh lengan Hamiza untuk menarik perhatiannya. Dia ingin memberitahu sesuatu kepada Hamiza. Hamiza mengangguk lalu tersenyum.

[Saya ingin berbual dengan Siew Ling di bawah sebentar.]

Aku mengangguk pantas. Melati berjalan ke tingkat bawah untuk menemui rakan yang sudah lama tidak ditemuinya.

Aku terus makan french fries Melati sehingga habis. Aku melihat Hamiza menggeleng-gelengkan kepalanya. Dia mungkin hairan ke mana perginya segala-gala makanan yang aku makan. Mungkin dia ingat aku ada pelihara jin.

Mel tak pernah ceritakan kepada saya tentang ibunya. Kata ku kepada Hamiza.

Baguslah macam tu, jawabnya dengan penuh sinis, dia kata awak pun tak pernah ceritakan kepadanya tentang keluarga awak.

Okay... Kata ku. Bukan segala-galanya mengenai diri ku mahu dikongsi dengan orang lain.

Oh, satu lagi... Saya dapat tahu awak ni banyak tukar-tukar girlfriend sebelum ini—

Girlfriend apa pulak ni?

Emmet, UM ni kecil. Macam-macam fasal awak yang saya tahu, tau!

Dah tu kenapa?

My real concern is Mel. Faham tak?

Aku tak tahu apa yang perlu aku jawab. Aku serba salah. Aku menggaru-garu kepala ku.

Saya betul-betul tak faham lah! Kata ku dengan suara sedikit terganggu.

Saya tak tahu apa yang telah awak lakukan kepada budak-budak perempuan yang lain tapi saya tak nak awak lakukan perkara yang sama kepada Mel nanti.

Saya nak cakap satu benda kepada awak, tapi kalau saya tersilap cakap nanti, saya nak mintak maaf awal-awal. Kata ku dengan serius. Aku berhenti sebentar untuk menarik nafas ku dalam-dalam. Memang apa yang awak dengar fasal saya tu betul. Tapi lain kali kalau awak nak tahu apa-apa tentang saya, tanya dengan saya dulu. Satu lagi, saya anggap Mel ini istimewa. Mel tak macam yang lain.

Hamiza terus memandang ke arah ku. Aku rasa dia macam tak percaya dengan apa yang aku katakan. Mungkin dia fikir aku tidak ikhlas.

Banyak yang awak tak tahu tentang Mel...

Aku mengangguk lemah dengan akur.

Kalau boleh, saya mahu tahu segala-galanya tentang dirinya.

Kehidupannya dengan kehidupan kita, lain Emmet.

Apa maksud awak?

Tak ada apa-apa. Hamiza cepat-cepat menjawab dengan nada serba salah. Memang sah lah ada sesuatu yang mahu disembunyikan dari ku tentang Melati. Aku tak tahu apa yang ingin disembunyikannya, tapi aku pasti jika aku bersabar, lambat laun semua tentang Melati yang ingin dirahsiakan dari ku akan aku ketahui juga.

Bagaimana keadaan Mel ketika ibu awak mengambilnya tinggal bersama awak ketika dia berusia 7 tahun dahulu?

Dia seperti kanak-kanak lain.

Tapi dia berbeza dengan kanak-kanak lain! Getus ku dengan tegas. Aku mengharapkan jawapan yang pasti darinya.

Dia langsung tidak dapat berkomunikasi dengan orang lain kecuali dengan ibunya. Sambut Hamiza akhirnya. Hubungan dia dengan ibunya agak istimewa. Kadangkala ibunya tidak perlu bersuara, tapi Mel tahu apa yang dimahukan ibunya. Mereka hidup di dalam dunia mereka sendiri. Tapi masalahnya, sebelum ini dia tidak pernah diajar isyarat tangan supaya dia dapat berbual dengan orang lain. Jadi, bila Mel dijaga kami, dia perlu belajar segala-galanya dari mula. Memang dari awal lagi mak saya dah boleh dapat agak susah untuk menjaga Mel, tapi dia anggap ini semua sebagai satu cabaran. Mel banyak memberontak. Dia rindukan kepada ibunya yang berada di kampung. Lama-kelamaan, dia akhirnya belajar untuk menggunakan bahasa isyarat. Dia cerdik. Cepat dia dapat tangkap apa yang diajarkan kepadanya.

Ibunya... Adakah orangnya secantik Mel?

Ya. Mel mewarisi kecantikan ibunya.

Mel memang cantik orangnya. Kata ku tanpa segan silu.

Saya tak mahu awak kecewakan dia, Emmet. Kata Hamiza dengan tiba-tiba.

Aku tak tahu bagaimana untuk menjawab kata-kata Hamiza ini. Sedar tak sedar, tiba-tiba perbualan kami menjadi serius.

Tiba-tiba Melati naik semula ke tingkat dua membawa bersamanya Siew Ling. Wajahnya nampak ceria. Dia terus duduk di sebelah ku. Perbualan di antara aku dengan Hamiza berhenti di situ juga. Aku terus memandang ke arah Hamiza. Wajahnya kelat.

## Bab 10

Pada pagi itu, ketika di dalam kuliah, tiba-tiba sahaja aku terima pesanan SMS dari Azri. Dia memberitahu ku dia terpaksa pulang ke kampung. Ibunya sakit. Dia minta aku gantikan tempatnya bekerja mulai petang ini. Katanya, aku hanya perlu bekerja pada shif petang hari Isnin, Selasa dan Rabu. Hari-hari yang lain akan digantikan oleh Kumar seorang kawan kami yang bekerja di tempat yang sama.

Aku termenung seorang diri di dalam kuliah. Aku menoleh ke arah Tamrin. Dia senang sibuk menyalin segala apa yang sedang ditulis oleh pensyarah ke dalam buku notanya. Agaknya apabila dia perasan aku sedang memandang ke arahnya, dia terus menoleh. Dia menyuruh aku tumpukan perhatian aku kepada apa yang diajar. Wajahnya nampak serius. Aku menggigit hujung pen ku. Aku membalas pesanan SMS yang aku terima dari Azri dengan memberitahunya bahawa aku boleh membantunya. Aku sempat memberitahunya bahawa aku doakan agar ibunya cepat sembuh.

Nampaknya aku kena batalkan banyak rancangan aku pada minggu ini. Aku tak boleh pergi main futsal dengan Tamrin. Aku cadang-cadang nak bawak Melati tengok aku main futsal. Tu pun kena kensel. Tapi tak apalah. Aku harap diorang faham.

Tamrin akhirnya dapat tahu aku kena kerja pada hari ini dan tak boleh ikut dia main futsal. Mula-mula dia marah jugak. Tapi aku bersungguh-sungguh beritahu dia aku nak tolong kawan. Dia akhirnya faham. Dia kata mula-mula aku nak kerja sambilan, tapi sekarang aku macam kerja full-time pulak.

Sejurus selepas kuliah pada petang hari ini selesai, aku terus ke Mid Valley. Aku terus masuk kerja. Aku ambil tempat Azri. Hari ini hari bekerja, jadi tak ramai pengunjung yang datang, tak macam hari-hari hujung minggu. Jadi aku lebih banyak habiskan masa aku untuk kemaskan barang-barang yang mahu dijual agar nampak lebih kemas.

Sedang aku melipat beberapa helai baju yang telah diusik oleh seorang pengunjung, tiba-tiba nama ku dipanggil dari belakang. Aku menoleh. Wajah ku tiba-tiba berubah pucat.

Nazim... Apa Nazim buat di sini? Tanya ku kenapa adik Hasnah yang masih berusia tujuh tahun itu.

Ikut mak shopping. Dia nak belikan Zim kasut Heelys baru.

Zim kan dah ada kasut tu?

Dah tak boleh pakai lagi lah bang!

Memang budak Nazim ni ganas sikit. Dia akan pakai kasut Heelys yang beroda pada bahagian tapaknya ini ke mana sahaja dia pergi. Walaupun masih kecil dia otai

jugak main Heelys ni. Dia suka meluncur laju-laju dengan Heelysnya ini. Pernah sekali dia terjatuh tersungkur bila kakaknya Hasnah bawak dia keluar dengan aku berjalan-jalan di taman KLCC. Lututnya dan sikunya luka berdarah. Terus masa tu, aku suruh Hasnah masuk KLCC dan beli pembalut luka di Guardian Pharmacy. Nazim menangis tak henti-henti. Aku tak tahu bagaimana untuk memujuknya. Jadi bila aku fed-up, aku beritahunya, tak macho kalau budak lelaki macamnya menangis. Terus dia berhenti menangis.

Kenapa sekarang Kak Hasnah tak nak bawak Zim jalan-jalan dengan abang macam dulu? Tanya Nazim mencebik. Soalannya ini sukar untuk aku menjawabnya.

Sekarang abang sibuk. Abang kan dah kerja di sini. Kataku. Itulah alasan yang ku beri.

Aku dapat melihat ibu Hasnah, puan Fazilah berjalan ke arah kami. Dia terkejut melihat ku di sini.

Emmet kerja di sini? Dia bertanya sebaik sahaja kami bersemuka. Aku hampir-hampir terlupa bahawa Hasnah mempunyai seorang ibu yang anggun. Wajahnya kelihatan muda walaupun usianya sudah mencecah 40-an. Kalau Hasnah berjalan dengan ibunya itu, pasti orang akan ingat mereka ni adik-beradik.

Ya, aunty.

Kerja sambilan?

Ya.

Study Emmet pula macam mana?

Okay jer, tak ada masalah aunty.

Dah lama Emmet tak datang ke rumah kami... Sebenarnya aunty baru sahaja tanya kepada Hasnah minggu lepas fasal Emmet. Aunty nak jemput Emmet makan malam dengan kami. Tapi Hasnah kata Emmet sibuk.

Betul tu aunty. Saya memang sibuk. Weekend saya kena kerja di sini. Kata ku berbohong tanpa sedikit pun rasa bersalah.

Oh, sebab itulah Emmet jarang keluar dengan Hasnah sekarang?

Ya, aunty.

Bila aku fikir-fikir balik, baru aku sedar betapa rapatnya hubungan aku dengan keluarga Hasnah. Aku rasa selama aku mengenali Hasnah, sudah empat kali aku dijemput untuk makan malam dengan mereka sekeluarga. Aku rasa mereka suka Hasnah berkawan dengan ku.



Hasnah tidak pernah ceritakan kepada aunty Emmet bekerja di sini.

Alah, benda kecil jer ni aunty.

Kata-katanya membuat dia termenung sebentar. Nazim memegang tangan ku. Dia mahu aku pilihkan kasut Heelys yang dibelinya. Aku dengan pantas memberi isyarat kepada Laksmi supaya dia menggantikan tempat aku dan aku pula melayan Nazim di tempatnya.

Nazim menudingkan jarinya ke arah kasut Heelys yang paling mahal. Aku mengambil kasut itu lalu meminta Nazim membeleknya. Aku tanya jika dia suka dengan model ini. Dia mengangguk. Aku memintanya duduk. Aku menghilang masuk ke dalam bilik stor untuk mencari saiz kasut Heelys yang dia berkenan itu. Di dalam stor aku mengeluh seorang diri. Kepala ku tiba-tiba berdenyut-denyut. Aku mengeluarkan handphone aku. Mahu sahaja aku menelefon Hasnah lalu memberitahunya bahawa ibunya ada bersama ku sekarang. Mahu sahaja aku memintanya untuk memberitahu kepada ibunya bahawa aku dengan dia dah tak ada apa-apa lagi. Tapi aku tak buat apa-apa. Macam zombie aku ambil kasut yang dipilih Nazim ni dalam stor lalu aku bawa dua buah kotak kasut keluar. Satu kotak mengikut saiznya yang aku ketahui dahulu dan satu lagi saiz yang besar sedikit dari sekarang.

Puan Fazilah duduk di sebelah Nazim ketika aku menyuruhnya memakai kasut yang dipilihnya. Aku dapati Nazim lebih selesa memakai kasut dengan saiz yang lebih besar dengan saiz kasutnya sekarang. Dia suka benar dengan kasut pilihannya itu. Dia terus memberitahu kepada ibunya itulah kasut yang ingin dibelinya. Ibunya tak banyak bersoal jawab tentang harga. Yang penting baginya, Nazim anak bongsunya itu suka dengan kasut barunya itu.

Sekarang aunty tengok Hasnah selalu sahaja duduk diam di dalam biliknya... Emmet tahu tak kenapa? Tanya Puan Fazilah tiba-tiba ketika aku memasukkan kasut lama Nazim ke dalam kotak kasut barunya. Dia mahu terus memakai kasut barunya itu.

Saya tak tahu, aunty. Aku menjawab. Aku tak berani memandang terus ke arahnya.

Emmet dah makan ke belum?

Belum. Aku menjawab secara automatik. Terus aku memaki hamun diri ku di dalam hati.

Apa kata kita keluar minum petang. Lagipun si Nazim ni sejak tadi kata dia lapar.

Aku memandang ke arah jam tangan. Aku sepatutnya boleh keluar berehat pada waktu itu. Jadi aku mengangguk di dalam keadaan serba salah. Aku langsung tidak boleh berkata tidak kepada Puan Fazilah. Dia macam ada kuasa ajaib untuk mengawal minda

ku. Apa tidaknya, dia seorang majistret. Tapi pernah juga terlintas dalam kepala ku untuk berkata: “Kalau aku boleh kelentong seorang majistret macam mak si Hasnah ni, dengan sesiapa pun aku boleh kelentong”. Aku kelentong dengannya tentang latar belakang keluarga aku. Kalau dia tahu siapa bapak aku sebenarnya, aku rasa dah lama dia tak akan beri Hasnah berkawan dengan ku.

Jadi selepas Puan Fazilah membayar harga kasut Nazim, aku terus keluar untuk makan petang dengannya. Nazim pegang tangan aku sambil kami berjalan ke arah Madam Kwan’s. Dia tanya kepada aku, bila lagi aku dan Hasnah akan membawanya berjalan-jalan di Taman KLCC. Aku kata aku tak tahu. Aku tak boleh janji sebab aku sibuk sekarang ini.

Zim, abang Emmet belajar di universiti. Dia kena belajar rajin-rajin supaya dia boleh berjaya di dalam hidupnya. Kata Puan Fazilah sambil mengusap-usap rambut Nazim yang lembut itu. Buat kali entah berapa ratus dalam masa tak sampai seminit sejak aku keluar dari tempat kerja ku, aku bertanya kepada diri ku apa yang telah merasuk jiwa ku sehingga aku bersetuju untuk teman kan Puan Fazilah untuk keluar minum petang bersama Nazim. Dah sah lah aku ni gila.

Kami telah diberikan tempat duduk yang paling tepi di Restoran Madam Kwan’s. Di situ aku dapat melihat pengunjung Mid Valley lalu lalang dengan jelas. Di tepi restoran ini pula ada kedai mainan Toys ‘R’ Us. Nazim nampak tak senang duduk lalu dia mengajak aku ke sana sahaja dari duduk di sini bersama ibunya. Puan Fazilah merenung ke dalam mata Nazim sambil berkata: Behave, Zim! You are not a small kid anymore!

Nazim terus duduk diam sambil berpeluk tubuh. Ibunya memesan minuman dan kuih-muih untuk kami bertiga. Dia sikit pun tak tanya apa aku mahu minum. Dia terus pesan teh panas.

Aunty nak tahu apa yang sebenarnya berlaku di antara Emmet dengan Hasnah. Kamu berdua bergaduh ke? Dia bertanya dengan wajah yang serius. Aku dah agak dah dia mesti akan tanya aku soalan cepumas macam ni.

Aku cuba mencari jawapan yang paling sesuai. Satu jawapan yang tak akan membebankan aku atau Hasnah nanti.

Kami berselisih faham.

Dah berapa lama kamu berdua tak bertegur sapa?

Aku merapatkan mulut ku. Aku bertekat tidak mahu menjawab soalnya itu.

Kamu berdua dah dewasa... Sepatutnya kamu berdua mencari jalan untuk berbaik. Kalau bergaduh tu, masing-masing perlu cuba memahami punca pergaduhan.

Aku mengangguk kepala ku walaupun pada saat itu aku pekakkan telinga ku. Nak jer masa tu aku berdiri dan blah macam tu jer. Tapi pemikiran aku masih rasional. Aku tak nak buat fasal. Lagipun Nazim ada depan aku. Aku tak nak tunjuk perangai buruk aku depan budak ni. Aku takut nanti dia akan terikut-ikut bila dia besar nanti. Aku tak nak dia jadi macam aku. Aku nak dia jadi budak baik.

Ketika aku kecil dulu bapak aku tak pernah buat perangai di depan aku atau di depan adik-adik aku. Aku tak pernah lihat mak dan bapak aku meninggikan suara mereka walaupun ketika mereka sedang bertengkar. Mak bapak aku sebenarnya jarang bertengkar, jadi selama ini aku fikirkan aku mempunyai keluarga yang paling bahagia. Tapi itulah agaknya masalahnya. Mak aku ini terlalu baik orangnya. Dia lebih suka berdiam dari melawan. Cuma satu kali itulah dia cuba melawan dan pada waktu itulah aku nyaris-nyaris mahu tumbuk muka bapak aku sendiri.

Mak aku tak macam Puan Fazilah. Mak aku ni lain sikit. Mak aku orangnya pendiam. Puan Fazilah ni aku tengok macam garang semacam orangnya. Aku rasa, bila dia di mahkamah, mesti semua orang kecut tengok dia sebab dia boleh tentukan untung nasib orang lain. Puan Fazilah ni berpelajaran tinggi. Dia belajar sampai ke UK macam suaminya jugak. Mak aku pula belajar tak setinggi mana, tapi orangnya cantik. Menurut cerita, mak aku ni pilihan nenek dan datuk aku sebelah bapak aku sendiri. Datuk aku ustaz. Orang kuat agama. Jadi mak aku ni memang alim orangnya. Dia sendiri yang ajar aku mengaji ketika aku kecil dahulu. Fasal dia juga aku kalau boleh tak nak tinggal sembahyang walaupun aku tahu aku tak lah sebaik mana.

Seperti yang aku katakan, mak aku ni penyabar orangnya. Jadi kenapa agaknya aku tak nak ikut sahaja perangai dia tu? Kenapa aku tak boleh jadi macam dia? Kenapa agaknya aku lihat semakin hari semakin aku mula menyerupai bapak aku dalam segala hal. Kenapa? Kenapa aku perlu jadi macam bapak aku?

Puan Fazilah menyuruh aku menjamah makanan yang dipesannya. Aku hanya mampu tersenyum. Aku langsung tak ada mood untuk makan. Aku lihat Nazim macam dah tak sabar lagi untuk ke Toys 'R' Us. Aku minta diri untuk pergi kerana aku kena masuk kerja. Dia terima alasan yang ku beri. Aku terus keluar dari Madam Kwan's tanpa menoleh ke belakang.

Seperti yang aku jangkakan, pada malam itu Hasnah menelefon ku. Dan entah mengapa aku menjawab panggilannya. Dia menangis tersedu-sedu ketika dia akhirnya dapat bercakap dengan ku setelah lebih sebulan kami berpisah. Aku sebenarnya rindu mendengar suaranya, bohong kalau aku kata tak rindu. Macam semua orang, aku pun ada perasaan jugak, bukannya tak ada. Jadi sebab itulah agaknya aku layan dia walaupun aku dah berjanji untuk tak mahu bercakap dengannya lagi.

Hasnah dapat tahu tentang perkembangan terbaru aku dari ibunya. Aku suruh dia diam bila dia salahkan dirinya dengan mengatakan bahawa dialah yang telah menyebabkan aku terpaksa mencari kerja. Aku cakap dia tak salah apa-apa. Ini semua

masalah aku, jadi aku yang kena tempuhinya sendiri. Aku tak perlukan bantuannya atau sesiapaupun.

Dalam sedu sedannya, dia kata dia nak bertemu dengan aku. Aku terang-terang cakap aku tak ada masa untuk berjumpa dengannya. Dia kata sekejap pun jadilah. Aku langsung tak cakap ya ataupun tidak.

Hasnah ada beritahu kepada ku bahawa dia cukup sedih bila aku meninggalkannya. Dia kata hari-hari dia menangis. Aku cakap aku tahu, sebab Tamrin yang beritahu. Aku mintak maaf jika aku telah melakukan ini semua kepadanya. Mati-mati dia kata semua ini bukan salah ku. Dia kata dia tahu mana silapnya. Dia kata dia boleh berubah.

Awak tak salah apa-apa, jadi tak payah lah awak nak berubah. Kata ku dengan nada yang tegas.

Masa tu aku malas nak bertekak dengannya. Dia pun macam nak menangis balik bila aku tinggikan suara ku. Jadi aku beritahu kepadanya aku nak masuk tidur awal. Belum sempat dia nak jawab apa-apa aku terus putuskan panggilanannya. Aku matikan telefon ku.

## Bab 11

Pada tengah hari itu aku masuk kerja untuk menggantikan tempat Azri. Dia ada call aku pagi tadi. Dia kata mak dia dapat penyakit darah tinggi. Tak ada apa untuk dirisaukan sangat, katanya. Aku tak tahu nak percaya atau tidak. Suaranya macam tersekat-sekat. Dia macam nak luahkan sesuatu kepada ku, tapi dia tak mampu. Mungkin dia fikir aku tak mahu dengar apa yang mahu diluahkannya. Mungkin apa yang difikirkannya betul.

Ketika sedang bekerja, aku mengelamun buat beberapa ketika. Aku terfikir tentang mimpi yang aku alami semalam. Aku cuba mengingatnya kembali. Aku bertanya kepada diri ku jika aku bermimpi dalam warna ataupun hitam putih. Apa yang pasti, ketika bermimpi, aku dapat alami segala-galanya seolah-olah ia benar-benar berlaku di hadapan ku.

Bagi ku, mimpi adalah imbasan kembali cebisan-cebisan memori yang terkumpul di dalam kepala kita. Cebisan-cebisan memori ini seperti alat-alat muzik yang bermain di dalam satu simfoni, lantas mengeluarkan sebuah lagu yang mendodoikan atau sebaliknya. Memori adalah sesuatu yang terkumpul dari pengalaman kita ketika sedar. Kita tahu bahawa seekor kucing yang muncul di dalam mimpi kita adalah seekor kucing kerana di dalam keadaan sedar, kita akan menyemak kembali memori kita untuk mengingatkan kita apa yang kita lihat itu adalah kucing dan bukan kuda ataupun ayam.

Jadi bagaimana pula dengan Melati? Dia langsung tidak mempunyai memori kepada bunyi. Dia tidak pernah mengalami bunyi atau memahami tentang keindahannya. Adakah Melati mendengar bunyi ketika dia bermimpi?

Perkara tentang Melati sememangnya merunsingkan fikiran ku. Entah buat ke berapa kali minggu ini aku berfikir tentang dunia Melati. Aku mahu memahami dunianya. Aku mahu tahu bagaimana dia menjalani kehidupan sehariannya tanpa mendengar. Dan kenapa dia mampu melihat keindahan pada awan sedangkan aku tidak dapat melihat apa-apa yang indah di situ. Dengan mempertimbangkan hal ini sahaja membuatkan aku beranggapan Melati ini lebih istimewa berbanding dengan orang-orang yang normal seperti ku.

Semalam aku bermimpi tentang Melati. Dalam mimpi ku, aku boleh bermain dengan gitar walaupun aku memang tak tahu bermain dengan gitar. Di dalam mimpi ku, aku duduk di hadapan Melati lalu aku menyanyikan sebuah lagu untuknya. Di dalam mimpi ku, Melati mampu mendengar nyanyian ku. Di dalam mimpi ku, Melati tersenyum lalu memberitahu ku dengan suara yang lembut bahawa dia suka mendengar nyanyian ku. Dia mahu aku nyanyi lagi.

Kemudian aku tersedar dari mimpi ku. Aku tahu bahawa apa yang aku mimpikan tidak mungkin akan berlaku di dunia nyata.

Sekurang-kurangnya pada malam tadi aku tidak diganggu oleh mimpi ngeri yang kadangkala muncul untuk mengganggu ku. Di dalam mimpi ngeri itu aku akan dibawa

untuk melihat perkara yang telah dilakukan bapak ku sehingga mengganggu fikiran ku selama ini. Setiap kali aku mengalami mimpi ngeri ini aku akan bangun terbungah-bungah. Basah berpeluh. Pernah sekali Tamrin dan abang Rastam perlu memegang kedua belah tangannya kerana aku menjerit-jerit sambil meronta-ronta di atas katil. Mereka kata keadaan aku seperti kena rasuk.

Aku mengeluh ketika memikirkan tentang ini semua. Mata ku terus terpaku kepada sebiji bola yang dijual di toko sukan tempat kerja ku. Mahu sahaja aku ambil bola itu lalu menyepakannya kuat-kuat agar segala perasaan yang terbuku di dalam jiwa ku dapat ku sepak jauh-jauh. Aku mengambil bola tersebut lalu menimang-nimangnya. Aku pasti pada saat ini, Tamrin sedang bermain futsal dengan rakan-rakannya tanpa aku. Aku memandang ke hadapan. Aku dapati Andrew sedang berjalan ke arah ku. Dia mengingatkan aku bahawa syif aku susah selesai. Aku boleh pulang.

Sebaik sahaja aku keluar dari pintu hadapan toko sukan ini aku dapat melihat wajah Hasnah. Aku terkejut melihatnya berdiri menunggu ku. Dia juga kelihatan terkejut memandang wajah ku.

Apa awak buat di sini? Tanya ku sambil memandang ke kiri dan ke kanan.

Saya tunggu awak.

Untuk apa?

Saya nak duduk berbual dengan awak.

Aku memandang ke arah jam tangan yang menunjukkan pukul 7.15 malam. Aku tak tahu apa yang perlu aku lakukan. Tak kan lah aku nak blah macam tu jer?

Kita keluar makan malam, ya? Hasnah menyarankan. Entah mengapa aku mengangguk setuju. Dia tanya jika aku mahu mengerjakan solat Maghrib dahulu. Aku mengangguk. Jadi kami terus ke surau yang terletak di Jusco. Kami mengerjakan solat Maghrib sebelum kami meneruskan program kami untuk malam ini.

Hasnah mahu membawa ku makan malam di luar, bukan di Mid Valley. Tetapi di kawasan yang dekat-dekat dengan sini, katanya. Aku setuju. Lagipun dia yang nak bawak aku keluar makan, bukannya aku.

Jadi kami ke tempat meletak kereta. Sepanjang aku berjalan dengannya dia langsung tak bersuara. Tapi aku ada perasan ada kalanya dia menoleh ke arah ku.

Hari ini awak ada kelas tak? Tanya ku sebaik sahaja aku masuk ke dalam keretanya.

Ada. Tapi saya tak boleh concentrate.

Kenapa?

Saya fikirkan fasal awak. Kata-kata Hasnah membuatkan aku melepaskan nafasku dengan perlahan.

Hasnah menghidupkan enjin keretanya. Dia mengingatkan aku supaya memakai tali pinggang keledar. Aku menurut sahaja. Setiap kali aku naik kereta dengannya setiap kali itulah dia akan mengingatkan aku supaya memakai tali pinggang keledar.

Hasnah terus memandu keretanya keluar dari Mid Valley. Dia bergerak ke arah Bukit Damansara lalu membelok ke Jalan Batai. Dia memberhentikan keretanya di hadapan Restoran Klimt's. Dia tidak pernah membawa ku ke sini. Kata Hasnah, Klimt's ini restoran masakan Austria. Dia dan keluarganya telah makan di sini baru dua minggu yang lepas.

Sebaik sahaja aku masuk ke restoran ini, Hasnah terus memberitahu pelayan wanita yang sedang memakai kostum ala Austria bahawa dia mahu duduk di meja berdekatan dengan tingkap. Si pelayan senyum lalu meminta kami duduk di tempat yang dinyatakan Hasnah.

Aku memandang ke luar. Aku tak nampak suasana di sebuah pekan kecil di Austria. Aku nampak Lebuhraya LDP.

Awak patut cuba Lamb Shank... Tak pun sirloin. Sedap rasanya. Mesti awak suka. Ujar Hasnah sebaik sahaja kami menerima menu.

Harga makanan di sini mahal-mahal. Aku tak mampu nak bayar. Aku tahu mesti Hasnah nak belanja. Apabila si pelayan datang kembali ke meja kami untuk tanya apa yang ingin dipesannya, dia pesan salmon strudel.

Awak nak makan apa? Tanya Hasnah kepadaku. Si pelayan terus memandang kepada ku menunggu jawapan dari ku.

Mahal sangat lah kat sini. Saya nak minum saja. Kataku, lalu menoleh ke arah pelayan: I just want a glass of Coke please. Thank you.

Zwiebel Rostbraten, medium rare. Kata Hasnah dengan pantas. Dia masih macam dulu lagi. Tak apa, hari ini saya belanja. Katanya kemudian.

Aku terus duduk di situ sambil termenung ke luar. Aku tak tahu apa yang aku menungkan. Mungkin aku rasa bersalah. Mungkin segala perasaan yang mungkin aku ada kepada Hasnah kini datang kembali. Aku memandang ke arahnya. Hasnah mempunyai wajah yang comel. Dia mampu buat hati ku sejuk.

Wajah Hasnah entah mengapa sedikit sebanyak mengingatkan aku kepada wajah mak aku. Mungkin matanya menyerupai mak aku. Mungkin sebab itulah aku terasa dekat

kepadanya. Dialah awak pertama yang berjaya buat aku rasa bersalah bila aku minta perpisahan.

Awak tak sepatutnya pulangkan balik barang-barang yang saya hadiahkan untuk awak.

Saya tak nak benda-benda tu lagi.

Duit yang saya berikan kat awak tu pun ikhlas saya bagi.

Hasnah... Kalau mak bapak awak tahu awak bagi duit kat saya nanti macam mana? Saya tak nak kena tuduh saya ni kaki kikis pulak nanti.

Hasnah mendiamkan dirinya. Mungkin kerana dia tak mahu bertengkar dengan ku. Dia tak mahu aku menaikkan suaranya kepada ku.

Saya nak berbaik dengan awak.

Untuk apa?

Dia diam, mungkin dia tidak menyangka aku akan bertanyakan soalan ini kepadanya. Aku dapat merasakan dia seolah-olah meniti di atas batang pinang. Dia sedaya upaya mengimbangi badannya agar dia tak jatuh.

Saya dengar awak mula main futsal dengan Tamrin dan Raslan.

Ya.

Best tak main futsal?

Macam main bola, tapi dalam dewan tertutup dan padangnya kecik sikit. Jawabku. Aku dapat melihat Hasnah meramas-ramas tangannya. Kalau dia buat begini, pasti ada sesuatu yang ingin dinyatakan kepada ku.

Awak masih marahkan saya ke?

Saya tak marahkan awak. Kenapa awak fikir saya marahkan awak ni?

Jadi kenapa awak mintak kita berpisah.

Aku dah agak mesti dia akan tanya soalan ini kepada ku. Aku rasa malas nak jawab soalan ini. Sebab aku sendiri tak ada jawapan yang kukuh untuk aku berikan kepadanya.

Maafkan saya kalau saya dah sakiti hati awak. Kata ku perlahan. Dalam hal-hal serius macam ini aku tak mahu ego. Aku tahu aku bersalah.



Kita lupakan sahaja tentang ini semua ya, Emmet?

Hasnah... Saya lebih suka jika kita macam ini.

Masa tu aku harap dia tak kisah kalau aku anggap dia sebagai kawan. Tapi aku pasti dia tidak mungkin dapat menerima aku sebagai kawannya. Dia mahu aku lebih dari itu. Dia mahu memiliki aku seperti dia memiliki segala apa sahaja yang mampu dimilikinya.

Macam ni apa? What are you talking about?

Sebagai kawan. Kataku akhirnya tanpa mahu berdolak dalih lagi. Aku menoleh ke arah pengunjung-pengunjung lain yang sedang berada di dalam restoran eksklusif ini. Mereka nampaknya sedang sibuk melayani hal masing-masing.

Emmet, please!

Mata Hasnah mula berkaca-kaca. Dia mahu menangis. Inilah dia senjata utama kaum hawa. Tangisan. Tapi aku ada hati yang tak lut dengan air mata. Aku terus duduk kaku dengan mata ku memandang penuh ke arahnya.

Seingat aku, mak aku hanya pernah sekali sahaja menangis di hadapan ku. Sebelum ini, walau apa pun yang berlaku, mak tetap tak akan menangis. Dengan tenang dia akan menghadapi segala-gala bebanan yang terpaksa dihadapinya dengan tabah. Aku masih ingat lagi kepada wajah mak ketika wajahnya itu terpampang di surat khabar gara-gara bapak aku. Wajahnya ketika itu nampak tenang, walaupun aku tahu jika perkara ini berlaku kepada perempuan lain, pasti mereka akan menangis tak henti-henti. Tapi bukan mak. Dengan wajah yang tenang dia berjalan di sebelah bapak apabila gambar mereka tidak henti-henti diambil juru kamera.

Mak hanya menangis pada hari dia mengetahui bahawa dia telah dikhianati. Pada hari itu lah aku akhirnya dapat melihat titisan air matanya jatuh ke bumi. Aku tak akan maafkan bapak aku sampai bila-bila kerana telah membuatkan mak aku menangis begitu.

Pada malam itu mak menangis dengan cukup sayu sehingga kedengarannya seperti dia ketawa. Sehingga ke hari ini suaranya ketika menahan sebak masih menghantui jiwa ku ini. Segala perasaan sedih, marah dan duka yang selama ini telah ditahan-tahan dan dipendam-pendamnya akhirnya dibiarkan mengalir melalui air matanya.

Maafkan saya jika saya tak sepenuh hati inginkan awak lagi. Kata-kata ku ini seperti pisau yang tajam menghiris hatinya.

Aku mengambil napkin di atas meja dengan harapan untuk mengelap air matanya. Dia menepis tangan ku.

Saya bukan orang yang awak cari selama ini, Hasnah... Saya tak mungkin dapat berikan kepada awak apa yang awak mahu.

Don't bother making pathetic excuses, Emmet! Saya sayangkan awak, awak tahu tak?

Saya tahu.

And I know that you love me!

Mungkin betul kata-katanya itu, jadi aku tidak mahu membangkang. Tapi aku bertegas tidak mahu meneruskan apa-apa hubungan istimewa dengan Hasnah. Aku ada sebab aku sendiri, dan sebabnya akan aku beritahukan kepadanya agar dia faham.

Kita tidak boleh bersama... Sebab kehidupan kita terlalu berbeza.

Beza apa ni Emmet? What are you talking about?

Hasnah, saya sebenarnya bukan berasal dari JB. Saya telah lahir dan dibesarkan di Shah Alam. Bapak saya bukan lecturer kat UTM.

Hasnah nampak bingung Aku akhirnya memberitahunya tentang diri ku yang sebenar. Biar dia tahu. Aku tak mahu berbohong dengannya lagi.

Aku berdiri dari duduk ku. Aku berjalan menghampirinya. Aku membisikkan ke dalam telinganya sesuatu yang dia patut tahu tentang diri ku. Aku memberitahu kepadanya siapa bapa ku sebenarnya.

Wajah Hasnah berubah pucat. Apa yang diketahuinya kini tentang diri ku sememangnya telah membuat dirinya terkejut. Kini aku bukan lagi manusia serba sempurna yang dicari-carinya selama ini.

Aku dapat melihat pelayan datang ke meja kami dengan membawa makanan yang kami pesan. Dia menoleh ke arah ku yang sedang berjalan meninggalkan Hasnah. Kemudian kepada Hasnah pula yang kelihatan kaku dengan matanya terus memandang ke hadapan. Dia tidak faham apa yang telah berlaku di antara aku dengan Hasnah sehingga membuatnya begitu.

Dengan pantas aku berjalan melintasi jalan raya yang sibuk di hadapan ku lalu berjalan ke arah Bangsar tanpa menoleh ke belakang. Aku tak mahu menoleh ke belakang. Tak ada apa di situ yang perlu aku perhatikan...

## Bab 12

Pagi-pagi lagi Tamrin telah mengetuk pintu bilik ku untuk mengingatkan ku bahawa kami ada kuliah pagi. Aku membuka mata ku. Matahari dah lama menunjukkan wajahnya. MALASNYA! Aku menjerit kuat-kuat. Aku berjalan ke arah komputer peribadi ku yang tidak ku matikan kerana mahu memuat turun beberapa mp3 dengan menggunakan perisian P2P. Aku mahu lihat jika aku ada terima e-mail baru. Ada, tapi tak berapa penting. Hampir semua e-mail yang aku terima adalah dari rakan-rakan sekuliah yang mahu berbincang tentang tugas yang perlu mereka selesaikan. Aku malas nak membaca e-mail mereka. Aku ternampak e-mail dari Melati. Aku buka e-mailnya. Dia hantar e-kad yang ada gambar awan. Dia kata dia akan merindukan aku nanti bila dia tak ada bersama ku hujung pada minggu ini. Dia akan balik ke kampungnya di Muar bersama Hamiza.

Aku membuka baju dan melondehkan kain. Terus aku ambil tuala lalu aku sarungkan kemas-kemas pada bahagian bawah pusat ku. Seperti biasa, aku dapat dengar si Saadiah mencakar-cakap daun pintu ku untuk memastikan aku bangun dari tidur lalu memberinya makan. Tugas aku adalah untuk memberi Saadiah makan pagi dan Tamrin pula makan malam. Saadiah dah tahu benar dengan jadual ini. Sebab itu dia hanya kacau aku pagi-pagi buta macam ini dan Tamrin pula pada malam hari. Aku ke dapur. Aku ambil makanannya. Dia menggeselkan pipinya ke kaki ku kononnya untuk mengucapkan terima kasih. Aku tak tahu dia ikhlas sayang aku ataupun dia buat-buat sayang aku sebab dia nak makan.

Aku ke bilik mandi. Aku dapati pintunya terkuak. Tamrin dah mandi tetapi dia ingin bercukur. Dia sedang letakkan krim bercukur ke pipinya. Matanya terus ke cermin. Dengan selamba aku masuk ke bilik mandi lalu mengambil berus gigi ku.

Perlu ke kau beritahu si Hasnah siapa bapak kau tu sebenarnya? Tanya Tamrin sambil bercukur.

Aku buat-buat tak dengar. Aku terus menggosok giginya.

Dia tak perlu tahu, Amat.

Aku berkumur-kumur. Aku berdiri di sebelahnya dengan memandang ke arah wajahnya di hadapan cermin.

Apa yang dia cakap kepada kau tentang aku?

Dia kata kau tak sepatutnya merahsiakan hal ini darinya. Dia sepatutnya tahu awal-awal lagi. Semalam dia marahkan aku sebab dia kata aku cuba rahsiakan hal ini darinya.

Lantak lah!

Kau memang susahkan aku lah, Amat! Sekarang tengok apa dah jadi?

Apa yang dah jadi?

Tamrin merenung mata ku. Dia nampak marah, tapi dia macam tak jadi nak marah. Dia tarik nafasnya dalam-dalam. Aku tahu sangat dengan perangai si Tamrin ni. Dia memang tak suka marah-marah, tapi bila dia dah marah dia akan melenting macam orang gila. Tapi hari ini dia tak melenting, jadi aku rasa dia tak lah marah dengan aku sangat pun!

Tamrin keluar dari tandas tanpa berkata apa-apa lagi kepada ku. Dia diam. Aku tutup pintu tandas. Aku terus memandang ke arah wajah ku di muka cermin. Aku mengeluh sendiri.

Pada tengah hari itu aku ponteng kelas tutorial semata-mata kerana ingin ambil tempat Azri di tempat kerja. Sebaik sahaja aku mula bekerja aku terima pesanan SMS dari Melati. Dia tanya aku kenapa aku macam tak ada mood bila aku jawab SMS dia pagi tadi. Aku jawab pesanan SMSnya dengan memberitahu aku sebenarnya sibuk dengan tugas yang baru aku terima. Aku akhiri dengan perkataan: Awak tak perlu risau tentang saya. Saya okay jer ni.

Tapi aku tak okay. Bila masuk kerja aku kelesuan tak susah. Aku masih rasa bersalah kepada segala apa yang telah aku lakukan kepada Hasnah. Tapi dari apa yang aku ketahui dari Tamrin, Hasnah akhirnya telah memberitahu kepada ibunya bahawa kami telah mengambil keputusan untuk berpisah.

Di tempat kerja aku banyak termenung. Tengok raket aku termenung. Tengok bola aku termenung. Entah berapa ratus kali aku pandang jam tangan aku sebab aku dah tak sabar nak balik ke rumah. Aku nak balik dan tidur sampai pagi.

Aku tak tahu apa dosa aku tapi minggu ini macam-macam perkara berlaku kepada ku. Hari ini, satu lagi bala yang turun dari langit yang datang menghempas untuk merosakkan hari-hari ku.

Ketika perkara ini berlaku aku masuk ke dalam stor. Aku sedang membantu Laksmi mengambil sepasang kasut yang ingin dicuba oleh seorang bakal pembeli. Banyak kasut yang ingin dicubanya, jadi aku cuba ambil keempat-empat kotak yang terpaksa aku keluarkan. Bila aku keluar dari bilik stor, aku terlanggar seorang pengunjung. Kotak-kotak aku jatuh. Aku cepat-cepat meminta maaf. Dia cuba tolong aku, bila aku dongak aku dapat melihat wajahnya. Begitu juga dirinya.

Amat? Kau buat apa di sini?

Masa tu aku rasa macam jantung aku ni nak gugur. Tersirap darah aku hingga ke umbun-umbun. Tangan ku terketar-ketar.

Maaf encik. Silap saya. Maaf.

Aku cepat-cepat ambil kasut yang terjatuh di atas lantai lalu aku masukkan ke dalam kotak. Aku tak berani memandang ke arahnya. Bibir ku terasa pucat, sebal tak berdarah.

Dia memegang tangan ku. Agaknya dia tahu aku dah tak tentu arah masa tu. Dia suruh aku berhenti. Jadi aku berhenti. Dia ambil kasut-kasut yang aku jatuh kan kemudian satu persatu dia masukkan ke dalam kotak asalnya.

Aku toleh ke arah Laksmi. Dia hairan melihat keadaan ku pada waktu itu. Dia menoleh ke arah lelaki yang sedang membantu ku itu. Aku rasa dia mengenalinya. Apa tidaknya, muka lelaki ini pernah terpampang di muka hadapan surat khabar hampir setiap hari beberapa tahun yang lalu.

Kau bekerja di sini, Amat?

Aku tidak menjawab. Tekak ku tiba-tiba terasa kering. Dia memandang ke arah Name Tag yang aku pakai. Nama aku memang ada di situ, jadi dia tak salah orang.

Amat bekerja di sini?

Tanya dia lagi lalu memegang bahu ku. Kami berdiri lalu bertentang mata. Aku terus menepis tangannya.

Ya.

Amat masih belajar lagi di UM?

Ya.

Dia terus berdiri di hadapan ku, langsung dia tak mahu berganjak ke mana-mana. Dia menoleh ke belakang, ke arah seorang wanita yang telah ke sini bersamanya. Aku kenal benar dengan wanita itu. Usianya tak jauh dari usia ku sekarang ini.

Berani papa keluar dengan dia!

Kata ku dengan mata ku terus kepadanya. Dia langsung tidak mengendahkan kata-kata ku, seolah-olah kata-kata ku tadi terus tenggelam ke lantai.

Nafas ku turun naik dengan pantas. Dah lama aku tak berkata-kata dengannya inikan pula bersemuka dengannya. Tapi bila aku mula bersuara kepadanya tadi, perasaan marah yang meluap-luap terus singgah ke dalam jiwa ku ini.

Kenapa Amat bekerja di sini? Amat tak cukup duit ke?

Dia bertanya dengan nada serba salah.

Dia tahu bila aku berdiri diam di hadapannya dengan mata ku berkelip perlahan begitu jawapannya adalah 'ya'. Aku tidak mampu berbohong kepadanya walaupun dalam keadaan diam ku. Hanya dengan dia sahaja aku akan jadi begini. Hanya dengan dia sahaja aku boleh menangis hatta dia menegur aku dengan cara halus sekalipun.

Nanti papa akan berikan Amat duit... Amat tak perlu risau.

Saya tak mahu duit papa. Dah saya katakan dahulu. Saya tak mahu sesen pun duit papa! Kata ku dengan sedaya upaya cuba mengawal suara ku.

Memang aku tak nak duit dia. Masa aku lagi sikit nak tumbuk muka dia, memang dia ada cakap; lepas ni, satu sen pun duit dia tak akan diberikan kepada ku. Dia ingat aku kebulur sangat dengan harta dia? Bila dia cakap macam ni, dalam keadaan marah aku jawab: AKU PUN TAK NAK DUIT KAU!

Sebelum kejadian ini berlaku, aku herdik dia cukup-cukup. Aku cakap dia tak layak jadi manusia.

Lepas tu dia tolak aku sampai aku terjatuh. Tapi aku cepat-cepat berdiri. Terus aku nak tumbuk dia.

Nasib baik masa tu, mak tengking aku. Dia tarik aku jauh-jauh dari bapak aku. Kalau dia tak buat macam tu, aku rasa malam tu aku dah bertumbuk dengan bapak aku depan mak aku.

**DIA DAH JAHANAMKAN HIDUP KITA MAK!** Aku menjerit sekuat hati. Mak aku tempeleng muka aku lepas tu. Dia kata dia tak didik aku untuk jadi anak yang kurang ajar.

Lepas tu aku menangis. Aku menangis semahu-mahunya. Mak aku yang selama ini tak pernah sentuh aku bila dia marahkan aku tiba-tiba sahaja tempeleng muka aku dengan kuat sehingga merah pipi aku dibuatnya.

Bila aku menangis, mak terus peluk tubuh ku. Dalam masa dia sedang menahan rasa sedihnya yang sedang di alaminya sendiri, dia masih sempat untuk meminta maaf kepada ku. Aku kata dia tak perlu minta maaf dari ku kerana aku memang anak yang kurang ajar. Dia meminta aku menutup mulut ku. Dia mengesat air mata ku yang turun mencurah-curah. Dia kata dia tak mahu Hani dan Nani melihat abang mereka menangis begini.

Bapak aku mendengus marah. Dia melangkah keluar dari rumah lalu terus menghilang entah ke mana. Pada malam itu, mak telah mengemaskan barang-barangnya dengan tujuan untuk membawa Hani dan Nani keluar dari rumah kami. Pada malam itu juga dia mahu pergi membawa dirinya pulang ke kampungnya. Pada malam itu aku

beritahu kepada Tamrin apa yang telah berlaku. Tak sampai setengah jam kemudian, dia datang dengan Abang Rastam. Pada malam itu juga Abang Rastam membawa ku, mak dan adik-adik ku ke Johor Baru - ke rumah datuk dan nenek ku yang terletak di sana.

Sebelum bapak aku menjahanamkan hidup aku, mak aku dan adik-adik aku, perangai aku tak macam sekarang. Dulu aku budak baik. Aku rasa masa aku mula-mula masuk matriks dulu, kawan-kawan aku ingat aku ni budak skema. Kalau aku masuk Akademi Fantasia, sah-sah aku boleh menang lalu diangkat menjadi “Ikon Remaja Islam” atau “Contoh Remaja Islam yang Ideal” macam Mawi. Ramai awek-awek nak berkenalan dengan aku sebab aku ni budak baik. Tapi masa tu aku langsung tak mahu tahu tentang awek-awek yang nak berkenalan dengan aku. Aku tak minat nak ada awek. Tapi sekarang lain pula ceritanya. Aku rasa aku dah banyak berubah. Macam-macam perangai aku bawak. Bertimbun-timbun dosa terpaksa aku tanggung kerana mengikut nafsu serakah ku ini.

Bapak aku mengurut tengkuknya. Perempuan jalang tu pula berjalan mendekatinya. Dia sempat senyum ke arah ku. Aku terus menjeling ke arah lain dengan rasa penuh jijik.

Papa tak mahu Amat bekerja di sini lagi. Papa mahu Amat tumpukan masa amat kepada pelajaran Amat.

Bapak aku keluarkan dompetnya lalu mengeluarkan wang berkepek-kepek. Dia mahu serahkan duitnya itu ke tangan ku. Tapi aku tak mahu. Aku mengambil semula kotak yang aku ambil tadi lalu berjalan ke arah Laksmi.

Kalau dia tak nak, jangan paksa dia, bang. Dia kan memang degil, macam abang jugak! Kata perempuan jalang tu. Nak aja aku campak kotak-kotak kasut yang sedang aku angkat ke mukanya. Berkali-kali aku beritahu kepada diri ku supaya jangan buat kerja gila macam tu. Jadi aku buat-buat tak dengar dalam keadaan telinga ku merah padam menahan marah.

Aku menyerahkan kotak-kotak kasut yang diperlukan Laksmi. Di hujung mata ku aku dapat melihat bapak ku keluar dari kedai sukan tempat aku bekerja ini. Laksmi tanya kepada ku jika aku sakit. Aku menggeleng.

Muka dia familiar lah! Kata Laksmi kepada ku. Pelanggannya menyampuk dengan menyebut nama penuh bapak aku lalu mengingatkan Laksmi apa yang telah dilakukan olehnya sehingga membuatnya terkenal lalu dikenali ramai.

Aku meninggalkan mereka berdua lalu aku kembali ke stesen tempat ku bertugas. Laksmi Memandang ke arah ku. Mungkin dia mula sedar bahawa lelaki yang dilihatnya tadi ada bapak aku sendiri.

Pada hari itu selepas aku menyelesaikan tugas ku, aku tukar baju lalu memasukkan uniform tempat kerja ku di dalam plastik. Aku tulis di atas sekeping nota kecil untuk memberitahu kepada Andrew aku mahu berhenti kerja.

Aku mahu berhenti kerja bukan kerana bapak aku menyuruh aku berhenti. Aku mahu berhenti kerana pada petang itu semua kawan-kawan sekerja ku mula sedar aku ini anak siapa.

Aku tak sanggup lagi ke situ untuk bekerja. Aku malu.

Apabila aku pulang ke rumah, Tamrin memberitahu ku bapak aku ada tinggalkan sekeping sampul surat kepada ku. Tamrin menyerahkan sampul surat itu kepada ku. Dalam sampul surat tebal itu ada wang. Aku rasa dia beri aku wang sebanyak RM2000.

Tamrin lihat aku berdiri kaku di ruang tamu. Aku tak tahu jika aku sedang marah, sedih, sebak ataupun bingung.

Jom kita ke Muar! Kata ku tiba-tiba. Dia tanya untuk apa. Aku kata aku nak hilangkan tension. Dia pandang muka aku lama-lama sebelum dia mengangguk perlahan. Dia amat-amat memahami. Buat sekian kali, Tamrin telah membuktikan bahawa dia lebih memahami kepada segala apa yang terpaksa aku lalui lebih dari orang lain...



## Bab 13

Aku beritahu kepada Melati tentang niat ku mahu ke Muar bersamanya. Bila aku beritahu tentang hal ini kepada Hamiza di perpustakaan, dia tak habis-habis merungut sebab dia dah beli tiket bas untuk ke sana. Aku kata, rileks lah, awak naik kereta, duduk senyap-senyap, Tamrin yang drive. Mel tak cakap apa pun!

Hamiza menjeling. Tajam jelingannya macam nak makan aku. Ada rasa masa tu, ada sesuatu yang ingin dia katakan kepada ku, tapi dia terus simpan di dalam hatinya. Bila aku lihat Melati meminta diri untuk ke tandas, aku tanya dia kenapa dia tak suka aku ikut mereka ke Muar.

Banyak yang awak tak tahu tentang dirinya, Emmet! Katanya tanpa mahu memandang ke arah ku. Matanya memandang kosong ke arah buku yang ditelaahnya pada ketika itu.

Tak apa, bila dah jumpa keluarganya nanti di kampung, saya akan tahu jugak akhirnya. Semua saya akan tahu dari datuk, nenek, mak sedara, sepupu, alah satu kampung lah! Kata ku dengan suara separuh mengejek.

Dia hanya ada maknya sahaja...

Tahu lah!

Aku tak tahu apa masalah si Hamiza ni. Apa sesuatu tentang Mel yang ingin disembunyikan dari pengetahuan orang lain. Mungkin dia melakukan ini semua untuk kebaikan Mel. Aku sepatutnya lebih tahu tentang ini semua. Mungkin sebab itulah aku tak mahu bertekak dengannya lagi. Aku terus diam sokmo.

Kami ke sana sebab nak surprisekan mak dia yang akan sambut hari jadinya yang ke 40. Hamiza bersuara untuk memecahkan kesunyian.

Oh ye ke? Kenapa tak bagi tahu awal-awal?

Saya tak tahu pulak awak nak ikut.

Okay, sekarang saya tahu.

Mat! Melati memanggil nama ku dengan suaranya itu. Aku menoleh, tersenyum. Melati menyerahkan sebungkus hadiah kepada ku.

Eh, apa ni Mel? Tanya ku.

Melati membuat bahasa isyarat meminta aku membuka bungkus hadiah yang diberikan kepada ku itu.

Dia belikan hadiah ini kepada awak sebab awak belikan tas tangan untuk ibunya hari tu. Beritahu Hamiza.

Alah, kan dia dah belanja saya makan. Kataku. Aku membuka bungkus hadiah pemberian Melati. Aku dapati Melati telah menghadihkan sebuah album gambar kepada ku. Di dalamnya dia ada meletakkan beberapa keping gambar ku yang telah diambilnya. Ada di antara gambar-gambar ini telah diambilnya tanpa pengetahuan ku. Ada juga gambar yang telah diambil bersamanya. Ada juga gambar-gambar awan. Banyak bahagian album ini masih tidak diisi dengan gambar.

[Bahagian yang kosong itu kita isi bersama, ya?]

Aku mengangguk. Aku mengucapkan terima kasih kepada Melati. Lepas aku terima hadiah ini dari Melati aku terus terdiam tak banyak cakap. Aku tak pernah dapat hadiah macam ini dari sesiapaupun sebelum ini. Hadiah ini tak mahal, tapi jelas ia adalah hasil kerja Melati sendiri. Dia kumpul semua gambar-gambar yang disukainya, lalu diletakkannya di satu tempat – kemudian dihadihkan kepada ku. Apa yang menjadi milik ku sekarang adalah sebahagian dari dirinya. Gambar-gambar ini datangnya melalui kaca matanya sendiri kepada dunia yang dilihatnya. Gambar-gambar ini tak bersuara kecuali kepada apa yang dipaparkan, dan ini sudah cukup untuk aku sedikit sebanyak memahami apa yang terkandung di dalam dunianya.

Jadi, esok petang saya dan Tamrin akan ambil awak berdua di hadapan rumah awak ya? Pukul 6 petang.

Hamiza mengangguk. Melati cuba memahami apa yang diberitahu ku melalui Hamiza sebelum dia memandang ke arah ku dengan penuh khusyuk memandang ke arah beberapa keping gambar di dalam album pemberiannya.

Hamiza dan Melati sudah sedia menunggu di hadapan rumah sewa mereka sebaik sahaja aku dan Tamrin tiba untuk mengambil mereka. Mereka berdua duduk di belakang manakala aku dan Tamrin duduk di hadapan. Tamrin tidak banyak bercakap ketika dia membawa kereta kepunyaan abang Rastam ke arah selatan. Dia sebenarnya memang tak suka berbual ketika dia sedang memandu, lebih-lebih lagi apabila memandu di lebuh raya. Ketika kali terakhir dia ikut aku ke Johor Baru, dia diam sahaja memandu, sedangkan aku tak habis-habis berbual dari KL sampailah ke Johor Baru.

Hamiza memberitahu kepada Tamrin supaya keluar dari lebuh raya PLUS melalui Tol Tangkak. Aku memberitahu kepada Hamiza aku dan Tamrin tidak pernah ke daerah ini. Ketika kami berehat untuk sembahyang dan makan malam di Air Keroh tadi, Hamiza dah bagitahu awal-awal dia boleh tunjuk jalan. Dia kata kami hanya perlu pergi ke arah Gresik.

Pada malam itu kami ke Pekan Bukit Gambir. Ibu Melati menetap di situ. Dia tinggal di sebuah rumah kedai yang agak usang yang diperbuat daripada kayu. Di bahagian bawah rumah kedainya ini terdapat sebuah kedai gunting rambut. Apabila kami

tiba ke sini, kebanyakan kedai di pekan ini dah tutup termasuklah kedai gunting rambut ini.

Aku kena cari parking lah. Tak boleh park kat sini sembarangan. Ujar Tamrin. Dia tak mahu meletakkan kereta abang Tamrin di tepi jalan.

Awak boleh park kat belakang rumah kedai ni. Tapi kena jalan sikit lah nanti.

Tamrin mengangguk. Dia meminta aku mengeluarkan beg-beg yang dibawa kami dari belakang kereta. Aku menurut sahaja. Melati membantu ku. Hamiza pula menunjukkan jalan kepada Tamrin untuk mencari tempat meletak kereta.

Pekan kecil ini memang sunyi. Macam pekan koboi. Waktu malam hari macam ini yang ada cuma pemandu lori yang datang untuk makan atau berehat di sebuah kedai makan berdekatan yang masih dibuka. Kalau aku terpaksa duduk di sini aku rasa aku boleh mati kutu. Aku tak tahu apa aku nak buat.

Melati meminta aku naik ke tingkat atas. Aku menurut sahaja. Ketika sedang menaiki tangga seekor kucing berwarna hitam dengan pantas turun ke bawah lalu menyapa Melati. Melati meletakkan begnya ke tepi lalu terus mendukung kucing itu. Aku tersenyum lalu terus ke tingkat atas.

Di atas aku dapat melihat sebuah lorong yang kelam menuju ke arah beberapa buah bahagian yang telah dibahagi-bahagikan. Bahagian atas rumah kedai ini disewakan kepada beberapa orang penyewa.

Di hadapan salah sebuah bilik yang disewa aku dapat melihat seorang lelaki yang sudah agak berumur menyerahkan dua keping wang RM50 kepada seorang wanita berkebaya ketat dengan wajah yang jelita. Kemudian dia merenung ke dalam wajah wanita itu seolah-olah menunggu sesuatu. Dengan pantas aku menoleh ke belakang. Aku dapati Melati masih asyik mengusap-usap kucing hitamnya itu. Aku menoleh semula ke hadapan. Wanita itu berdecit lalu mengeluarkan dua keping wang RM10 yang disimpan di dalam celah dadanya. Lelaki itu tersenyum lalu berjalan ke arah ku. Dia langsung tidak memandangi ke arah ku. Aku terus maju ke hadapan. Aku lihat Melati sedang mendukung kucingnya lalu berjalan mendekati ku.

Melati! Ujar wanita itu. Dia tercengang seketika sebelum dia cepat-cepat mendapatkan Melati lalu mendakapnya. Aku memandangi ke arahnya. Dia membalas pandangan ku. Memang wajahnya ada iras-iras wajah Melati.

Melati membuat bahasa isyarat memberitahu ku bahawa wanita di hadapannya adalah ibunya.

Aku bersalaman dengan ibunya.

Kamu datang berdua sahaja? Tanya ibu Melati.

Tak, saya datang bersama Hamiza dan seorang kawan lagi.

Siapa namanya ni?

Amat. Panggil sahaja Emmet.

Satu universiti dengan Melati?

Ya.

Jurusan yang sama?

Tak. Lain. Saya belajar dalam jurusan kejuruteraan—

Hamiza dan Tamrin muncul beberapa detik kemudian. Mereka terus bersalaman dengan ibu Melati.

Aunty... Mak dan ayah kirim salam. Ujar Hamiza. Dia mengambil beg kepunyaannya dari bahu kanan ku.

Kenapa kamu tak beritahu awal-awal kamu hendak datang? Tanya ibunya.

Mel nak surprisekan aunty. Dia kata aunty akan sambut birthday aunty ke 40 tahun esok.

Ibunya mengusap-usap rambut Melati. Dia menjemput kami masuk ke dalam bilik sewanya yang kecil itu. Di dalam bilik sewa ini ada ruang tamu dengan sebuah TV kecil dan sebuah bilik tidur. Kipas berputar lesu di atas siling. Dua buah tingkap yang menghadap ke jalan besar dibiarkan tertutup.

Seperti yang aku katakan, bilik sewanya memang kecil. Kemudian Ibu Mel kata nasib baik lah budak Siam yang sewa di bilik sebelah dah balik negeri. Jadi bilik sebelah kosong. Dari kata-katanya aku dapat tahu bahawa dia yang jadi tuan rumah kepada rumah kedai ini.

Melati meminta ibunya itu duduk di atas kerusi rotan di ruang tamu. Dia membuka begnya. Dia menyerahkan tas tangan yang kami beli di Petaling Street tempo hari. SELAMAT HARI JADI! Katanya dengan sengau, tersekat-sekat, di dalam suara yang tidak dapat didengari sendiri.

Ibunya memandang ke arah kami. Dia menutup mulutnya mungkin kerana menahan sebak. Dia mendakap Melati buat seketika sebelum dia mengambil bungkusan yang diberikan Melati. Dia membuka bungkusan tersebut lalu dia mengucapkan terima kasih kepada Melati kerana telah menghadihkan tas tangan ini kepadanya. Aku lihat dia mengelap air matanya. Ada sesuatu yang membuat hatinya sayu.

Maafkan mak kerana mak tak dapat berikan apa-apa kepada Melati selama ini. Katanya dengan matanya tepat kepada Melati. Aku rasa Melati faham apa yang disebutkan oleh ibunya. Melati menyapu air mata yang jatuh membasahi pipi ibunya itu.

Kamu semua dah makan? Tanya ibu Melati. Dia menarik nafasnya dalam-dalam.

Sudah aunty. Jawab Hamiza bagi pihak kami.

Kamu berdua tentu penat. Ujar ibu Melati memandang ke arah ku kemudian ke arah Tamrin yang memang nampak kelesuan.

Tamrin dan aku tidak menjawab. Kami hanya mampu tersenyum. Ibu Melati berdiri lalu berjalan masuk ke dalam biliknya. Kemudian dia keluar dengan kunci untuk bilik sebelah. Dia mengajak aku dan Tamrin ke bilik sebelah.

Bilik sewanya ini kosong. Yang ada cuma dua buah bangku kayu, sebuah kipas dan dua keping tilam yang disandarkan ke tepi dinding. Aku rasa bilik ini sudah cukup memadai untuk kegunaan kami berdua.

Bilik air dan dapur ada di belakang. Kamu duduk di sini, nanti aunty sediakan air. Katanya kepada kami.

Aku mengangguk. Tamrin meletakkan begnya ke lantai. Sejurus selepas ibu Melati keluar dari bilik ini, kami terus saling berpandangan.

Kau tahu rumah ini rumah apa, kan? Bisik Tamrin dengan perlahan kepada ku.

Aku menganggukkan kepala ku dengan perlahan. Dia tersenyum dalam kelesuannya seolah-olah memberitahuku bahawa selepas ini, kami tidak perlu bersoal jawab lagi dengan apa yang kami ketahui. Kemudian aku lihat Tamrin terus duduk di atas lantai lalu mengeluarkan laptop kesayangannya. Memang aku dah agak perkara macam ini tidak akan dijadikan satu isu baginya. Tamrin yang aku kenali tidak mahu menilai dan menghukum orang lain melalui perbuatan yang mereka lakukan.

Kita sebenarnya tidak berhak untuk menghakimi orang lain atau pun diri kita sendiri. Penghakiman adalah hak Tuhan, bukan manusia. Itulah kalimah-kalimah yang dikeluarkannya bila dia dapat lihat betapa sedihnya diri ku selepas aku membaca keratan-keratan akhbar yang hangat memperkatakan tentang bapak aku satu ketika dahulu.

Sayangnya, tak ramai manusia macam Tamrin di dalam dunia ini.

Aku mahu ke belakang... Aku nak ambil air sembahyang. Kata ku kepadanya. Aku perlu selesaikan sembahyang Isyak yang belum aku usai lagi.

Amat... Siapa nama ibunya? Tiba-tiba Tamrin bersuara. Aku menoleh ke arahnya di muka pintu.

Kalsom. Jawab ku perlahan. Itulah nama yang telah diberitahu oleh Melati kepada ku ketika aku bertanyakan soalannya yang sama kepadanya dahulu.

## Bab 14

Ibu Melati langsung tidak kelihatan seperti seorang wanita yang usianya sudah mencecah 40 tahun. Wajahnya nampak muda dan berseri-seri. Kini barulah aku sedar dari siapa Melati mewarisi kecantikannya.

Mak juga cantik orangnya. Walaupun kini aku dapat melihat bagaimana wajahnya dimakan usia dek pengkhianatan bapak aku terhadap dirinya. Mak cukup terseksa dengan apa yang telah dilakukan oleh bapak aku kepadanya. Dari seorang wanita yang ceria, dia berubah menjadi seorang wanita yang berduka setiap masa.

Pada awal pagi itu, sebaik sahaja aku bangun dari tidur, Tamrin telah meminta ku supaya mandi. Melati dan Hamiza sudah lama menunggu, katanya. Sejurus aku masuk tidur selepas aku sembahyang subuh mereka sudah mandi dan mengemaskan pakaian. Aku menggeliat. Aku lihat Tamrin sedang menelaah buku teksnya. Dia dah lama mandi dan bersiap. Bila aku tanya dia hendak ke mana, dia kata ibu Melati mahu membawa kami semua ke kampungnya.

Mana kampungnya? Tanya ku sambil menggosok mata ku yang kabur diselaputi tahi mata.

Tak jauh dari sini... Kampung Sawah Ring.

Oh.

Kita akan tinggal di sana malam ni.

Aku mengeluarkan tuala ku dari dalam beg. Aku mahu mandi. Apabila aku ke belakang, ke bilik air, aku dapat melihat Melati dan ibunya sedang menyediakan sarapan. Aku sempat senyum sebelum masuk ke dalam bilik mandi.

Pagi itu kami sarapan ringan. Kami makan roti dengan kaya. Kopi 'O' panas yang disediakan ibu Melati memang 'kau'. Terus aku rasa segar. Selepas sarapan kami semua naik kereta untuk ke Kampung Sawah Ring.

Ketika kami ke sana, ibu Melati memberitahu bahawa musim menuai akan tiba tidak lama lagi. Padi nampak keemasan saujana mata memandang. Dia menudingkan jarinya ke arah sebuah gunung yang menghiasi kawasan landai ini. Dia memberitahu kami bahawa apa yang ditunjukkan kepada kami itu adalah Gunung Ledang. Aku tak pernah menyangka aku akhirnya akan tiba ke tempat seperti ini.

Kami masuk ke kawasan kampung. Kami berhenti di sebuah rumah di tepi sawah. Rumah ini rumah arwah datuk dan nenek Melati yang sudah lama meninggal dunia. Di sana, kami diperkenalkan kepada Nek Saadah, nenek saudara Melati yang sudah tua tapi masih kuat lagi sihat tubuh badannya. Dia duduk di rumah ini dan menjaga sawah

bendang peninggalan datuk dan nenek Melati. Dia tak pernah berkahwin. Aku diberitahu, selama ini ibu Melati lah yang telah menjaga makan minumannya.

Nek Saadah cukup gembira dengan kedatangan kami. Agaknya sebab dia jarang ada pengunjung, jadi dia layan kami cukup-cukup. Dia sayang kepada Melati. Dia cium pipi Melati lalu memberitahunya betapa cantiknya Melati sekarang. Dia tunjukkan album lama Melati yang disimpannya baik-baik. Aku dapat melihat gambar-gambar lama Melati ketika dia kecil dahulu. Memang Melati seorang anak yang comel, sebab itu aku tak hairan jika Nek Saadah sayang dengan Melati. Sesiapapun akan sayang kepada seorang anak kecil yang comel wajahnya seperti Melati.

Tengah hari itu kami semua makan tengah hari di sebuah pondok kecil yang letaknya beberapa ratus meter dari kediaman Nek Saadah. Kami terpaksa meredah tanah bendang untuk ke sana. Aku beritahu kepada Tamrin aku tak pernah alami ini semua. Dia kata dia tahu. Aku dilahirkan di bandar Johor Baru di rumah datuk dan nenek ku di Larkin, kemudian aku dibesarkan di Shah Alam. Jadi semua ini adalah pengalaman baru bagi diri ku.

Melati dan ibunya memakai baju kebaya ketat berwarna putih. Ibunya membawa sebatang payung merah bersamanya lalu mereka berjalan berpimpin tangan berjalan merentas bendang. Sesekali Melati akan menoleh ke arah ku lalu melemparkan senyuman ke kepada ku. Desiran angin yang bertiup merendah lembut membelai rambut Melati. Tamrin aku lihat sedang memimpin tangan Nek Saadah sambil bercerita kepadanya tentang suasana kampungnya di Pulau Pangkor.

Gunung Ledang yang terletak nun jauh mbingkahi horizon kelihatan seperti lukisan di atas kanvas – dengan langit terang membiru ditambah dengan awan dan kabus berbalam-balam.

Bunyi apa tu Nek? Tanya ku apabila mendengar permainan muzik yang sayup-sayup kedengarannya.

Kempling... Cucu Wak Sanip kahwin hari ni. Nek Saadah memberitahu, kemudian dia mengingatkan ibu Melati supaya ke majlis makan malam perkahwinan Cucu Wak Sanip pada malam ini.

Perlu ke, Mak Ngah? Tanya Ibu Melati. Wajahnya berkerut.

Alah, jangan pedulik apa orang nak kata fasal kau. Kau pergi sahaja. Inikan majlis perkahwinan anak saudara kau jugak, Kalsom? Kalau bukan kerana duit yang kau sedekahkan, kau ingat majlis perkahwinan si Hassan tu boleh jadi macam ini meriah?

Ibu Melati terus diam. Dia tidak menjawab. Melati memandang penuh ke arah ibunya. Aku rasa dia tahu apa yang berlaku. Dia memegang tangan ibunya dengan erat, seolah-olah dia mahu menenteramkan perasaannya yang gusar pada saat itu.



Masakan Nek Saadah memang sedap, walaupun sukar untuk aku makan ayam yang aku sendiri tangkap dan disembelih Tamrin. Kalau ayam yang dibeli di supermarket atau di KFC senang pulak aku makan. Aku lihat Tamrin siap mintak nasi tambah lagi. Nek Saadah suka benar melayannya.

Kami duduk makan bersama sambil menikmati suasana yang indah di hadapan kami. Jiwa ku pada waktu itu terasa tenang, setenang tiupan angin yang membuatkan batang padi menari mengikut ayunan angin. Selesai makan, aku lihat Melati membawa ibunya berjalan di atas batas. Mereka duduk di atas bendang menghadap ke Gunung Ledang. Ada sesuatu yang ingin mereka ceritakan bersama.

Sesekali aku lihat ibu Melati menudingkan jarinya ke arah kepulan-kepuhan awan di hadapan mereka.

Apa yang mereka lakukan Hamiza? Tanyaku kepadanya tatkala Tamrin sedang sibuk berceletoh dengan Nek Saadah.

Aunty Kalsom akan bercerita tentang dirinya dengan menggunakan awan. Melati akan memahami apa yang terbuku di dalam hatinya dengan memandang kepada awan yang ditunjukkan kepadanya.

Aku dapat melihat ibu Melati menuding ke arah sekumpulan awak hitam yang berkepul-kepul berkumpul di atas Gunung Ledang. Kemudian aku lihat Melati mendakap tubuh ibunya dengan erat dan dengan penuh kesungguhan meminta ibunya jangan bersedih.

Orang-orang kampung menyisihkan mereka. Kata Hamiza akhirnya memberitahu kepada ku dengan suara perlahan.

Apa yang sebenarnya telah berlaku kepada Aunty Kalsom?

Ibu dan bapanya telah meninggal dunia ketika dia berusia 18 tahun... Kemudian dia jadi mangsa rogol. Mel... Hasil daripada kejadian hitam yang menimpa dirinya dahulu.

Mel tidak kenal siapa bapanya?

Tidak... Ketika itu dia bekerja di sebuah kilang berdekatan dengan bandar Muar untuk menyara hidupnya dan adik-adiknya, dia telah diculik kemudian dibawa ke pinggir hutan. Dia telah dirogol beramai-ramai. Ketika itu dia berusia 19 tahun, Emmet.

Cerita Hamizah membuat tekak ku tiba-tiba terasa kering dan sakit.

Orang kampung terus menyisihkannya bila mereka dapat tahu tentang perkara ini, lebih-lebih lagi apabila dia sarat mengandung. Hanya pelacur-pelacur di Pekan Bukit Gambir yang sanggup menjaganya pada waktu itu, sehinggalah Mel dilahirkan. Mereka

jugalah yang telah menjaga Mel sehingga dewasa. Aunty Kalsom pula terus bekerja di sana agar dia dapat menjaga Mel dan adik-adiknya yang lain ketika itu masih bersekolah.

Apa jadi kepada keluarga Aunty Kalsom yang lain? Apa jadi kepada adik-adiknya yang lain yang telah dibesarkannya sendiri?

Mereka masing-masing kini ada kehidupan mereka sendiri... Tak ada seorang pun yang mahu pulang ke sini untuk menjenguknya atau menjenguk Nek Saadah yang telah menjaga mereka dahulu. Mungkin mereka malu dengan apa yang dilakukan oleh Aunty Kalsom selama ini... Entahlah Emmet.

Kenapa manusia ni kejam, Hamiza? Tanya ku dengan perlahan.

Hamiza menaikkan kedua belah bahunya. Dia tidak mungkin dapat menjawab soalan ku ini.

Kadangkala saya rasa semuanya ini tak adil. Ucap ku perlahan. Aku memikirkan tentang nasib yang menimpa Melati. Aku juga memikirkan tentang nasib yang menimpa diri ku, ibu ku dan adik-adik ku sendiri. Hati ku kini sudah sebal.

Emmet, Aunty Kalsom pernah beritahu kepada Mel supaya jangan jalan melangkah ke belakang. Walaupun perlahan langkahnya, dia harus berjalan maju ke hadapan.

Apa maksudnya?

Emmet, Aunty Kalsom pernah beritahu kepada Mel supaya jangan jalan melangkah ke belakang. Walaupun perlahan langkahnya, dia harus berjalan maju ke hadapan. Kata Hamiza, seolah-olah dia tahu tentang latar belakang ku dan apa yang membelenggu perasaan ku selama ini.

Aunty Kalsom berkata begini kepada Mel?

Ya. Dia juga beritahu kepada Mel supaya jangan sekali-kali berputus asa di dalam hidup. Kehidupan ini memang banyak dugaannya, Emmet. Jika kita mahu kecapai kebahagiaan, kita tak harus senang berputus asa.

Aku turun dari pondok tempat ku berteduh. Aku berjalan beberapa tapak ke hadapan sehingga ke tepi bendang. Aku terus termenung ke hadapan. Aku tarik nafas ku dalam-dalam kemudian aku menutup mata ku rapat-rapat. Aku biarkan cahaya terik memamah wajah ku. Aku biarkan sepoi angin menyapu wajah ku yang letih.

Apabila aku membuka mata ku, aku dapat melihat Melati dan ibunya masih duduk memandang ke awan berteduhkan sebatang payung merah menyala. Semangat mereka kental untuk melalui kehidupan ini yang serba tak kena untuk mereka.

Kepada awan kini ku khabarkan tentang darah jiwa ku yang tidak berwarna.  
Kepada awan ku ceritakan tentang kisah kesepian yang kian mencengkam jiwa ku.

Bila keinginan semakin pudar. Tatkala jiwa tidak lagi berkobar. Ketika harapan semakin samar. Kepada awan ku luah perasaan.

## Bab 15

Nek Saadah berkeras meminta Aunty Kalsom pergi ke majlis perkahwinan anak saudaranya yang bernama Hassan. Walaupun Aunty Kalsom tidak memberikan sebarang kata putus, Nek Saadah terus meminta kami supaya bersiap untuk ke majlis perkahwinan yang diadakan tidak berapa jauh dari rumah Nek Saadah. Aku dan Tamrin sememangnya tak membawa apa-apa pakaian yang istimewa, jadi kami sekadar memakai baju T dan seluar jeans. Tamrin kata, orang lelaki tak payah pakai baju cantik-cantik. Tak ada orang nak tengok. Perempuan lain lah, kena bersolek cantik. Katanya lagi.

Kami ke majlis perkahwinan Hassan sejurus selepas solat Maghrib. Nek Saadah suruh aku imamkan solat Maghrib tu. Aku menurut sahaja tanpa banyak soal. Aku rasa mesti Nek Saadah ingat aku ni budak baik...

Majlis perkahwinan yang kami hadiri itu berjalan dengan meriah. Ramai penduduk-penduduk kampung yang hadir.

Aku dapati ramai hadirin yang berbisik sesama mereka apabila mereka melihat kelibat Aunty Kalsom di majlis perkahwinan ini. Walaupun begitu, Aunty Kalsom sedaya mungkin tidak mahu mengendahkan ini semua. Dia bersama Melati terus berjalan dengan wajah yang yakin lalu duduk di meja makan.

Memang Melati nampak cantik pada malam itu. Aku tak sangka Melati boleh kelihatan begitu anggun dengan baju kebaya yang dipinjam dari ibunya.

Dah, jangan nak merenung kat anak dara orang macam tu! Tamrin menyiku ku. Aku tersipu-sipu. Makanan dihidangkan untuk kami. Melati, Hamiza, ibunya dan Nek Saadah makan di sebuah meja agak jauh dari kami. Seseekali aku mencuri pandang ke arah mereka.

Aku sebenarnya tak suka ke majlis perkahwinan macam ini, rimas! Ada satu masa mak selalu bawak aku ke majlis perkahwinan yang terpaksa di hadirinya untuk menggantikan tempat bapak aku kerana dia selalu sahaja sibuk. Sekarang, aku rasa jarang sekali mak dijemput ke mana-mana majlis perkahwinan macam dulu. Dah ramai kawan-kawannya yang menyisihkannya. Mak dah hilang ramai kawan-kawannya kerana apa yang telah dilakukan oleh bapak aku.

Setelah aku kenyang makan nasi minyak, aku mengajak Tamrin melihat pertunjukan kuda kepong yang diadakan di perkarangan rumah pengantin. Aku nak tengok sangat tarian kuda kepong ini kerana aku tak pernah melihatnya. Nama aja aku ni orang Johor, tapi benda-benda macam ni memang cukup asing bagi ku.

Apabila pertunjukan ini diadakan, aku dapat melihat Melati, ibunya dan Hamiza berada di kalangan penonton. Mereka menyaksikan pertunjukan ini betul-betul bertentangan dengan ku. Banyak kali aku lihat Melati akan memandang ke arah ku sambil tersenyum.

Sekumpulan budak-budak kampung yang nampak macam budak skinhead menonton sama. Mereka berasak-asak di belakang ku. Mereka banyak buat bising - hu hah sana hu hah sini semasa tarian kuda kepang diadakan. Dua tiga kali aku memandang ke arah mereka dengan harapan mereka diam. Tapi semakin menjadi-jadi pula mereka buat gempak tak kenal tempat dan masa.

Eh, cun sial anak pelacur tu. Kata seorang dari mereka.

Dia pekak lah bodoh! Bisu pulak tu! Kata seorang lagi.

Itulah, mak aku kata sebab dosa dia jadi pelacur. Sebab tu anak dia jadi bisu macam tu. Kata budak yang aku lihat sedang memakai sepasang baju-t dengan tanda salib swastika dengan penuh bangga tanpa mengetahui makna sebenar salib swatika yang menjadi kebanggaannya itu.

Aku menoleh ke arah Tamrin. Dia renung ke wajah aku. Aku tahu dia tahu aku sedang marah. Darah aku sedang menggelegak. Dia mahu memberitahu ku dengan renungan matanya bahawa aku harus berdiam diri sahaja. Tapi aku tak boleh nak diam. Aku tak boleh biarkan budak-budak poyo dari kampung berangan skinhead Malay Power haram jadah ni kutuk-kutuk Melati dan ibunya macam ni.

Eh, korang ni semua ingat korang dah bagus sangat ke apa? Kata ku dengan suara marah.

Kau ni siapa nak marah member-member aku? Tanya budak skinhead yang besar tubuhnya yang menjadi ketua budak-budak skinhead ini.

Aku nampak dia datang dengan pelacur besar tu tadi. Kata seorang lagi.

Perangai kau dengan member-member kau satu-satu memang macam pukimak, kau tahu tak?

Budak ketua skinhead tu tunjal kepala aku macam bapak aku tak bayar fitrah. Tapi bila aku fikirkan balik, agaknya bapak aku memang tak bayar fitrah untuk aku tahun ni. Apa-apa pun, dia dah buat aku marah sampai aku tak boleh tahan lagi kemarahan aku. Masa tu aku langsung tak boleh kawal lagi tahap kemarahan aku.

Aku melepaskan tumbukan ke arah budak skinhead berbadan besar yang tunjal kepala aku tadi. Aku tak tahu di mana aku tumbuk dia, tapi aku ada lihat dia tutup mata kiri dia dengan tangannya. Budak-budak lain aku tengok ambil peluang ini untuk keroyok aku beramai-ramai.

Orang-orang yang tak berkenaan masing-masing tak mahu masuk campur lalu menjauhkan diri mereka dari kami. Tarian kuda kepang diteruskan juga. Aku rasa penari-penarinya sedang khayal dengan tarian masing-masing. Kemudian tanpa aku sedari, aku

diterajang dari belakang sampai aku terjatuh di atas tanah. Bila aku terjatuh tersungkur, kepala aku disepak oleh seorang budak skinhead dengan butnya sehingga aku rasa hendak pitam jadinya. Kepala aku rasa pedih. Bila aku pegang kepala aku, aku dapat lihat darah merah pekat membasahi tangan ku.

Masa tu aku terus toleh ke arah penonton. Aku dapat lihat wajah Melati yang sedang tergamam. Dia mahu mendapatkan aku, tapi Hamiza menahannya. Apabila aku menoleh ke hadapan, aku dapat melihat Tamrin cuba menepis serangan budak-budak skinhead ini terhadap ku dengan melawan balik. Aku hampir terlupa bapak Tamrin ni guru silat di kampungnya, jadi seorang demi seorang budak-budak haram jadah ini ditumbangkannya. Seorang dari mereka aku lihat mulutnya bercucur dengan darah.

Sudah! Hentikan! Jerit Aunty Kalsom. Nek Saadah beristighfar sambil mengurut dadanya. Semua orang terdiam. Penari-penari kuda kepang yang aku fikir dah naik seh tu pun terdiam sama. Mereka semua memandang ke arahnya.

Tamrin hulurkan tangannya agar aku dapat berdiri. Dahi ku dibasahi darah. Melati cepat-cepat mendapatkan ku lalu mengambil sapu tangannya untuk menutup bahagian luka pada bahagian kepala ku.

Nek Saadah memberitahu kepada Tamrin supaya membawa aku pulang ke rumahnya. Tamrin mengangguk lesu. Aunty Kalsom nampak serba tak kena. Dia berjalan ke hadapan. Orang ramai membuka jalan untuk kami. Mereka semua memandang ke arahnya tanpa sepetah ayat pun keluar dari mulut mereka. Nek Saadah pula marah-marah kepada budak-budak skinhead yang dikenalnya sejak mereka kecil lagi. Nek Saadah adalah bidan kampung yang dihormati. Jadi bila dia marah-marah macam ni, semua orang terdiam. Tak seorang pun yang berani melawannya.

Melati terus berjalan di sisi ku dengan tangannya terus ke bahagian luka di kepala ku. Aku toleh ke arah Hamiza. Aku lihat dia sedang memeluk tubuhnya. Tamrin pula hanya menggenggelkan kepalanya.

Sesampainya aku di anjung rumah, Aunty Kalsom meminta aku membuka baju ku yang dibasahi darah itu. Aku menurut sahaja. Dia meminta Hamiza dan Melati membawa air panas dan kain bersih. Si Tamrin duduk di sebelah ku di atas anjung. Aunty Kalsom bertanyakan kepada Tamrin apa yang sebenarnya telah berlaku. Dengan teragak-agak Tamrin menceritakan segala-galanya. Aunty Kalsom mengeluh. Dia kata aku sepatutnya diam sahaja. Tapi aku beritahu kepadanya budak-budak skinhead tu memang biadab dan perlu diajar supaya jangan biadab lagi.

Melati dan Hamiza muncul dengan kain bersih dan air panas yang diletakkan di dalam bekas plastik yang cetek. Aunty Kalsom membasahkan kain dengan air panas lalu mengelap kesan-kesan darah di atas kepala ku.

Aduh! Getusku menahan pedih apabila luka di kepala ku terkena air panas.

Tu lah, siapa suruh awak bergaduh? Bebel Hamiza. Aku menjeling ke arahnya. Dia ni macam tak reti-reti aku cukup pantang mendengar perempuan membebel macam ni.

Sudah, kamu berdua masuk ke dalam. Perintah Aunty Kalsom kepada Hamiza dan kepada Melati. Mereka berdua menurut sahaja, walaupun aku dapat melihat Melati masuk ke dalam rumah dengan penuh keberatan.

Tamrin kemudian membawa dirinya lantas duduk diam di hujung anjung berdekatan dengan anak tangga sambil memandang kosong ke hadapan. Aku tak tahu apa yang sedang difikirkannya pada ketika itu. Tapi aku rasa dia marah kepada ku kerana telah memulakan pergaduhan ini sehingga menyebabkan dia terpaksa masuk campur.

Aku memandang ke arah bekas plastik dipenuhi dengan air panas yang kini berubah merah. Aku mengeluh seorang diri. Kalau mak aku tahu aku bergaduh sampai pecah kepala aku begini, mesti dia marah.

Kau tahu mak kau pernah amanahkan kepada abang Rastam dan aku supaya jaga kau baik-baik, sebab dia kata kau ni kepala angin? Macam bapak kau jugak! Ujar Tamrin tiba-tiba kepada ku. Sah lah sekarang dia memang marahkan aku. Dia terus mendengus lalu masuk ke dalam rumah.

Aku memang rasa sedih bila Tamrin berkata begini kepada ku. Lebih-lebih lagi apabila dia kata aku ni tak ubah macam bapak aku.

Aku rasa cukup-cukup bersalah. Aku mengeluh seorang diri. Aku memang suka sangat menyusahkan orang yang ambil berat terhadap diri ku seperti Tamrin.

Dalam pekerjaan yang aunty lakukan... Bermacam-macam jenis manusia yang Aunty dah jumpa. Kata Aunty Kalsom tiba-tiba kepada ku. Dia memerah kain basah yang digunakan untuk membersihkan kepala ku ke dalam bekas plastik.

Aunty dapat rasakan Emmet ada simpan lipatan cerita panjang jauh di dalam lubuk hati Emmet tu. Aunty tak tahu apa yang Emmet simpan selama ini, tapi Aunty tahu, Emmet kadangkala rasa susah dan terlalu berat untuk menanggungnya.

Aku menganggu perlahan. Aku tak tahu macam mana dia boleh baca isi hati ku. Tapi apa yang dikatakannya itu memang betul.

Luka yang ada di dalam hati kita itu perlu kita ubati sebelum ia bernanah, Emmet.

Kepala ku terasa berdenyut-denyut. Tapi aku rasa darah ku sudah berhenti dari mengalir. Aunty Kalsom kata luka aku memang dalam, tetapi tidak lah seteruk yang difikirkannya. Dia kata bila Nek Saadah tiba nanti, tahulah dia untuk menyembuhkan luka ku ini.

Luka di kepala Emmet ini senang sahaja sembuh, tapi luka di hati...

Bagaimana kita nak sembuhkan luka di dalam hati kita, aunty? Tanya ku bersungguh-sungguh. Aku mahukan jawapan darinya.

Aunty Kalsom ingin membuka mulutnya untuk menjawab, tetapi dia terus diam membisu apabila Nek Saadah muncul dari dalam gelap lalu naik ke rumahnya. Aku lihat Nek Saadah memandang ke arah ku dengan wajah penuh simpati. Dia kata memang bagus budak-budak skinhead di kampungnya itu dihenyak Tamrin - seorang dari mereka patah tangannya dan seorang lagi terseliuh kakinya. Menurut Nek Saadah lagi, mereka memang patut diajar begitu kerana mereka memang suka membuat kacau di kampung ini.

Emmet perlu dapatkan jawapan yang Emmet cari itu sendiri. Bisik Aunty Kalsom kepada ku. Nek Saadah mengambil kain yang dipegang Aunty Kalsom lalu membaca sesuatu sebelum dia meniupkan nafasnya ke bahagian luka di kepala ku. Aku lihat Aunty Kalsom masuk ke dalam rumah untuk mendapatkan Melati tanpa menoleh ke belakang.



## Bab 16

Sejak aku pulang dari Muar, aku dapati aku macam rasa semakin dekat dengan Melati. Aku pun tak tahu kenapa. Mungkin kerana Aunty Kalsom dan Nek Saadah melayan aku dengan baik. Walaupun begitu, aku akui bahawa aku masih dapat merasakan terdapat satu jurang di dalam hubungan aku dengannya. Aku masih tidak tahu menggunakan bahasa isyarat dengan fasih walaupun banyak dah aku belajar. Jika kami berdua, buku nota kecil lah yang menjadi perantaraan di antara kami. Aku kurang pasti jika Melati benar-benar faham apa yang tersirat di dalam isi hati ku – bahawa aku mula menyukainya lebih dari seorang kawan.

Aku bertanyakan Melati tentang apa yang diberitahu Hamiza tentang awan dan bagaimana ibunya menggunakan awan untuk mengkomunikasikan apa yang terkandung di dalam hatinya. Melati tersenyum, lalu dengan besar hati mahu mengajar ku tentang jenis-jenis awan dan makna di sebaliknya awan-awan tersebut.

Dari Melati, aku diberitahunya bahawa terdapat banyak jenis awan di langit, tetapi dia telah merumuskan tiga jenis awan yang paling utama agar senang aku fahami maknanya secara kasar:

JENIS AWAN	MAKNA AWAN
<u>Awan Stratus</u>  Dalam bahasa Latin, stratus membawa maksud sesuatu yang terbentang. Awan-awan seperti ini kelihatan rata terbentang di angkasa seperti selimut tebal menyelimuti langit.	  Kerana awan ini kelihatan seperti langit rendah atau kabus di tanah, ia ada kalanya akan menimbulkan suasana misteri lebih-lebih lagi pada waktu pagi. Awan stratus boleh membawa makna kepada perasaan yang terpendam - lebih-lebih lagi apabila awan ini melindungi matahari dari menyinari bumi...
<u>Awan Kumulus</u>  Dalam bahasa Latin, kumulus membawa maksud sesuatu yang bertimbun-timbun. Awan-awan kumulus kelihatan berkepul-kepul seperti kecapas gergasi yang terapung di udara. Awan kumolonimbus adalah awan dengan kepulan kelompok besar berwarna hitam dan putih dengan bentuk pelbagai rupa. Awan ini membawa hujan yang disertai dengan petir dan kilat.	  Ada kalanya, awan yang berbalam-balam ini boleh membawa maksud sesuatu yang sedih dan muram. Tahap kesedihan yang kita alami boleh ditafsirkan melalui bagaimana terbentuknya awan kumulus ini. Awan yang berbalam-balam dan gelap boleh membawa maksud perasaan yang lara. Jika awan jenis ini kelihatan putih melepak pula, ia akan membawa tafsiran yang sebaliknya. Kita boleh memahami maksud yang tersirat melalui corak awan yang ada kalanya akan terbentuk mengikut corak-corak yang kita kenali.

<p><u>Awan Sirrus</u></p> <p>Dalam bahasa Latin, sirrus membawa maksud jambul atau rambut yang ikal. Awan ini jika diperhatikan akan kelihatan seperti 'cotton candy'. Awan jenis ini terbentuk jauh dari paras muka bumi dan selalunya kelihatan indah menghiasi awan yang membiru.</p>	<p>Awan yang nipis ini membenarkan banyak cahaya matahari membasahi bumi. Ia boleh membawa maksud ketenangan dan keceriaan.</p>
--	---

Pada petang itu aku bawa Melati ke tempat rahsia ku. Satu tempat yang sering aku kunjungi jika aku ada menghadapi masalah atau jika aku mahu lari dari segala-galanya. Tak ada sesiapa pun yang tahu tentang tempat ini termasuklah Tamrin. Aku memilih tempat ini sebagai tempat rahsia ku kerana tak ramai orang tahu tentang tempat ini. Aku rasa aku dapat melarikan diri ku dari segala-galanya apabila aku ke sini...

Aku bawa Melati ke flat PKNS yang terletak di kampung baru. Aku dan dia menekan lif ke tingkat yang teratas lalu kami ke bahagian paling tepi menara flat ini. Di sini terdapat sebuah tangga besi yang dapat digunakan untuk ke tingkat bawah. Aku dapati Melati agak gayat apabila aku membawanya ke sini, lalu aku terpaksa memimpinnya.

Di situ aku menunjukkan kepada Melati panorama Kuala Lumpur yang tersergam indah. Melati tidak pernah melihat Kuala Lumpur dari sudut ini, jadi aku lihat dia tergamam buat seketika. Dia terus memegang tangan ku dengan erat.

Aku beritahu kepadanya dia boleh melihat awan dengan lebih jelas di sini. Melati mengangguk setuju. Dia menghirup udara petang dalam-dalam lalu memandang ke arah setiap awan yang terbentang luas di hadapannya.

Melati menundingkan jarinya ke arah sebetuk awan dari jenis awan kumulus. Dia menulis ke dalam buku notanya:

Arnab

Aku ketawa kecil. Kemudian aku menundingkan tangan ku ke arah awan yang lain. Aku tulis ke dalam buku notanya:

Muka Hamiza ketika dia sedang monyok

Melati mencubit bahu ku. Dia ketawa. Aku ketawa.

Apabila dia terdiam aku memberitahunya bahawa aku menyayanginya. Melati hanya merenung ke dalam wajah ku. Aku rasa dia tidak faham apa yang telah aku luahkan kepadanya tadi.

Saya sayang awak, Mel. Kata ku lagi. Dia masih tidak dapat menangkap apa yang telah aku luahkan kepadanya.

Tanpa aku sedari, inilah kali pertama aku mengucapkan kata-kata ini dengan jujur. Aku sendiri pada mulanya tidak sedar perkataan ini terpacul dari mulut ku. Aku terpaksa mengambil masa beberapa saat untuk memproses bahawa perkataan ini telah aku sebutkan sendiri dari dalam hati ku.

Melati meminta aku menulis apa yang telah aku sebutkan kepadanya tadi. Dia ingin tahu. Dia kata dia hairan melihat wajah ku tiba-tiba sahaja nampak serius. Dia tanya jika aku demam. Aku kata tidak, aku memberitahunya aku kepenatan.

Melati menerima jawapan yang aku berikan walaupun wajahnya nampak curiga.

Aku mula sedar bahawa luahan hati ku mungkin sukar untuk difahami Melati.

Dalam bentuk kata-kata, perasaan yang aku alami ini muncul dalam pelbagai bentuk dan manifestasi:

*Cinta*

*Kasih*

*Sayang*

*Sukma*

*Rindu*

Setiap satu dari perkataan yang aku gunakan dapat memberi makna kepada apa yang aku alami dan rasakan. Tetapi aku tak tahu jika perkataan-perkataan ini akan membawa sebarang makna untuk Melati.

Untuk membuatkan Melati memahami tentang perasaan ku kepadanya, aku mungkin terpaksa bekerja dengan lebih keras lagi. Aku perlu tahu bagaimana untuk menyebut kata-kata cinta dalam bentuk bahasa yang difahaminya. Aku perlu belajar caranya.

Lama juga kami duduk di anak tangga besi di tepi flat PKNS itu. Melati duduk diam sambil memandang ke arah awan-awan di hadapannya. Ada kalanya dia akan menyelak rambut ku untuk melihat bahagian kepala ku yang luka. Aku beritahu kepadanya luka ku dah baik.

Melati tahu aku bergaduh minggu lepas di kampungnya kerana aku mahu mempertahankan maruahnya.

Saya tak mahu awak bergaduh lagi. Katanya di dalam tulisannya di atas buku notanya.

Aku mengangguk perlahan. Dia rasa aku tak serius. Dia pegang dagu aku. Dalam pandangan matanya, aku tahu dia suruh aku janji supaya jangan cepat naik angin lalu bergaduh tak tentu fasal. Sekali lagi aku menganggukkan kepala ku, tapi kali ini dengan lebih tegas lagi.

Pada malam aku dipukul oleh budak-budak skinhead Sawah Ring, aku dapat tahu dari Hamiza, Melati terus menangis di dalam biliknya apabila ibunya merawat ku. Melati takut akan kehilangan ku. Aku beritahu Melati, luka aku di kepala tu sikit sahaja, bukannya boleh dibawa mati. Tetapi Hamiza kata aku tidak melihat keadaan diri ku pada malam itu. Darah merah pekat membasahi muka serta baju ku. Hamiza kata dia ngeri melihat keadaan ku, tapi Melati langsung tidak mengendahkan itu semua. Dia terus menutup luka ku sehinggalah aku sampai ke rumahnya.

Dia sayangkan awak, Emmet. Itulah kata Hamiza kepada ku.

Aku memegang tangan Melati. Hari beransur gelap. Aku membawanya turun ke tingkat bawah lalu membawanya ke tempat aku meletakkan motor ku. Aku dah janji nak bawa dia ke Bukit Bintang, jadi aku bawa dia ke sana. Melati perlu mencari software anti-virus untuk komputernya. Setelah kami dapat mencari software yang dicarinya, aku memberitahunya perut aku lapar.

Kita makan, ya? Saran ku kepadanya dengan isyarat tangan yang paling senang aku hafal. Dia mengangguk.

Aku keluarkan dompet aku. Aku tak banyak duit. Aku tak sentuh lagi duit yang bapak aku bagi dan kalau boleh aku tak mahu sentuh duitnya itu. Aku tahu dari mana dia dapat duitnya itu. Aku tak mahu duit hasil yang didapatinya dari melindungi manusia yang bersalah.

Disebabkan aku tak ada duit, aku bawak Melati masuk ke 7Eleven yang terletak di Bintang Walk. Aku tanya kepadanya jika dia tak kisah aku bawanya makan di sini. Dia kata dia tak kisah. Di mana-mana pun boleh. Aku suruh dia duduk di bangku dan meja berdekatan. Meja itu menghadap ke arah Bintang Walk.

Aku beli nasi lemak dua bungkus dan air dua tin. Aku masukkan nasi lemak yang aku beli ke dalam microwave. Bila dah panas aku bawa bungkus nasi lemak ke tempat makan. Aku buka bungkus nasi lemak Melati dan air tinnya. Aku hidangkan makan malamnya.

Bila saya ada duit nanti, saya belanja awak makan kat restoran di depan tu, ya? Kata ku, sambil memikirkan tentang beberapa buah restoran eksklusif yang terdapat di sini. Apabila aku menoleh ke arahnya, aku dapati dia tidak tahu aku telah mengatakan ini semua kepadanya. Matanya terus kepada makanan yang aku hidangkan. Beberapa saat kemudian dia menoleh kepada ku. Dia tersenyum. Dia tanya mengapa aku tak makan. Aku ambil sudu plastik, terus aku suap nasi lemak yang aku beli ke mulut ku.

Aku rasa kehadiran Melati pada malam itu bersama ku sudah cukup untuk membuat ku rasa bahagia. Tak apalah jika dia tak tahu bahawa aku sayang kepadanya...

## Bab 17

Semalam. Semasa aku pulang dari kuliah, aku dapati bapak aku sedang menunggu di bawah kondominium. Aku lihat dia menunggu aku macam along tunggu orang yang tak bayar hutang. Aku macam tak percaya bila aku lihat kelibatnya di situ. Aku rasa dah lama dia tunggu aku di situ. Sanggup dia tunggu aku sampai aku balik dari kuliah.

Aku ingat nak melarikan diri ku darinya, tapi dia cepat-cepat berjalan ke arah ku. Dia panggil nama ku. Aku mengeluh seorang diri. Aku tak tahu apa silap aku sehingga aku perlu menghadapi ini semua.

Ke mana Amat nak pergi tadi? Dia bertanya apabila dia nampak aku nak pusing berjalan ke arah tempat aku letak motosikal ku.

Aku tidak menjawab. Aku tutup mulut aku. Tapi aku tak tahu sampai bila aku mampu berdiam macam ni.

Amat dah dapat duit yang papa serahkan kepada Amat kelmarin?

Aku mengangguk perlahan. Dia bagi aku duit lagi. Tapi memang aku bertekat tak mahu sentuh duit yang diberikannya.

Jom kita keluar makan, Amat.

Aku memandang ke kiri, ke atas, ke depan. Aku tak tahu apa mimpi dia sehingga dia nak ajak aku keluar makan.

Saya ada banyak kerja kena siapkan.

Tak kan lah kita keluar makan malam sekejap pun tak boleh?

Aku tak tahu apa yang patut aku lakukan. Aku rasa macam nak cepat-cepat lari masuk dalam lif kemudian masuk ke dalam rumah dan kunci pintu rumah rapat-rapat. Tapi aku bukan budak kecil. Sampai bila aku boleh melarikan diri ku darinya.

Apa kata papa bawak Amat makan Sate Kajang di Awan Besar? Amat masih suka makan sate, kan?

Papa nak apa sebenarnya ni, pa? Aku bertanya dengan meninggikan suara ku.

Aku lihat wajahnya terkerut.

Papa rindu dengan Amat.

Pa, Amat bukan budak kecil lagi, pa...

Papa tahu, Amat... Tapi Amat tetap anak papa.

Hubungan kita dah tak macam dulu lagi, pa!

Papa mintak maaf. Katanya perlahan. Aku hampir-hampir tidak dapat mendengar suaranya itu. Jadi aku memintanya mengulangi kata-katanya tadi kepada ku.

Papa minta maaf kepada segala apa yang telah berlaku.

Papa tahu saya tak mungkin dapat maafkan papa—

Baiklah, tapi sekurang-kurangnya Amat mesti terima papa kembali ke dalam hidup Amat.

Aku memandang ke dalam wajahnya. Aku lihat wajahnya memang nampak kacak. Tubuhnya masih nampak tegap dan segak untuk lelaki yang seusia dengannya. Aku pasti apabila aku mencecah usianya nanti, aku akan kelihatan sepertinya. Apa-apa pun, wajahnya itu masih sama dengan wajah manusia yang paling aku sayangi dahulu. Pernah satu ketika dahulu aku lebih menyayanginya dari aku sayang mak aku sendiri. Hubungan dia dengan aku lebih dari hubungan seorang anak dengan ayahnya, aku anggap dia macam kawan aku sendiri. Dia jadi tempat aku mengadu. Bila mak aku pukul aku, aku mesti mengadu kepadanya dengan mengharapkan dia akan memarahi mak aku. Bila aku mimpi basah ketika aku berumur 11 tahun, aku tanya dia apa yang sebenarnya berlaku kepada diri ku. Masa tu dia kata aku dah akil baligh, aku dah kena tanggung dosa aku sendiri dan dah boleh buat anak. Dia akan jawab soalan-soalan yang aku tujukan kepadanya dengan matang, seperti kenapa aku tidak boleh henti-henti berfikir fasal s perempuan atau kenapa dia tak bagi aku jadi askar dan mahu aku jadi seorang jurutera sepertinya.

Pa... Hubungan kita dah tak macam dulu lagi, pa!

Kenapa?

Kenapa sekarang baru papa cari saya?

Bila papa nampak Amat di Mid Valley, papa mula sedar mengapa selama ini papa merasa seperti kehilangan sesuatu di dalam hidup papa. Papa rindukan Amat. Papa rindukan Hani dan Nanti... Juga mama.

Aku benci bila dia sebut nama adik-adik ku dan mak aku. Aku rasa aku dah tak larat lagi nak layan dia. Kemudian tiba-tiba pintu lif terbuka. Aku dapat lihat Raslan dan Tamrin keluar dari pintu lif.

Eh, lambat aku tunggu korang kat sini! Getus ku ke arah mereka yang terpinga-pinga melihat ku. Pa, saya kena pergi. Saya nak ikut diorang tengok wayang kat Mid Valley... Cerita Indon.

Aku tinggalkan bapak aku macam tu jer. Aku terus ikut Tamrin berjalan ke arah tempat dia meletak kereta. Aku tak berani nak toleh ke belakang.

You all, apa ni? Tanya Raslan kepada Tamrin. You all tak cakap pun dia nak ikut kita sekali tengok wayang!

Tamrin menjeling ke arah ku. Dia terus berjalan lalu masuk ke dalam kereta. Aku terus duduk di sebelahnya sambil memeluk topi keledar ku dengan erat. Dengan pantas dia menghidupkan enjin kereta lalu bergerak keluar dari kawasan meletak kereta.

Aku masih dapat melihat bapak aku berdiri di tempat tadi sambil memandang ke arah ku. Wajahnya nampak kecewa. Aku rasa serba salah.

So... Kau nak ke mana ni? Tanya Tamrin akhirnya apabila keretanya menuju dekat ke arah stesen LRT Universiti.

Aku ikut kau jelah.

Kau takut nak balik rumah?

Ya.

Hasnah ada you all. Ujar Raslan kepada ku. Dia pandang-pandang aku menunggu jawapan.

Aku tahu lah! Sambut ku akhirnya. Aku lagi sanggup berhadapan Hasnah dari terpaksa menghadapi bapak aku sendiri.

Tapi nanti apa pulak dia kata!

APA AKU PEDULIK DIA NAK KATA APA! Sergah ku sampai dia terdiam dengan matanya terkebil-kebil.

Aku lihat Tamrin senyap sahaja. Dia tak mahu masuk campur. Lagu Siti Nurhaliza berkumandang di radio. Dia kuatkan volume radio. Dia tak mahu aku dan Raslan bertengkar di dalam kereta.

Kami menemui Hasnah di hadapan panggung GSC Mid Valley. Dia nampak terkejut melihat aku datang bersama Tamrin dan Raslan. Dia memandang ke arah Raslan untuk penjelasan. Raslan membisikkan sesuatu ke telinganya.

Hello. Kata ku dengan suara kelat.

Hi, Amat. Jawab Hasnah nak tak nak. Dia langsung tak mahu memandang ke arah ku.



Aku nak beli tiket. Ujar Tamrin. Dia meminta wang dari Raslan dan Hasnah. Aku korek poket ku untuk cari wang untuk tengok wayang. Tamrin hanya menjeling. Dia tahu aku tak ada duit.

Sorry lah, aku tak ada duit. Kataku dengan jujur. Macam ni, aku lepak-lepak kat sini tunggu korang semua habis tengok wayang. Dah habis nanti, korang SMS aku.

Hasnah beri Tamrin dua keping wang RM10. Dia suruh Tamrin belikan tiket aku sekali. Aku fikir aku nak halang, tapi Tamrin melulu ke tempat membeli tiket. Aku pandang ke arah Hasnah dengan wajah serba salah. Sebenarnya aku segan bila dia keluarkan duit untuk aku, lebih-lebih lagi sekarang bila aku dengan dia dah tak ada apa-apa hubungan lagi.

Selepas membeli tiket, Tamrin menyerahkan tiket yang dibelikannya secara rambang kepada kami. Cerita yang ingin kami tonton berkisar tentang percintaan antara dua orang remaja di Jakarta. Cerita cinta. Malas betul aku nak tengok cerita macam ni. Aku rasa mesti aku akan tertidur dalam panggung.

Di dalam panggung aku dapati aku terpaksa duduk di sebelah Hasnah. Aku ingatkan aku nak tukar tempat duduk dengan Raslan, tapi dah terlambat. Mereka semua cepat-cepat duduk di tempat masing-masing.

Panggung masih kosong. Raslan dan Tamrin tak habis-habis berbual. Hasnah pula diam terpaku. Aku rasa serba salah.

Saya dengar awak dah ada awek. Katanya tiba-tiba kepada ku.

Ya. Dengan pantas aku menjawab.

Cepat awak gantikan tempat saya...

Aku menoleh ke arahnya. Aku lihat matanya masih terpaku ke tirai panggung yang masih belum terbuka. Aku mengeluh.

You all nak pop-corn tak? Tanya Raslan kepada Hasnah. Hasnah mengangguk. Raslan mengajak Tamrin menemaninya untuk membeli pop-corn di lobi.

I really miss you, Emmet. Hasnah memberitahu. Aku tak tahu apa nak jawab. Aku tak pandai nak melayan jiwa awek-awek macam Hasnah yang sudah aku tinggalkan.

Dah lah... Dah tak ada apa lagi di antara kita. Lagipun, awak tahu saya ini anak siapa. Saya mana boleh adakan apa-apa hubungan dengan awak. Nanti apa pula kata orang.

Tapi awak bukan bapak awak, Emmet.

Sekali lagi aku menoleh ke arahnya. Aku tak tahu apa yang dia mahukan dari aku.

Satu perkara yang paling saya takut adalah satu hari nanti saya akan jadi macam dia. Dia bapak saya, Hasnah. Tak banyak, sikit perangai dia akan saya warisi juga akhirnya. Awak nak ke lihat apa yang dia buat kat mak saya, saya buat kat awak nanti?

Jangan fikir macam tu, Emmet.

Bapa borek anak rintik... Mana lagi nak tumpah kuah kalau tak ke nasi... Kalau benda macam ni tak berlaku kepada kita semua, tak akan ada peribahasa Melayu macam ni, Hasnah.

But you are different, Emmet... I love you because you are different.

Tak ada istimewanya saya ni, Hasnah... Baik awak cari orang lain yang lebih sesuai jer.

Tiba-tiba aku lihat Hamiza masuk ke dalam panggung. Dia masuk bersama Melati. Wajah ku pucat. Aku tak tahu mengapa mereka perlu tonton filem ini pada hari ini dan pada saat ini.

Hamiza yang mula-mula menyedari kehadiran ku di dalam panggung, kemudian barulah Melati. Wajah Melati terus berubah.

Hamiza dan Melati berjalan ke arah ku.

Tadi Melati kata awak tak nak ikut kami keluar... Awak kata awak nak pulang terus ke rumah kerana awak ada assignment yang awak kena siapkan. Kata Hamiza dengan sinis.

I can explain. Kata ku sambil memandang ke arah Melati. Aku lihat matanya terus kepada Hasnah.

Whateverlah!

Korang tengok cerita ni buat apa? Tak ada cerita lain ke?

Eh, orang nak tengok cerita apa pun, orang punya suka lah! Kata Hamiza dengan matanya tepat ke arah Hasnah.

Oh, ini Hasnah. Aku memperkenalkan Hasnah kepada mereka. Hasnah... ini Hamiza dan Melati.

Hasnah... Hasnah ex Emmet ke?

Yes... That Hasnah. Jawab Hasnah dengan nada tajam mencemik sambil bersalaman dengan Hamiza dan Melati. Hasnah memandang tajam ke arah Melati yang nampak tak keruan itu.

Buat seketika Melati dan Hamiza bertukar-tukar isyarat tangan. Melati ingin tahu apa yang sebenarnya sedang berlaku. Hamiza pula memberitahunya. Aku pasti dia beritahu Melati yang bukan-bukan tentang aku.

So... Melati ni girlfriend Emmet yang bisu tu ke? Tanya Hasnah.

Yes. But not for long! Hamiza menjeling ke arah ku.

Baguslah, Emmet tak suka orang membebel kepadanya. You are just made for each other!

Okay, kitaorang tak mahu kacau korang dating. Sorry ya?

Eh, ni bukan dating lah! Kata ku bersungguh-sungguh.

Oh, by the way... You tak tahu ke, dia jadikan kawan you Melati ni sebagai girlfriend dia as part of a bet. Kalau tak percaya, tanya kat dia sendiri, tak pun kepada Tamrin atau Raslan. I'm sure they will tell you everything.

Sial betul diorang tu. Memang tak boleh simpan rahsia langsung! Segala-galanya tentang aku mesti mereka laporkan kepada Hasnah.

Hamiza menyepetkan matanya ketika dia memandang ke arah ku. Dia pandang aku macam dia dah benci sangat dengan ku. Beberapa detik kemudian, Hamiza terus menarik tangan Melati ke tempat duduk mereka tanpa berkata-kata kepada ku.

Perlu ke awak beritahu benda ni semua kat diorang? Tanya ku kepada Hasnah. Dia duduk diam tanpa menjawab soalan ku tadi.

Ya, perlu! Because what you did to her is sick, Emmet! Awak ingat perempuan macam saya dan budak bisu tu bahan permainan awak ke? Biar dia tahu apa yang sebenarnya berlaku. Let this be a lesson to you!

Kepala ku rasa macam nak pecah. Bila aku fikir-fikirkan, apa yang berlaku kepada ku hari ini macam cerita filem remaja yang ntah apa-apa. Banyak sangat konflik yang bukan-bukan.

Aku tak tahu apa yang akan berlaku selepas ini. Aku tak tahu apa yang sedang difikirkan oleh Hamiza dan Melati tentang diri ku. Tapi aku harap mereka akan berfikiran rasional. Aku harap mereka tak akan fikirkan bukan-bukan tentang diri ku.

Bila aku toleh ke belakang aku tak nampak Hamiza dan Melati di dalam panggung. Aku tak tahu ke mana mereka pergi. Aku menyumpah seranah diri ku sendiri.

Lima minit kemudian barulah Raslan dan Tamrin masuk ke dalam panggung. Aku tanya mereka kenapa mereka lambat sangat. Raslan kata dia terserempak dengan kawannya di lobi. Aku tanya kepada Tamrin jika mereka terlihat kelibat Hamiza dan Melati di luar. Tamrin menggeleng.

Panggung terus digelapkan. Aku lihat Hasnah duduk diam seperti patung. Aku pula duduk resah langsung tak tahu apa yang sedang aku tonton. Aku SMS Melati dengan mengatakan aku menonton wayang bersama Tamrin dan Raslan. Dia langsung tidak mahu menjawab SMS ku.

Aku pulang ke rumah dengan kepala ku rasa macam nak pecah. Aku SMS Melati lagi. Dia tak mahu jawab. Aku call Hamiza. Dia tak mahu angkat. Bila aku tiba ke rumah, aku takut kalau bapak aku masih menunggu. Dia tak ada. Di dalam lif pula aku rasa takut jika dia tunggu di depan pintu. Macam trauma pula rasanya. Sekarang aku rasa takut untuk pulang ke rumah ku sendiri.

Tamrin memberitahu kepada ku semua ini hal kecil. Dia kata aku tak perlu risau tentang Melati mahupun tentang bapa ku. Tapi apa yang dia tahu?

Kalau aku jumpa dengan budak Hamiza tu esok, aku akan explain kan kepada dia betul-betul. Aku rasa semua ini berlaku pun kerana silap aku jugak. Kata Tamrin kepada ku sebelum dia masuk ke dalam biliknya - tapi aku sempat menahannya. Aku genggam lengannya.

Kenapa kau perlu beritahu fasal taruhan kita dan tentang hubungan aku dengan Melati kepada Hasnah?

Kau sendiri tahu dia kawan aku, bukan? Bila dia tanya kat aku fasal kau, aku tak sampai hati untuk berbohong. Kau sendiri tahu aku tak suka berbohong dengan kawan aku sendiri, kan?

Aku mengeluh seorang diri. Aku lepaskan dia pergi. Dia terus masuk ke dalam biliknya. Aku hentak-hentakkan kepala aku ke daun pintu bilik ku sebelum aku membuka pintu. Aku terus merebahkan tubuh ku ke atas katil. Aku rasa pada saat ini aku adalah manusia yang paling malang dalam dunia ini.

Aku mengeluh seorang diri. Aku lepaskan dia pergi. Aku hentak-hentakkan kepala aku ke daun pintu bilik ku sebelum aku membuka pintu. Aku terus merebahkan tubuh ku ke atas katil. Aku rasa pada saat ini aku adalah manusia yang paling malang dalam dunia ini.

## Bab 18

Banyak kali aku cuba hubungi Melati dan Hamiza melalui SMS, tetapi gagal. Aku dapati, Melati masih menghidupkan telefon bimbitnya, cuma dia memilih untuk tidak mahu menjawab sebarang mesej SMS yang aku hantarkan kepadanya.

Aku cuba cari Hamiza dan Melati di perpustakaan, tetapi mereka tidak ada di situ. Aku cuba cari mereka di tempat-tempat mereka selalu lepak, juga mereka tak ada.

Aku tanya Tamrin jika dia ada nampak Melati dan Hamiza di mana-mana. Tamrin menggeleng. Kepala aku kusut. Aku rasa segala-galanya macam dah tunggang-langgang. Tak ada yang betul lagi.

Okay kau menang. Aku akhirnya berkata kepada Tamrin.

Menang apa ni?

Taruhan kita lah! Kau betul, aku salah.

So... Kau mengaku sekarang kau tak boleh kekal dengan mana-mana awek bukan sebab kau kata diorang kuat membebel?

Ya, aku mengaku.

Aku tak pernah sangka aku akan dengar ini semua dari kau...

Aku tak pernah jadi begini. Aku tak pernah buat apa yang aku buat semata-mata kerana aku rasa bersalah. Tadi, tiga jam aku duduk depan rumah sewa Mel. Tetapi kawannya kata Mel tak ada. Aku tahu dia ada di dalam rumah. Hamiza pun sama. Macam orang bodoh aku dok tunggu depan rumah sewanya dengan harapan dia akan keluar jumpa aku. Tapi tak. Dia langsung tak mahu keluar.

Tamrin masuk ke dalam biliknya. Dia keluarkan apa yang kelihatan seperti sepasang sayap yang boleh dipakai.

Raslan siang-siang lagi dah sediakan sayap ini untuk kau pakai jika kau kalah dalam pertaruhan ini. Tapi tak apalah. This is a bad idea anyway. Kau tak perlu pakai. Kita anggap semua ini tak pernah berlaku.

Aku capai sayap yang dipegang Tamrin. Aku memakainya. Ikatan kulit pada sayap ini aku ketatkan pada bahagian dada ku agar selesa aku pakai. Kini aku ada sepasang sayap.

Tak apa, biar aku pakai. Kata ku dengan serius.

Eh, kau dah gila ke apa?

Kalau Mel tanya kepada kau kenapa aku pakai sayap ni, kata sahaja bahawa inilah bukti cinta aku kepadanya. Beritahu kepadanya juga aku akan terus pakai sayap ini sehinggalah Melati jumpa aku.

Lepas aku beritahu kepadanya tentang niat aku ini aku terus masuk ke dalam bilik tidur ku. Aku kunci pintu aku rapat-rapat. Aku periksa e-mail aku. Melati tak jawab lagi e-mail aku, begitu juga dengan Yahoo Messenger.

Aku rasa dia benci dengan ku.

Malam tu seperti malam-malam sebelumnya aku tak susah nak tidur. Aku rasa sepi. Aku rasa sebahagian dari diri ku kini menghilang entah ke mana.

Aku pergi ke kuliah macam biasa. Tapi dengan sayap aku yang akan aku pakai ke mana-mana kecuali ketika aku nak mandi dan tidur. Aku tak pedulik apa orang nak cakap. Aku tahu ada bebudak yang ketawakan aku, tapi lantak lah.

Dah masuk lima hari aku pakai sayap aku. Dalam keadaan aku macam orang gila ni pun ada budak perempuan hantar e-mail kata diorang nak berkenalan dengan aku - sebab mereka kata aku 'cute' pakai sayap tu ke mana-mana aku pergi. Pada mulanya aku tak tahu mengapa tiba-tiba sahaja banyak e-mail yang aku terima dari budak-budak perempuan ni. Aku hanya tahu bila aku terima e-mail dari seorang kawan yang mengatakan dia ternampak gambar aku di dalam sebuah blog popular kepunyaan seorang budak perempuan dari UM. Budak itu ambil gambar aku tanpa pengetahuan aku lepas tu dia letakkan gambar aku tu ke dalam blognya. Dia ada tulis lah dia terkejut bila dia ada nampak 'angel' di dalam kampus. Dalam masa dua tiga hari selepas itu, dia terima enam foto dari budak-budak lain yang ternampak aku dengan sayap ku. Diorang ambil gambar aku ke mana sahaja aku pergi. Gambar aku tengah naik motor kapcai aku tu pun ada.

Semakin hari semakin banyak gambar aku yang diletakkannya, sampai segan rasanya aku nak masuk ke dalam kampus. Memang ada kalanya aku sedar akan ada pelajar yang keluarkan handphone mereka yang dilengkapi dengan kamera lalu mengambil gambar ku, tapi aku buat bodoh jer. Aku malas dah nak layan.

Tamrin beritahu ku, aku dah jadi macam fenomena di dalam kampus. Semua orang nak tahu kenapa aku pakai sayap tu. Jadi seperti biasa, Tamrin lantik diri dia jadi jurucakap aku. Dia beritahu kepada mereka kenapa dan mengapa.

Dah masuk hari keenam aku pakai sayap aku. Aku masih tidak dapat melihat kelibat Melati dan Hamiza di mana-mana. Mereka sengaja melarikan diri mereka dari ku. Melati masih tidak mahu menjawab mesej-mesej yang aku tinggalkan kepadanya.

Aku rasa sedih. Aku betul-betul rindu kepadanya. Aku rasa kosong. Aku mahu berjumpa dengannya. Sekurang-kurangnya bersemuka dengannya. Aku tak kisah jika dia

mahu marahkan aku. Aku tak kisah, asalkan aku dapat melihat wajahnya untuk mengubati kerinduan ku.

Bapak kau ada tunggu di bawah kondo petang tadi. Ujar Tamrin kepada ku. Petang tadi memang aku tak ada di sini. Percaya atau tidak, aku duduk di hadapan rumah Melati dari pukul 5 petang sehingga ke Maghrib.

Apa dia nak? Tanya ku.

Dia nampak sedih... Aku rasa dia nak duduk berbual dengan kau. Tu jer.

Aku mengeluh. Aku termenung jauh. Aku tak mahu bapak aku terus tunggu aku di bawah kondominium sehingga setiap hari aku rasa takut untuk pulang ke rumah aku sendiri. Aku rasa aku perlu berjumpa dengannya untuk memintanya supaya berhenti.

Aku ambil helmet aku. Aku beritahu kepada Tamrin aku mahu ke Shah Alam. Dia tanya jika aku akan pulang ke rumah malam ini, aku tidak menjawab.

Aku ke rumah yang telah aku diami sejak aku kecil. Sebuah rumah yang tidak aku jejak hampir dua tahun lamanya. Aku menekan loceng rumah. Aku memberi salam. Pintu pagar terbuka secara automatik.

Di dalam rumah aku dapat lihat bapak aku duduk di ruang tamu seorang diri. Ada beberapa botol arak di atas meja. Dia duduk diam termenung. Aku rasa dia mabuk. Ketika mak aku ada di rumah ini dulu, tak pernah berlaku ini semua. Kini semuanya telah berubah.

Bapak aku meracau. Dia ingat ada malaikat yang masuk ke dalam rumahnya tadi. Aku memintanya supaya jangan merepek.

Amat... Kau ada sayap Amat? Tanya bapak aku sambil menggosokkan kepalanya.

Aku mengangguk. Aku menunjukkan sayap ku kepadanya. Dia kata tadi dia nampak aku terbang ke dalam rumah dengan sayap aku cantik berkibar. Aku mengingatkannya bahawa dia dah banyak minum.

Dia mengangguk. Kemudian dia suruh aku duduk di sebelahnya. Aku duduk. Sepertinya, aku rasa aku perlukan seseorang untuk mengisi kesepian ku.

Pa, jangan minum lagi, Pa. Pinta ku kepadanya. Dia tidak menjawab. Dia hanya termenung kosong ke hadapan sebelum dia berkata:

Papa harap Amat dapat maafkan papa.

Saya akan maafkan papa... Tapi papa kena janji dengan saya jangan minum lagi macam ni.

Bapak aku mengangguk perlahan. Aku dapat rasakan dia ikhlas mengukir janji.

Mana Fatin, pa? Tanya ku tentang perempuan jalang yang menyebabkan bapak aku terpaksa meninggalkan mak aku dulu.

Dia tinggalkan papa untuk jantan lain...

Dia tak ugut papa lagi?

Bapak aku menggeleng.

Papa mahu kita semua hidup kembali seperti sedia kala.

Saya tak tahu kalau kita boleh hidup bahagia macam dulu... Segala-galanya dah berubah sekarang, pa.

Amat rasa mak masih sayangkan papa?

Saya tak tahu, pa...

Amat tahu papa sayangkan Amat?

Saya tahu, pa. Saya pun sayangkan papa... Kalau tidak saya tak akan ke sini menjenguk papa.

Aku lihat akhirnya terlukis ketenangan di wajahnya setelah mendengarkan jawapan dariku. Dia lelapkan matanya. Dia tertidur.

Di atas meja di antara botol-botol arak yang ada di situ aku terjumpa dengan sebuah buku nota kepunyaan ibu ku. Aku masih ingat lagi dengan buku ini. Mak aku akan membeli surat khabar yang ada tertera tentang kisah bapak aku turun naik mahkamah. Mak aku akan mengumpul keratan-keratan akhbar ini lalu ditampalnya di dalam buku nota ini. Sehingga kini aku masih tidak tahu mengapa dia melakukannya.

Buku nota ini seperti menjadi saksi kepada kes pembunuhan Najwa yang telah menghancurkan hidup kami sekeluarga.

Najwa Khairudin, 22 tahun, seorang eksekutif pemasaran telah dijumpai mati di kondominiumnya yang terletak di Bukit Kiara dalam keadaan bogel, kepalanya ditutupi plastik dan kedua belah tangan dan kakinya diikat.

Bapak aku, Halim bin Abdul Rahim seorang jurutera yang bekerja dengan sebuah firma kejuruteraan yang terkemuka di Kuala Lumpur telah dihadapkan ke mahkamah dengan tuduhan membunuh Najwa.



Bermacam-macam-macam hal tentang bapak aku telah dilaporkan oleh media massa. Dari hal bapak aku yang dikatakan telah mencukur bulu kemaluannya dua hari sebelum dia menyerah diri kepada pihak berkuasa sehinggalah kepada hal seks ganas yang sering dilakukannya bersama Najwa. Segala-galanya telah disensasikan dan diceritakan dengan teliti, lebih-lebih lagi di dalam tabloid-tabloid Melayu.

Apa satu keratan akhbar yang aku menunjukkan Hani dan Nani menyerahkan kad Hari Baba kepada bapak ku di hadapan mahkamah tangannya digari. Aku masih ingat lagi ketika aku mula-mula membaca tentang hal ini di surat khabar aku menangis.

Selama bapak aku turun naik mahkamah, mak sedaya upaya cuba melindungi identiti ku dari diketahui pihak media. Ketika itu aku tidak lagi menetap di Shah Alam. Mak sama sekali melarang aku dari pulang ke Shah Alam. Dia tidak mahu kesilapan yang telah dilakukan dengan membawa Hani dan Nani ke mahkamah dilakukan kepada ku juga. Dia tidak mahu wajah ku terpapar di ruang-ruang akhbar lalu diri ku diperkatakan mereka sebagai anak seorang yang dituduh melakukan satu pembunuhan ngeri berprofil tinggi.

Walaupun mak berjaya melindungi aku dari media, dia langsung tidak dapat mengawal apa yang mereka paparkan tentang bapak aku di ruang-ruang akhbar dan televisyen. Dia paling sedih apabila Hani dan Nani yang sudah boleh membaca itu terbaca tentang apa yang ditulis tentang bapak aku di ruang akhbar. Mereka bertanyakan kepada mak aku apa itu air mani, apa itu faraj dan apa itu dubur kerana ayat-ayat yang ditanya oleh Hani dan Nani ini ada diperkatakan di dalam media massa setiap kali kes bunuh Najwa disebut-sebut mereka.

Jadi, Hani dan Nani yang pandai membaca itu akhirnya membaca bagaimana Najwa dibunuh. Bagaimana sehelai tuala muka telah digunakan untuk melemaskannya dan kemudian tuala yang sama disumbatkan ke dalam mulutnya. Bagaimana bapak aku dan seorang lelaki tidak dikenali telah melakukan hubungan seks di faraj dan lubang dubur Najwa - semua ini diketahui dari kesan robekkan pada bahagian sulitnya itu. Dan mereka berdua akhirnya dapat tahu bagaimana bapak aku telah mengadakan hubungan seks dengan Najwa dua kali seminggu apabila hubungan mereka semakin intim.

Akhirnya, tahu lah mereka mengapa bapak aku selalu sahaja pulang lewat atau ada kalanya tidak pulang langsung ke rumah.

Ya, semua ini telah diberitakan oleh media massa tanpa selindung. Tanpa kiasan. Tanpa sembunyi. Mereka melaporkan kes ini hampir setiap hari untuk menjual berita yang mereka jaja sehingga aku rasa mereka sebenarnya mempunyai agenda untuk membuatkan rakyat Malaysia rasa sebal dan “desensitised” dengan perkara-perkara ganas dan kejam.

Ketika itu aku ada membaca di muka akhbar tentang laporan kimia yang menunjukkan kehadiran profil DNA milik bapak aku pada faraj dan dubur Najwa. Analisis profil DNA menunjukkan bahawa bapak aku telah melakukan hubungan seks

dengan Najwa sebelum kematiannya dan ini mengukuhkan inferens bahawa bapak aku lah orang yang terakhir dengan si mati.

Laporan kimia juga menunjukkan kehadiran satu lagi profil DNA milik seorang lelaki tidak dikenali pada faraj dan dubur Najwa serta beberapa barang di bilik Najwa seperti pada bantal peluk dan wayar yang mengikat tangannya.

Aku ada baca bahawa wujudnya tangan-tangan halus yang nampaknya ingin melindungi identiti lelaki yang tidak dikenali ini. Ada orang mengatakan lelaki tersebut adalah seorang kenamaan dan bapak aku pula dijadikan kambing hitam di dalam kes ini...

Aku sendiri kurang pasti apa yang sebenarnya berlaku. Apa yang pasti, setelah bapak aku dibebaskan dari sebarang tuduhan membunuh, bapak aku tiba-tiba sahaja memberitahu kepada ku bahawa keluarga kami tidak perlu lagi bimbang soal wang.

Bapak aku dibebaskan dari sebarang tuduhan kerana Fatin, kawan serumah Najwa telah memberitahu kepada mahkamah bahawa dia telah melihat seorang lelaki yang bukan bapak aku lari dari rumah dan dia yakin lelaki tersebut telah membunuh Najwa. Fatin kata, lelaki misteri itu berbadan gelap seperti orang India dan berbau busuk...

Keterangan Fatin di mahkamah telah membebaskan bapak aku. Fatin juga telah menyebabkan mak aku akhirnya mengambil keputusan untuk tinggalkan bapak aku...

## Bab 19

Bapak aku bangun tidur pada pagi itu dengan keadaan kepalanya sakit. Aku membuatkan air kopi untuknya. Dia masih tak faham mengapa aku bersayap. Aku malas nak jelaskan kepadanya mengapa aku memakai sayap di belakang ku. Dia kata aku pelik. Aku kata aku setuju dengan pendapatnya.

Dah lama aku tak berbual dengannya. Kali terakhir aku di rumah ini adalah ketika aku nyaris-nyaris mahu menumbuknya. Pada ketika itu bapak aku akhirnya memberitahu kepada mak aku tentang pilihan yang terpaksa dilakukannya.

Aku masih hairan bagaimana mak aku mampu berada di samping bapak aku sepanjang masa ketika perbicaraan diadakan. Segala tohmahan telah dikeluarkan oleh masyarakat tentang mak aku pada waktu itu, tetapi dia tetap bersabar. Ada orang yang mengatakan mak aku tidak pandai menjaga bapak aku sendiri sehingga membuat bapak aku mencari perempuan lain. Walaupun dia dituduh bukan-bukan, mak aku tetap menghadapi ini semua dengan tabah.

Sebulan selepas bapak aku dibebaskan dari sebarang tuduhan membunuh, bapak aku akhirnya memberitahu kepada mak aku bahawa dia sedang mengadakan hubungan intim dengan Fatin. Sebelum bapak aku mengenali Najwa yang mempunyai pekerjaan sambilan sebagai GRO itu, bapak aku telah terlebih dahulu mengenali Fatin. Melalui Fatinlah dia akhirnya mengenali Najwa yang jauh lebih cantik dan lebih muda itu.

Fatin sebenarnya sudah lama menaruh hati kepada bapak aku walaupun dia menjadi perempuan simpanan kepada seorang eksekutif berbangsa Cina yang tinggal serumah dengannya dan Najwa.

Ketika bapak aku bertengkar dengan mak aku pada hari itu, dia ada berkata tentang konspirasi seorang kenamaan yang melibatkan Fatin. Sejumlah wang yang banyak telah bertukar tangan. Bapak aku juga terpaksa menurut kemahuan Fatin jika tidak katanya, Fatin akan memberitahu kepada pihak berkuasa apa yang sebenarnya telah berlaku pada hari Najwa dibunuh.

Fatin mahukan cinta dari bapak ku setelah dia ditinggalkan eksekutif Cina yang telah menjaganya selama ini. Dia mahu bapak aku meninggalkan mak aku begitu sahaja...

Mak aku cukup-cukup kecewa bila dia dikhianati bapak aku sebegini rupa. Dalam keadaan sedihnya, dia tanya bapak aku jika dia telah membunuh Najwa. Bapak aku tidak menjawab. Dia tidak memberikan sebarang jawapan kepada soalan mak aku itu, tetapi dia telah berkata:

Kalau memang betul aku sayangkan kau, aku tak akan cari perempuan-perempuan macam ni untuk menggantikan tempat kau!

Ketika itu aku tidak mampu berdiam diri lagi. Ketika itulah aku terlalu marahkannya kerana telah membuatkan mak aku meratapi nasibnya dicela oleh suaminya sendiri.

Aku memasak telur goreng untuk bapak aku. Aku suruh dia makan. Aku kata aku perlu pulang ke KL. Dia tanya jika aku ada kelas pagi ini. Aku kata aku tak ada kelas pada hari Sabtu. Dia tanya aku jika aku akan ke mana-mana pada hari ini. Aku menggeleng.

Aku lihat bapak aku hanya merenung ke arah makanannya. Aku mengucapkan selamat jalan kepadanya. Aku ke ruang tamu lalu mengambil buku nota keratan akhbar kepunyaan ibu ku. Bapak aku tidak memerlukannya. Dia tidak perlu ini semua untuk mengingatkannya tentang kesilapan yang telah dilakukannya lalu menghancurkan hidupnya dan orang-orang yang disayanginya.

Aku terus keluar lalu menghidupkan enjin motor kapcai ku.

Aku rasa bapak aku perlu belajar untuk menerima hakikat bahawa dia tidak mungkin boleh mendapatkan kembali kebahagiaan yang pernah dikecapnya ketika kami hidup sebagai sebuah keluarga. Lagipun, apa yang telah berlaku ke atas dirinya adalah tindak balas kepada apa yang dilakukannya di atas pilihannya sendiri dan kini dia perlu menerima padahnya.

Dari Shah Alam aku terus ke Kuala Lumpur. Aku telah ke McDonald's yang terletak di sebelah Central Market dengan harapan untuk menemui rakan Melati yang bernama Siew Ling itu. Aku bernasib baik. Dia sedang bekerja ketika aku mahu menemuinya di sana.

Aku telah bertanya kepada Siew Ling apa yang harus aku lakukan kepada Melati untuk memberitahunya bahawa aku menyayanginya. Siew Ling mengajar ku isyarat tangan untuk "aku sayang kamu" – satu isyarat tangan yang pernah aku lihat Melati tujukan kepada ku tanpa aku fahami maksudnya sebelum ini.

Selama ini, tanpa aku sedari, Melati telah berkali-kali memberitahu aku bahawa dia menyayangi ku.

Aku mengucapkan terima kasih kepada Siew Ling. Aku rasa bersalah terhadap Melati.

Dalam rasa bersalah ku, aku terus ke Kampung Baru. Aku ke tempat rahsia ku. Aku perlu menenangkan fikiran ku di sana.

Aku ke tingkat teratas flat PKNS itu. Aku terus duduk di tangga besi sambil memandang ke arah panorama Kuala Lumpur yang tersergam indah di sekeliling ku. Aku memikirkan tentang Melati. Aku memikirkan tentang segala kesilapan yang telah aku lakukan kepadanya.

Aku sayang kepadanya. Dialah satu-satunya manusia yang berjaya melembutkan hati aku dan membuat aku fahami bahawa dunia ini penuh dengan keindahannya.

Mat. Namaku dipanggil oleh suara yang aku kenali. Aku menoleh. Aku melihat Melati ada di situ. Dia telah memberanikan dirinya untuk berdiri sendiri di atas tangga besi untuk menemui ku.

Mel! Sahut ku. Aku berdiri. Aku memandang ke arahnya. Mana awak tahu saya ada di sini?

Dia memandang terus kepada ku. Dia tidak menjawab soalan ku itu. Tapi dari raut wajahnya aku dapat membaca bahawa dia tahu ini tempat rahsia ku dan dia tahu jika aku ada masalah, aku pasti akan ke sini – untuk mengadu nasib ku kepada sebuah kota bernama Kuala Lumpur yang mampu memberikan segala-galanya dan mengambil segala-galanya dari manusia-manusia yang bercinta dengannya.

Dia menunjukkan sesuatu ke dalam buku notanya. Tulisan yang telah ditulisnya sebelum ini:

Tamrin dah jelaskan kepada saya apa sebenarnya telah berlaku.

Saya minta maaf Mel. Kata ku dengan menggunakan isyarat tangan. Melati mengangguk. Dia memahami dan memaafkan.

Aku memegang tangannya. Aku meminta dia duduk di sebelah ku. Aku tunjukkan kepadanya buku nota keratan akhbar kes pembunuhan Najwa. Di bahagian terakhir buku nota ini aku terjumpa dengan sekeping gambar keluarga ku yang terselit di antara keratan-keratan akhbar yang ada. Gambar ini telah diambil di Pantai Teluk Chempedak setahun sebelum peristiwa ini hadir untuk menghancurkan kebahagiaan kami. Aku tak tahu mengapa mak aku selitkan gambar ini di dalam buku nota ini. Tetapi aku pasti dia mempunyai sebab untuk melakukannya.

Aku tatap gambar itu lama-lama. Aku beritahu kepada Melati bahawa mereka adalah manusia-manusia yang paling aku sayangi - bapak aku, mak aku, Hani dan Nani.

Kemudian tanpa aku sedari air mata ku berlinangan membasahi pipi ku. Segala saat-saat bahagia yang pernah aku alami bersama mereka sebagai sebuah keluarga tiba-tiba terlintas di fikiran ku. Kini semuanya hanya tinggal sebagai memori manis yang akan aku simpan sampai bila-bila di hati ku.

Melati mengesat air mata ku. Dia kata mak aku cantik dan adik-adik aku comel. Aku pula mempunyai iras-iras wajah bapak ku.

Awak tak boleh terus hidup di masa lampau dan membiarkan apa yang telah berlaku terus menghantui hidup awak. Tulis Melati di dalam buku nota kecilnya. Aku setuju dengan pendapatnya. Aku simpan gambar keluarga ku ke dalam kocek kemeja ku

kemudian aku terus siat kandungan buku nota di hadapan ku satu persatu lalu aku campakkan kertas-kertas yang telah aku siat ini ke hadapan dan biarkan ia berterbangan di bawa angin.

Aku akhirnya menjumpai cara untuk mengubati hati ku yang luka selama ini.

Kenapa awak cari saya? Aku akhirnya bertanya kepadanya. Saya fikir saya dah kehilangan awak... Saya fikir awak bencikan saya... Saya fikir dunia ini tak ada erti lagi kalau awak tidak lagi menjadi sebahagian dari hidup saya—

Melati meletakkan jarinya ke mulut ku untuk meminta aku diam. Barulah aku sedar, aku juga suka membebel.

Seterusnya dia buat isyarat tangan yang mengatakan dia sayang kepada ku. Satu isyarat yang baru sahaja aku belajar pagi tadi.

Saya tahu awak pakai sayap awak untuk buktikan awak sayang kepada saya. Sekarang satu universiti tahu awak sayangkan saya!

Sejurus selepas aku membaca tulisannya, aku memintanya berdiri lalu memandang ke arah panorama Kuala Lumpur di hadapan kami. Aku mencari sebarang awan yang dapat dengan tepat menjelaskan perasaan ku kepada dirinya.

Aku menjumpai awan yang aku cari. Awan yang aku pilih itu berkepul di tengah-tengah langit yang membiru. Warnanya putih seperti kapas. Kemudian aku membuat isyarat tangan bahawa aku menyayanginya.

Dengan pantas Mel mengeluarkan kameranya. Dia mengambil gambar awan tersebut. Dia kemudian memberitahu ku bahawa inilah dia awan yang 'perfect' yang dicari-carinya selama ini.

Tapi kenapa awan ini?

Kerana kehadiran awak di dalam hidup saya telah membahagiakan saya dan awan ini adalah buktinya.

Itu lah jawapan yang diberikan kepada ku.

Aku terus memandang ke arah Melati. Dia terus memandang ke arah ku. Aku membuka sayap ku lalu meminta dia memakai sayap ku itu. Dia menurut sahaja tanpa banyak soal. Kemudian, buat beberapa minit seterusnya kami hanya diam sambil saling berpandangan. Kesepian yang terwujud di antara kami dapat ku rasakan seperti bunga-bunga indah menari-nari dalam hati ku. Tanpa meluahkan sepatah perkataan pun, aku terus dapat memahami isi hatinya pada ketika itu, begitu juga dirinya. Barulah aku fahami bahawa pada saat itu, hati kami akhirnya lebur menjadi satu.

Walaupun kewujudan cinta tidak mampu ku lihat, tetapi aku yakin cinta yang diungkai Melati dan diri ku ini indah dan cantik seperti awan-awan di langit.

## Bab 20

Mak aku telah memberitahu kepada ku bahawa bapak akhirnya telah memberanikan dirinya untuk pergi berhadapan dengannya. Bapak aku telah meminta maaf kepadanya kepada segala apa yang telah berlaku di antara mereka. Mak aku seorang yang pemaaf. Dia telah memaafi bapak aku. Tetapi dia ada kata dia belum bersedia untuk pulang ke Shah Alam. Dia perlukan sedikit masa untuk menerima bapak aku kembali ke dalam hidupnya. Aku sebagai anaknya yang paling tua memberitahunya bahawa dia tidak perlu tergesa-gesa di dalam hal ini. Biarlah dia mengambil masanya sendiri untuk melihat jika bapak aku betul-betul ikhlas mahu menjadi seorang suami untuknya dan seorang ayah yang baik untuk aku, Hani dan Nani.

Hasnah menjumpai teman lelaki yang sesuai untuknya. Seorang pemuda berbangsa Cina yang baru sahaja pulang ke Malaysia setelah mendapatkan ijazahnya dalam bidang Perundangan di Cambridge. Aku rasa Hasnah menyayanginya lebih dari dia menyayangi ku. Baguslah kalau macam tu. Aku bahagia jika aku lihat dia bahagia.

Aku rasa semakin sayang dengan Melati. Dia sendiri tahu aku sayang kepadanya. Aku dan dia terus memakai sayap yang telah dibuat oleh Raslan ke kampus. Dalam sekejap masa, ramai yang mula tertanya-tanya dari mana mereka boleh mendapatkan sayap tersebut. Raslan kini menerima banyak tempahan untuk sayap rekaannya. Dia dan Tamrin kini menjadi tauke buat sayap ini. Rumah kami sekarang penuh dengan sayap-sayap yang mereka usahakan bersama. Seperti gelang ala 'Livestrong' yang menjadi kegilaan remaja, kini aku lihat ramai yang memakai kepek rekaan Raslan ini ke mana-mana sahaja aku pergi. Mereka memakai sayap ini sebagai bukti cinta mereka kepada orang yang mereka sayangi.

Aunty Kalsom sering memberitahu kepada Melati supaya jangan sekali-kali berputus asa di dalam hidup. Kita tidak boleh berputus asa jika mahu mengecap kebahagiaan yang kita cari-cari. Aku tidak mahu berputus asa dalam pencarian ku mencari kebahagiaan ku. Itulah janji ku kepada diri ku dan kepada Melati, disaksikan awan-awan indah kesayangannya...

**TAMAT**

*Untuk mak yang telah mengajar ku untuk menjadi seorang manusia yang pemaaf*